Naskhah belum disemak

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT PERTAMA

Bil. 16 **Selasa** **4 Mac 2025**

K A N D U N G A N

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI (Halaman 1)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 11)

USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 39)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 40)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 (Halaman 42)

Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 (Halaman 102)

KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN
4 MAC 2025

Ahli-Ahli Yang Hadir:

1. Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul
2. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Tambun)
3. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
4. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya)
5. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
6. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
7. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin (Kota Tinggi)
8. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
9. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
10. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
11. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina binti Sidek (Nibong Tebal)
12. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
13. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan bin Mohd Ali (Papar)
14. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
15. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
16. Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
17. Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir (Johor Bahru)
18. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly bin Zahari (Alor Gajah)
19. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
20. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)
21. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
22. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
23. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
24. Menteri Ekonomi, Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli (Pandan)
25. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
26. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan (Rembau)
27. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
28. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
29. Menteri Komunikasi, Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
30. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
31. Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
32. Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
33. Menteri Belia dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
34. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha binti Mustafa (Sekijang)
35. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
36. Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)

37. Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang (Kota Samarahan)
38. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
39. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Mohammad Yusof bin Apdal (Lahad Datu)
40. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
41. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu (Sepang)
42. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
43. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
44. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan (Batu Sapi)
45. Timbalan Menteri Komunikasi, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
46. Timbalan Menteri Kewangan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
47. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Adam Adli bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
48. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Sepanggar)
49. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
50. Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
51. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad (Parit Sulong)
52. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
53. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
54. Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
55. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali (Pekan)
56. Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Sri Gading)
57. Ir. Ts. Zahir bin Hassan (Wangsa Maju)
58. Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj (Segamat)
59. Datuk Jonathan bin Yasin (Ranau)
60. Datuk Matbali bin Musah (Sipitang)
61. Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya (Putatan)
62. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
63. Tuan Ganabatirau a/l Veraman (Klang)
64. Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)
65. Puan Rodziah binti Ismail (Ampang)
66. Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib (Tenggara)
67. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
68. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
69. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
70. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa (Tampin)
71. Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
72. Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli (Jempol)
73. Datuk Suhaimi bin Nasir (Libaran)
74. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
75. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
76. Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy (Kalabakan)
77. Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)
78. Puan Syerleena binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
79. Datuk Lo Su Fui (Tawau)
80. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Hulu Langat)
81. Tuan Azli bin Yusof (Shah Alam)
82. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
83. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar (Batu Pahat)
84. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
85. Tuan Chong Zhemin (Kampar)

86. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
87. Dr. Mohammed Taufiq bin Johari (Sungai Petani)
88. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
89. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
90. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
91. Datuk Seri Saravanan a/l Murugan (Tapah)
92. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
93. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
94. Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun (Port Dickson)
95. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
96. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
97. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
98. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Gombak)
99. Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
100. Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
101. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
102. Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (Jelebu)
103. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
104. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
105. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
106. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
107. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
108. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis (Kota Belud)
109. Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
110. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
111. Tuan Wong Chen (Subang)
112. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
113. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
114. Datuk Seri Panglima Dr. Gapari bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
115. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
116. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
117. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
118. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
119. Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching (Beaufort)
120. Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
121. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
122. Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad (Simpang Renggam)
123. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
124. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
125. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
126. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
127. Dato Anyi Ngau (Baram)
128. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
129. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
130. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
131. Tuan Suhaizan bin Kaiat (Pulai)
132. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
133. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
134. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
135. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
136. Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)
137. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
138. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
139. Tuan Riduan bin Rubin (Tenom)
140. Dato' Verdon bin Bahanda (Kudat)
141. Puan Rodiyah binti Sapiee (Batang Sadong)
142. Datuk Wetrom bin Bahanda (Kota Marudu)
143. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
144. Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal (Machang)

145. Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden (Alor Setar)
146. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
147. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
148. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah (Langkawi)
149. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
150. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
151. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
152. Tuan Haji Kamal bin Ashaari (Kuala Krau)
153. Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin (Tangga Batu)
154. Dr. Siti Mastura binti Muhammad (Kepala Batas)
155. Kapten Azahari bin Hasan (Padang Rengas)
156. Dr. Haji Abd Ghani bin Haji Ahmad (Jerlun)
157. Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah (Rompin)
158. Tuan Zakri bin Hassan (Kangar)
159. Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar)
160. Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)
161. Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
162. Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib (Parit)
163. Tuan Kalam bin Salan (Sabak Bernam)
164. Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)
165. Tuan Jamaludin bin Yahya (Pasir Salak)
166. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
167. Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
168. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
169. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
170. Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim (Gua Musang)
171. Tuan Zahari bin Kechik (Jeli)
172. Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan)
173. Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
174. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
175. Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar (Kemaman)
176. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
177. Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
178. Datuk Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
179. Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
180. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
181. Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
182. Dato' Khlir bin Mohd Nor (Ketereh)
183. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh (Besut)
184. Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi (Tumpat)
185. Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki (Parit Buntar)
186. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Kuala Langat)
187. Tuan Zulkifli bin Ismail (Jasin)
188. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak (Kuala Nerus)
189. Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)
190. Tuan Fathul Huzir bin Ayob (Gerik)
191. Tuan Nurul Amin bin Hamid (Padang Terap)
192. Tuan Roslan bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
193. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
194. Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Mohd. Yassin (Pagoh)
195. Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
196. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
197. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
198. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
199. Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman (Bachok)
200. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
201. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)
202. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
203. Datuk Haji Awang bin Hashim (Pendang)

204. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
205. Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
206. Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
207. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
208. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
209. Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan (Merbok)
210. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
211. Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
212. Dato' Azman bin Nasrudin (Padang Serai)
213. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut)
214. Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)
215. Tuan Hassan bin Saad (Baling)

Senator Yang Turut Hadir:

1. Menteri Dalam Negeri, Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
2. Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
3. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
4. Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan
5. Menteri Pendidikan Tinggi, Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir
6. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh
7. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli bin Hasan

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
2. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
3. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
4. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
5. Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir Di Bawah Peraturan Mesyuarat 91:

1. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
2. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
3. Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun (Hulu Selangor)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 4 Mac 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kita mulakan sesi waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri dengan saya menjemput Tuan Chiew Choon Man, Miri. Silakan.

1. Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta Perdana Menteri menyatakan pencerahan tentang caruman KWSP untuk bukan warganegara dan bukankah cadangan ini membebankan majikan serta pada masa yang sama, mengalih perhatian KWSP daripada ditumpukan khususnya kepada simpanan persaraan warganegara.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Perdana Menteri.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih Miri. Seperti mana kita maklum bahawa strategi kita adalah untuk bergantung dan menumpu perhatian membela dan menjaga kepentingan pekerja tempatan. Jadi bila dikenakan dividen yang minimum ini, ini adalah maksudnya dengan dua peratus itu adalah untuk menekankan satu caruman yang dengan sendirinya memberi peluang kepada kerajaan keseluruhannya mendaftar jumlah pekerja asing.

Keduanya, menggunakan sistem institusi kewangan termasuk KWSP dan sistem perbankan dan ketiganya supaya mereka tahu simpanan itu tetap dan mereka akan didorong untuk mengeluarkan apabila tempoh — tamat tempoh khidmat mereka dan permit untuk mereka bekerja di sini. Jadi kita, KWSP dan Kementerian Kewangan mengadakan libat urus dengan semua syarikat besar dan juga PMKS.

Kita juga terikat dengan piawaian antarabangsa Artikel 68 Konvensyen 122, *International Labour Organization* (ILO). Sebab itu kalau kita lihat hampir 70 negara menggunakan kaedah caruman walaupun kebanyakan negara meletakkan caruman yang lebih tinggi. Jadi, kita menggunakan yang minimum iaitu dua peratus kerana kita anggap dua peratus itu tidak akan membebankan.

Ini tidak juga mengurangkan perhatian KWSP kepada rakyat tempatan. Umpamanya, kita perkenalkan apa yang disebut caruman sukarela pada tahun 2024 yang *self-employed,* kerja sendiri. Itu 1.2 juta ahli adalah membuat caruman sukarela dan akan memberi manfaat.

Kemudian, kita ada i-Saraan, i-Suri yang untuk menjaga kepentingan sektor informal termasuk terutama isteri-isteri sebagai yang menjadi suri rumah tangga. Jadi, insentif kerajaan itu sudah mencecah RM4.16 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Baik saya jemput Miri.

Tuan Chiew Choon Man [Miri]: Terima kasih Yang Amat Berhormat atas jawapan yang diberikan. Berkenaan dengan KWSP juga, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pengumuman terbaru KWSP yang telah mengisytiharkan kadar dividen luar biasa 6.3 peratus bagi kedua-dua simpanan konvensional dan simpanan syariah. Kadar ini merupakan pencapaian tertinggi sejak tujuh tahun yang lalu sekali gus membuktikan keupayaan KWSP dalam memberikan pulangan yang stabil dan kompetitif meskipun berhadapan dengan cabaran ekonomi global serta proses pemulihan pasca pandemik.

Saya memohon Yang Amat Berhormat memberi pencerahan, adakah pencapaian KWSP ini adalah satu tanda kukuh bahawa asas ekonomi negara berada dalam keadaan baik selari dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia mencatat 5.1 peratus bagi tahun 2024 dan turut mencerminkan kejayaan pentadbiran serta dasar Kerajaan MADANI.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Silakan Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Tentunya kita harus menyatakan penghargaan kepada pengurusan KWSP sendiri kerana prestasi mereka dan ketelusan dan kecekapan yang menyebabkan kita mencatat rekod yang kian lebih baik. Setakat Disember 2024 umpamanya, 63 peratus jumlah pelaburan KWSP adalah pasaran domestik iaitu RM782 bilion. Pertumbuhan ini 11 peratus ketimbang 2023. Pencapaian dividen ini juga kerana keyakinan pelaburan kepada dasar Ekonomi MADANI, kita capai 51 peratus yang lebih tinggi daripada unjuran yang saya buat di sini tahun sebelumnya.

Bursa peningkatan itu 12.9 peratus. Ini satu peningkatan yang besar. Kemudian, dalam dasar-dasar kita yang kita perkenalkan telah menarik perhatian kerana ketegasan dan beberapa langkah *reform* institusi yang telah kita perkenalkan termasuk yang disebut Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab, *Fiscal Responsibility Act* dan juga beberapa langkah lain institusi yang kita akan perkenalkan hari ini dan berikutnya.

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Padang Terap.

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, antara faktor KWSP boleh memberikan dividen yang tertinggi dalam tempoh tujuh tahun adalah kerana KWSP tidak membenarkan sebarang pengeluaran khas pada tahun lepas daripada akaun pengeluaran.

Saya ─ sebagai kerajaan, saya berpandangan bahawa pihak kerajaan seharusnya melihat secara holistik masalah rakyat iaitu saya hendak menyentuh tentang pencarum-pencarum yang tercicir daripada 16.22 juta pencarum ahli KWSP, ada pencarum yang berhenti kerja dan diberhentikan kerja, yang tidak ada berpendapatan dan terpaksa berhutang, ada yang terpaksa menggadai rumah dan harta benda dan sebagainya. Tidak ada duit untuk hidup dan mereka ada duit dalam akaun KWSP.

Jadi, adakah pihak kerajaan wajar untuk mempertimbangkan kumpulan pencarum yang tercicir untuk mengeluarkan akaun duit simpanan mereka sendiri untuk meneruskan kehidupan iaitu pengeluaran secara bersasar. Minta pertimbangan daripada pihak kerajaan tentang kumpulan yang terdesak, terhimpit kos kehidupan mereka. Tapi mereka ada duit dalam akaun mereka, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih Padang Terap. Bila pencarum melihat dividen 6.3 peratus, dia faham bahawa simpanan itu akan memberikan hasil yang lumayan kepada mereka, itu satu. Keduanya, KWSP telah keluar kenyataan bahawa majoriti pencarum, terutama di kalangan masyarakat Melayu itu mempunyai simpanan yang sangat kecil. Jadi, membuka ruang itu akan menimbulkan masalah dalam beberapa tahun lagi tatkala mereka bersara.

Yang ketiga prinsip yang saya ingat yang kita pegang daripada awal, saya ingat puluhan tahun dulu masa saya jadi Menteri Kewangan, tidak ada kelonggaran berlebihan kerana prinsip KWSP ini adalah simpanan untuk hari tua. Jadi, sebab itu sementara saya faham keluhan Yang Berhormat, ada kalanya beberapa pengecualian diberikan dan kelonggaran kalau ─ dan ini diberikan dan banyak kes rayuan khusus, itu diberi pertimbangan khas ya terutama dalam keadaan keuzuran dan sebagainya.

Tetapi membuka ruang yang terlalu luas, bermakna kita akan menghukum mereka bila mereka beransur tua dan bersara. Jadi, kerajaan kena melakukan keseimbangan ini di antara menyelesaikan masalah mendesak segera dan menghukum mereka, mendera dalam keadaan mereka telah bersara, dalam keadaan mereka tidak ada upaya lain. Jadi, kalau ada spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap, saya percaya KWSP boleh berikan pertimbangan sepertimana mereka lakukan sekarang. Katalah keadaan-keadaan yang mendesak walaupun tidak ikut peraturan kaedah yang diberikan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan MADANI dan KWSP yang berjaya merekodkan dividen simpanan syariah pada kadar 6.3 peratus bagi tahun 2024 iaitu menyamai simpanan konvensional buat pertama kalinya sejak 2017.

Persoalan saya mengenai KWSP ini, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu dasar baru dengan mewajibkan semua pencarum yang beragama Islam untuk mencarum ke dalam simpanan syariah secara automatik bagi mengelakkan simpanan mereka diragui dari segi halal haram dan persoalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menjelaskan lebih lanjut mengenai manfaat untuk memperluaskan liputan, caruman, mandatori KWSP kepada pekerja bukan warganegara Malaysia, termasuklah manfaat kepada pekerja tersebut, manfaat kepada majikan dan juga manfaat kepada negara. Terima kasih Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Enam soalan bersiri. *Alhamdulillah* kerana pengurusan KWSP, kita catat pertama kalinya rekod dividen yang sama di antara konvensional dan syariah. Dulu kita dikritik, disergah kerana perbedaan ini. Keduanya ada yang bimbang. Mereka mengkritik kerana dijangka dividen akan lebih rendah. Sekarang dua-duanya itu telah terjawab.

Bagi saya, kesan ini penting kerana ianya rekod ini dengan sendirinya akan memberi galakan kepada umat Islam untuk memindahkan kepada simpanan syariah. Jadi, sebab itu kita tidak bercadang untuk mewajibkan tetapi dengan bukti ini dan dengan beberapa siri galakan dan penerangan, kita harap jumlah ini akan dapat ditambah. Jadi, tidak ada dasar untuk mewajibkan, tetapi menggalakkan. Umat Islam ini patut diberikan penjelasan ya.

Pertama, apa erti dan perbedaan seperti banyak perbankan tanpa faedah dan beberapa instrumen syariah diperkenalkan dalam instrumen kewangan kerana Malaysia *Alhamdulillah* mutakhir ini dianggap di antara yang paling ke depan, tetapi saya akui beberapa langkah baru harus diambil, termasuk oleh KWSP.

Soal caruman saya telah jelaskan tadi. Pertamanya untuk mempertahankan kepentingan pekerja tempatan. Bagi saya tidak munasabah bila negara terus bergantung berlebihan kepada pekerja asing. Ya, *estimate* 35 ─ 4 juta hari ini. Jadi, kalau terpaksa ambil dari negara sekarang, biarlah mereka dikenakan kaedah dan sistem yang sama, peraturan yang sama dengan pekerja tempatan. Ya, maknanya termasuk caruman walaupun minimum dia tidak membebankan kerana kos ─ maknanya mengambil pekerja asing dengan sendirinya tertambah.

Kalau tidak, tidak mungkin ada kemungkinan peluang untuk kita menumpukan perhatian mengambil pekerja tempatan. Semuanya akan memilih cara mudah. Oleh kerana kerajaan telah mula mengekang kemasukan pekerja asing, maka kita juga akan kenakan caruman ini dan caruman ini juga akan menentukan rekod. Saya sebut tadi rekod dan juga tarikan supaya mereka boleh bila pulang dia tahu ada wang. Kalau dia tidak daftar, dia pergi secara berasingan dia tidak akan dapat ambil simpanan itu, kerana syarat simpanan akan diberikan kepada mereka, hanya dengan rekod bahawa mereka akan meninggalkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, seterusnya. Saya jemput Datuk Haji Awang bin Hashim, Pendang.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, *Alhamdulillah* selamat berpuasa Yang Amat Berhormat dan semua dan Ramadan Kareem.

2. **Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) berapa nilai dan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar bagi Malaysia untuk tahun 2022, 2023 dan 2024; dan

(b) berapa nilai dan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal bagi Malaysia untuk tahun 2022, 2023 dan 2024.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Silakan Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya Pendang, saya memilih untuk menjawab kerana Pendang berkali-kali meminta penjelasan dalam tajuk ini dan keduanya saya juga perhatikan Pendang sudah ikut Muar sekarang, baju Melayu.

[Ketawa]

Baik, ia ─ kadar pertumbuhan ini selalunya tahun itu mesti ketimbang tahun sebelumnya. Jadi, sebab itu kita bawa sejak tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan 2024. 2020 itu menguncup 5.5 peratus ya. Jadi, apabila kita lihat 2021, dia berkembang 3.3 peratus. Bagaimana kita hendak faham dari segi ekonomi makro, maknanya "3.3" peratus daripada penguncupan tahun sebelumnya. Jadi, maknanya dari segi *real terms* pertumbuhan ekonomi, masih terlalu rendah. Baik, tahun 2022 *post-covid* dia naik 8.9 peratus. Dari mana? Dari 3.3 peratus, jadi selalu *relatives*. Tahun 2023, naik daripada *base* 89 peratus itu, kepada 3.6 peratus.

■1020

Jadi, kita kena faham ini *low-based* dan *contraction* dan kenaikan *post-Covid*. *Now*, 2024 *alhamdulillah* 5.1 peratus ya di antara tertinggi di rantau ini. *Now*, pertumbuhan KDNK nominal, ya nominal ini *then*, kalau perlu penjelasan kita beri penjelasan apa makna dibedakan dengan nominal ya. Penguncupannya jauh lebih tinggi. Tahun 2020, penguncupan 6.2 peratus. Kalau ikut dari segi nominal, maknanya serius. *Economic plight* akibat Covid. 2021, berkembang 9.2 peratus. 2022 – 15.8 peratus daripada penguncupan dan pengembangan awal.

2023 – 1.6 peratus dan 2024 – 5.9 peratus. Baik, tentunya ini ada kaitan dengan ya dari segi kemampanannya ialah apakah boleh kita pertahankan untuk beberapa tahun. Untuk mengenal pasti kekuatan asas ekonomi. Tapi kalau kita lihat dari segi pencapaian makroekonomi 2024, kita boleh merasa lega sedikit.

Yang pertama, pertumbuhan.

Kedua, inflasi yang rendah 1.8 peratus.

Ketiga, *Gross Fixed Capital Formation* meningkat 12 peratus, iaitu pertumbuhan pelaburan meningkat tinggi 12 peratus.

Keempat, Bursa tahun 2024, iaitu peningkatannya itu 12.9 peratus ya. Itu agak tertinggi dalam tempoh 4 tahun.

Jadi, apa faedahnya? Prestasi inilah menyebabkan ASB kita tertinggi dalam 5 tahun. KWSP, 6.3 peratus tertinggi sejak 2017. Jadi, kalau soalannya apakah angka-angka yang memukau ini beri faedah kepada rakyat? Jawabnya ya. Apakah harus ditambah lagi? Saya

setuju. Umpamanya, peluang pekerjaan 120,000 orang pekerjaan baru. Maknanya dengan kadar pengangguran 3.1 peratus Disember 2024.

Kemudian, ini yang menyebabkan kita lebih yakin menambah sistem persaraan gaji tahun ini RM10 bilion peningkatan. STR tahun ini, RM13 bilion. Jadi, bagaimana kata bahawa pertumbuhan ini tidak beri faedah kepada rakyat. STR tambah menjadi RM13 bilion tertinggi dalam sejarah. Gaji, kenaikan yang tertinggi ketimbang tahun-tahun berikut dan sebelumnya. Jadi, ini faedah langsung kepada rakyat termasuk peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Pendang.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sudi menjawab soalan saya pagi ini. Saya sedikit buat *homework* dekat rumah berkenaan dengan latar belakang KDNK yang dipetik dalam ucapan Yang di-Pertuan Agong sejak 2019 hingga 2025 ini, yang baharu ini. Semenjak 2019, semua angka pertumbuhan KDNK dititah Yang di-Pertuan Agong adalah angka pertembungan sebenar, pertumbuhan sebenar KDNK ataupun *real GDP gross*, berbanding 2025, menggunakan KDNK nominal.

Adakah kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan berhasrat untuk menjadikan angka KDNK ini, angka KDNK nominal ini sebagai angka sandaran utama kerajaan dalam setiap ucapan pembentangan serta laporan yang disediakan oleh agensi kerajaan dalam semua urusan rasmi bersama pelabur profesional serta semua pemegang taruh sektor ekonomi.

Salah satu yang dikaitkan dengan GDP, yang ─ elemen yang ada dengan GDP adalah mengenai gaji yang disebut tadi. Data daripada Bank Negara Malaysia menunjukkan peningkatan gaji sektor swasta, *real wages* iaitu kenaikan gaji yang lebih, yang telah ditolak inflasi, naik 1.3 peratus pada suku keempat, tahun lepas. Manakala kalau kita lihat sektor pembuatan ataupun *manufacturing nominal wages gross*, kenaikan gaji kasar sektor pembuatan adalah 1.7 peratus dan inflasi adalah 1.8 peratus pada tempoh yang sama. Maka kenaikan gaji bersih ataupun *real wages* sebenarnya adalah negatif 0.1 peratus.

Justeru itu, rakyat berasa tertekan dengan kenaikan harga barang kerana gaji mereka tidak naik dengan setimpal. Oleh sebab itu, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menaikkan gaji sektor swasta, terutamanya dalam sektor pembuatan dan bilakah jangkaan rasionalisasi subsidi RON 95 akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, panjang soalannya. Silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Jarang saya setuju dengan Pendang tapi hal ini saya setuju iaitu selain daripada peningkatan gaji bagi sektor awam, yang *Alhamdulillah* dicapai dan diterima dengan baik tetapi kita ada masalah di swasta. Sebab itu kerajaan telah secara tegas, berani menetapkan gaji minimum ya, RM1,700. Ini ─ walaupun tidak dipersetujui oleh sebahagian daripada sektor swasta, itu satu.

Keduanya, kita perkenalkan apa yang kita sebut Skim Gaji Progresif. Maknanya kita akui bahawa syarikat-syarikat yang punyai rekod pencapaian dan keuntungan tinggi, harus memulakan tradisi-tradisi ini.

Dan saya tegas cuma dia tidak ada kekuatan undang-undang memaksa syarikat swasta kerana namanya swasta untuk menekankan. Cuma, sekarang ini kita mula gunakan apa yang disebut, *moral suasion*. Apa maknanya mula dengan GLICs semua syarikat-syarikat kerajaan yang banyak. Ratusan ribu pekerja ya. Dari PETRONAS ke TNB ke TELEKOM. Semua ini menetapkan gaji yang lebih tinggi daripada kadar yang kita sebutkan minima maknanya mencecah lebih daripada RM2,000.

Kemudian syarikat-syarikat yang mempunyai ─ mencatat gaji keuntungan besar, itu diminta juga membayar lebih tinggi. Saya sendiri, selain daripada Menteri-menteri lain, menemui umpamanya syarikat-syarikat termasuk *plantation* yang mencatat keuntungan haruslah lebih adil supaya jangan umpamanya catatan keuntungan mereka kata terlalu tinggi tapi gaji pekerja tidak setimpal. Kita ada umpamanya kesenjangan di antara kenaikan produktiviti dengan gaji. Dia ada *gap* di situ.

Kenaikan produktiviti lebih tinggi daripada kenaikan gaji, ditambah pula dengan inflasi. Walaupun rendah tetapi kalau gaji tak naik, ya jadi inflasi itu akan mengesankan. Jadi, kita sekarang mengambil langkah saya kata pertama, gaji minima. Keduanya, gaji progresif dan ketiganya menetapkan GLIC telah pun melaksanakan dan keempat, syarikat-syarikat swasta mencatat keuntungan besar diminta dan digesa supaya lebih adil kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Berkaitan juga tadi dengan angka-angka yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ramai yang mengatakan bahawa angka-angka ini memukau. Tetapi ada sebahagian yang merasakan bahawa ramai daripada kalangan rakyat tidak dapat limpahan daripada peningkatan ekonomi tersebut.

Mungkin ada kaitan dengan peluang pekerjaan tapi peluang pekerjaan itu mungkin tidak menggambarkan suasana menyeluruh, di mana mereka dapat nikmat keseluruhan. Jadi soalan saya, apakah lagi tindakan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dan juga untuk memastikan supaya kita boleh terjemah komitmen pelaburan asing itu kepada lebih peluang-peluang pekerjaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya tertinggal tadi Pendang. Saya tanya nominal tadi, nampak dia resah. Dia kata nasib baik PM tak jawab. Saya setuju bahawa angka nominal itu bukan angka biasa. Dia sebab 5.9 peratus itu juga suku kedua. *Real truth* suku kedua 5.9 peratus, nominal 5.9 peratus sebab pada masa titah di-Raja itu, angka untuk suku keempat belum ada. Dan keduanya angka untuk purata tahun pun belum ada. Itulah sebabnya mengapa diambil nominal tetapi saya setuju bahawa angka yang patut diumumkan berikutnya tidak angka nominal tetapi angka KDNK *real terms right*.

■1030

Baik, soal yang berikutnya ialah oleh Ledang ialah tentang limpahan. Limpahan saya jelaskan. Tengok dari segi dividen, tengok dari segi RM13 bilion STR, tengok dari segi RM10

bilion sistem saraan. Itu semua itu langkah-langkah yang kita ambil pihak kerajaan. Kemudian, pada GLIC ini ratusan ribu pekerja GLIC juga diminta dinaikkan kadar upah.

Ketiga, gaji progresif. Gaji minimum di pihak swasta. Tetapi langkah-langkah seumpamanya ini terpaksa kita lakukan *upskilling* ya. *Upskilling* ini maknanya TVET3, SKM3. SKM3 itu gaji minimum RM3,000 ya walaupun lulusannya TVET. Jadi, apa yang dilakukan oleh TPM I yang dalam Majlis TVET itu ialah menentukan supaya peluang itu lebih. Ini termasuk umpamanya anak-anak Maahad Tahfiz yang dibawa ke TVET dan dengan sendirinya akan dapat minimum sekarang ini gaji memang RM2,000 tetapi kalau di-*upskill*, dia cecah RM3,000.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Sri Gading.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Terima kasih Tan Sri Speaker. Berdasarkan pada jawapan Perdana Menteri yang begitu meyakinkan kepada kita, cuma persoalannya tentang kenaikan gaji daripada RM1,700 ini. Daripada RM1,500 kepada RM1,700.

Kami dapati bahawa SME — kebanyakan SME syarikat-syarikat medium ini adalah merupakan antara yang terbeban dengan kenaikan gaji. Apakah langkah kerajaan untuk membantu SME supaya dapat terus beroperasi tanpa membuang pekerja-pekerja mereka? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sri Gading, kalau saya jelas tadi soalan itu maknanya terkait dengan kedudukan PMKS dengan SME. Kalau dilihat dari segi belanjawan, pinjaman dan kemudahan kewangan ditambah itu besar ya. Saya tak dapat ingat angkanya sekarang, tetapi dalam belanjawan, ini kali pertama kita tingkatkan upaya PMKS.

Tetapi PMKS seperti kita tahu dia ada *grading* berbeda. Ada yang betul-betul di peringkat terendah yang masih sukar. Jadi, dalam kes seperti itu, beberapa langkah melalui agensi-agensi baik sama ada MARA, PUNB ataupun TEKUN yang untuk membantu dari segi modal, dari segi kepakaran, dari segi latihan kepada PMKS yang banyak diselaraskan juga oleh MITI melalui MATRADE dan beberapa agensi yang terkait.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Tan Sri Speaker.

Malaysia berniat untuk diklasifikasikan sebagai negara berpendapatan tinggi, dalam bahasa Inggeris, *high income country.* Tetapi untuk kita capai sasaran ini pada tahun 2050, kadar produktiviti negara perlu ditingkatkan lebih dua kali ganda. Pada 10 tahun yang lepas, kadar produktiviti negara meningkat dalam kadar 2.4 peratus, dia perlu dilipat kali gandakan ke lima peratus setiap tahun.

Persoalan saya, apakah rancangan kerajaan bukan sahaja untuk meningkatkan gaji tetapi kadar produktiviti pekerja supaya capai peningkatan lima peratus jika nak dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Korea Selatan, Singapura. Mereka membelanjakan dua ke empat peratus daripada KDNK negara bagi tujuan kaji selidik contohnya *for research*.

Tetapi di Malaysia kita hanya belanjakan 0.8 peratus dari KDNK negara. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Dia tanya saya tak pakai baju Melayu, bila saya keluar kamu ungkit.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Dekat luar nanti saya berikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Baik, soalan tepat. Sebenarnya, kenaikan gaji itu juga terkait dengan peningkatan produktiviti. Saya beritahu, umpamanya kajian di beberapa negara macam Jepun, Korea. Peningkatan produktiviti yang tinggi, yang menyebabkan ada lonjakan gaji.

Dalam kes di Malaysia, ada juga kes di mana produktiviti meningkat tetapi upah tidak setimpal. Ini kita sedang perhatikan. Tetapi bagaimana harus kita tingkatkan produktiviti? Dia pertamanya *upskilling* seperti mana yang dilakukan melalui TVET. Keduanya, memperkenalkan beberapa disiplin baharu seperti *AI digital*, *energy*, teknologi baharu di universiti dan pusat-pusat latihan dan *centers of excellence.* Banyak syarikat baharu yang masuk melabur, kita syaratkan mewujudkan *center of excellence.* Ini termasuk Nvidia, Google, Microsoft, Infineon, semua ada. Kita wujudkan *center of excellence, training, upskilling* supaya dengan cara begini terutama AI.

Saya akui AI ini satu pendekatan yang mencabar kerana walaupun kita jadikan ini dasar yang jelas tetapi penguasaannya itu masih terbatas. Jadi, arahan kepada semua pusat pendidikan termasuk sekolah menengah dan universiti memberikan tumpuan kerana saya berpendapat penguasaan AI ini akan menentukan sama ada Malaysia ada keupayaan dari sudut peningkatan produktiviti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, satu soalan. Saya rangkum dua-dua ya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, jarang berlaku tetapi saya benarkan Arau. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya terima kasih. Pemaparan yang hebat. Tetapi sekarang ini permasalahan yang berbangkit ialah pendapatan yang KDNK sebenar yang tinggi dan juga pendapatan berdasarkan produktiviti. Tetapi kenaikan harga barang tak seimbang. Dia naik ikut seronok dia.

Jadi, apakah usaha kerajaan untuk nak pastikan supaya kenaikan kos hidup dan juga harga barang ini diseimbangkan ataupun bukan diketimbang, diseimbangkan dengan pendapatan. Kedua Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bercadang untuk Akaun 1 itu dibenarkan untuk dikeluarkan dimasukkan ke Akaun 3? Rakyat tengah susah sekarang. Ini permintaan rakyat. Saya tak pernah saya dapat respons yang begini besar. Dalam masa satu jam, satu juta rakyat respons kepada *TikTok* saya. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini terima kasih Arau. Ini kali pertama saya dengar teori ekonomi yang boleh seimbangkan harga barang daripada pendapatan. Tetapi saya mungkin kena belajar lagi teori ekonomi.

Dia sebenarnya harga barang itu tiada kaitan sama sekali dengan pendapatan. Dia soal *supply and demand* ya dan keduanya pemantauan. Saya setuju. Maknanya kalau harga itu tak sepatutnya dinaikkan, pemantauan itu harus lebih ketat. *Supply* harus ditingkatkan. Beri kaedah umpamanya import sementara ini...

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau]: *[Berdiri]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: ...Daripada mana negara yang memberikan pulangan yang lebih jauh lebih murah. Itu langkah-langkah yang diambil. Saya tidak nafikan bahawa ada permasalahan kita hadapi dari segi kos sara hidup ya.

Kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran masih rendah. Tetapi dibandingkan dengan pendapatan rakyat, dibandingkan dengan pengalaman yang dihadapi oleh terutama rakyat berpendapatan rendah memang menimbulkan masalah. Jadi, sama ada melalui NACCOL, jawatankuasa, dan Menteri berkenaan memang kita berikan ini keutamaan ya.

Keduanya, Akaun 3 tadi saya sudah jawab. Lain kali Arau kena datang awal sikit kerana saya sudah jawab soalan ini tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mesyuarat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ada mesyuarat ya. Maknanya jawapan saya lebih penting daripada mesyuarat itu sebenarnya. *[Ketawa]* Tetapi tak apa. Jadi, maknanya saya sebut tadi kalau kita lihat umpamanya dari segi dividen, dari segi matlamat ini memang saya faham ya.

Ada keperluan yang mendesak kalau betul ada bukti mendesak, pengurusan KWSP memang beri sedikit kelonggaran. Tetapi kita harus ingat, KWSP itu ditubuh dari awal seusai kemerdekaan adalah untuk menjamin masa depan pencarum. Jadi, kalau kita ambil semua ataupun sebahagian besar, dia masa depan dia itu gelap. Itu *problem* yang kita harus imbangi di antara keduanya. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Teori ekonomi tadi kalau gaji naik barang naik.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat sekarang tamat. Dengar-dengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Simple theory* Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau]: Yang Amat Berhormat Menteri, satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau]: Mohon satu lagi Dato' Speaker.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Arau kata maknanya gaji tak payah naik ya? Saya tak bersetuju. Gaji tetap naik. *[Tepuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, barang mesti turun Yang Berhormat, barang turun.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Sila Setiausaha.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kita mulakan dengan saya menjemput Dato' Seri Utama Aminuddin bin Harun, Port Dickson.

1. Dato' Seri Utama Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan sebarang pindaan undang-undang dalam meningkatkan perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga, khususnya yang melibatkan wanita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih saya ucapkan pada Yang Berhormat Port Dickson di atas soalan yang dikemukakan.

■1040

Tan Sri Yang di-Pertua, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] telah mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 1996 bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Akta 521 seterusnya telah dipinda pada tahun 2012 dengan memasukkan aspek penderaan psikologi dan emosi.

Manakala pengemaskinian pada tahun 2017 merangkumi penambahan tafsiran keganasan rumah tangga serta perlindungan segera kepada mangsa melalui perintah perlindungan kecemasan (EPO). Selain daripada Akta 521 yang menyediakan perlindungan kepada mangsa, Akta Kanun Keseksaan [Akta 574] juga perlu dibaca bersama dalam menentukan pendakwaan kepada pelaku keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan oleh PDRM, trend kes telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2024 berbanding kes yang dilaporkan pada tahun 2022 dan 2023. Pada tahun 2022, sebanyak 6,540 kes telah direkodkan, diikuti dengan 5,507 kes pada tahun 2023, manakala pada tahun 2024, sebanyak 7,116 kes dilaporkan.

KPWKM peka dengan kenaikan kes-kes keganasan rumah tangga yang berlaku pada tahun 2024. Keperluan pindaan ke atas Akta 521 ini serta perundangan lain yang berkaitan akan terus dikaji daripada semasa ke semasa bagi memastikan kawalan dan tindakan perundangan ditambah baik.

Pada masa ini, KPWKM meletakkan fokus utama pengurusan kes keganasan rumah tangga dengan kerjasama strategik bersama agensi-agensi kerajaan serta pelbagai NGO melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT). JKRT memainkan peranan untuk menyelaras serta memantau isu dan inisiatif berkaitan keganasan rumah tangga secara holistik dan menyeluruh. Ia meliputi inisiatif merangkumi analisa ke atas

data kes keganasan rumah tangga, aspek advokasi, bantuan perlindungan, khidmat sokongan dan pengupayaan diri.

Melihat kepada kepentingan institusi keluarga yang kukuh sebagai asas pembinaan masyarakat, KPWKM sedang mengemas kini Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memastikan dasar ini selari dengan struktur keluarga masa kini. Adalah menjadi harapan KPWKM dengan adanya struktur keluarga yang utuh dengan nilai-nilai kekeluargaan yang positif, secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kes keganasan rumah tangga yang berlaku.

Melalui pendekatan menyeluruh *whole of government* dan *whole of society*, KPWKM akan terus komited dalam menangani kes keganasan rumah tangga. Menerusi jaringan kerjasama dan sinergi *multisectoral* ini, semua agensi dan lapisan masyarakat dapat memainkan peranan dan tanggungjawab bersama untuk memberi sokongan sosial kepada golongan yang memerlukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Saya jemput Port Dickson.

Dato' Seri Utama Aminuddin bin Harun [Port Dickson]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Adakah kerajaan merancang untuk memperkukuhkan mekanisme penguatkuasaan undang-undang sedia ada seperti perintah perlindungan ataupun sokongan guaman bagi memastikan keselamatan segera mangsa keganasan rumah tangga? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Menteri.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Tan Sri dan juga terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat daripada Port Dickson.

KPWKM memang sentiasa prihatin terhadap mangsa keganasan rumah tangga dan pengukuhan mekanisme penguatkuasaan undang-undang telah pun kita laksanakan melalui pindaan Akta 521 seperti yang telah dinyatakan dengan memasukkan aspek penderaan dan kecederaan psikologi dan kemudiannya ditambah baik pula dengan tafsiran keganasan rumah tangga dan perlindungan segera.

Melalui EPO, untuk makluman Dewan juga, ianya sah selama tujuh hari dan boleh terus diguna pakai oleh JKM kemudian bagi kes yang lebih serius. *Interim protection order* ataupun IPO pula dilaksanakan bagi siasatan lanjut sehingga selesai. Dan *protection order* dikeluarkan oleh mahkamah. Dan mangsa, kita boleh tempatkan mereka di tempat-tempat yang selamat. Untuk makluman Dewan juga, ada 42 tempat yang selamat. Ada tempat untuk berlindung, rumah perlindungan di bawah JPW dan juga pusat transit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Saya jemput Rantau Panjang.

Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Kita lihat akhir ini, sebelum ini pun banyak kes di mana mangsa menarik semula saman mereka yang menyebabkan pelaku ini terlepas daripada hukuman. Laporan daripada D11 menunjukkan bagaimana apabila kes ini telah dilaporkan dan disiasat, hampir siap, tiba-tiba kes ini ditarik balik.

Jadi, saya ingin tahu, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan supaya pelaku ini tidak terus terlepas daripada hukuman dan mereka tidak mengulangi perkara keganasan ini? Apakah usaha untuk mengatasi masalah kelemahan penguatkuasaan terutama daripada sudut kegagalan segera dalam bertindak? Sebab, kita lihat banyak mangsa-mangsa ini lambat untuk menerima atau mendapat perlindungan apabila mereka melaporkan kes-kes penderaan yang berlaku kepada mereka. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Menteri.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat daripada Rantau Panjang di atas soalan tambahan yang telah diberikan.

Memang betul, KPWKM maklum mengenai ada kes-kes ataupun laporan mengenai salah laku ataupun keganasan rumah tangga ini yang ditarik balik. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah kementerian, ada satu Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga dan di bawah jawatankuasa ini, ada Jawatankuasa Kerja Advokasi dan Pembangunan Kapasiti Menangani Keganasan Rumah Tangga.

Di dalam jawatankuasa kerja ini, tujuan dia ataupun tanggungjawab dia adalah untuk pemantauan dan penyelarasan usaha advokasi untuk menangani kes keganasan rumah tangga. Usaha pencegahan, sokongan — yang penting, sokongan terhadap mangsa ini, Yang Berhormat, dapat dilaksanakan. Sebab, ada setengahnya takut. Dia takut untuk meneruskan laporan tersebut.

Jadinya, jawatankuasa kerja ini memang peranan dia penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu keganasan rumah tangga, punca. Dan bila kita bagi sokongan psikososial, bantuan perundangan dan perkhidmatan perlindungan yang lebih berkesan kepada mangsa, *insya-Allah*, dorongan dan sokongan itu dapat kita berikan kepada mangsa-mangsa berkenaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Seterusnya, saya jemput Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Kota Bharu.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah keberhasilan tempoh percubaan penggunaan kod Respons Pantas (QR) untuk rakyat tempatan mulai Januari 2025 bagi sistem pelepasan imigresen di 40 lorong khas Terminal 1 dan Terminal 2 KLIA dalam menyelesaikan isu kesesakan di pintu masuk negara.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ramadan Kareem. Terima kasih Kota Bharu.

Sistem imigresen di pintu masuk KLIA 1 dan 2 ada tiga cara. Pertama, manual. Ada pegawai yang tunggu. Kedua, sistem *autogate* tetapi penggunaan pasport. Ketiga, yang baru kita mulakan 1 Januari ini adalah *autogate* tetapi kita guna kod QR. Kita dah pasang 40 unit di KLIA 1 dan 2. Untuk tempoh sekarang, hanya untuk rakyat Malaysia sahaja.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan *autogate* kod QR ini mesti dimulakan dengan kita muat turun aplikasi *MyBorderPass*. Sekarang ini, sejak 1 Januari sampai sekarang, 786,603 rakyat Malaysia telah muat turun. Berdasarkan kepada statistik laluan di KLIA 1 dan 2, yang menggunakan kaunter manual, 15 peratus, manakala yang menggunakan *autogate* pasport, 60 peratus; dan yang menggunakan *autogate* QR ialah 25 peratus. Berjaya atau tidak adalah diukur daripada segi purata masa diambil untuk melepasi *autogate* kod QR ini, lima saat. *Autogate* pasport, 15 saat. Manakala manual, bergantung berapa panjang *queue*.

■1050

Jadi, berdasar kepada masuk bulan yang ketiga sekarang, KDN berpendapat bahawa pelaksanaan *autogate* kod QR ini adalah satu permulaan yang baik ke arah kita memastikan bahawa kawalan pelepasan di pintu masuk kita terutama KLIA 1 dan 2 itu berjalan dengan licin. Ini penting sebab tahun ini kita akan menjadi pengerusi hampir 400 mesyuarat peringkat ASEAN. Pegawai, pegawai kanan, peringkat menteri dan ketua-ketua negara. Manakala tahun depan, kita akan melancarkan pula Tahun Melawat Malaysia.

Jika ini berhasil, *way forward* kita adalah kita bercadang untuk meluaskannya di KLIA 1 dan 2, kita akan tambah lagi. Manakala – kemudian kita akan buat pemasangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan tidak ketinggalan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Kota Bharu.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya yang pertama. Bolehkah Yang Berhormat sahkan bahawa syarikat *provider* kepada sistem QR kod ini adalah bernama Barisan Mahamega Sdn Bhd yang mana saya difahamkan syarikat ini menjalankan sistem *database tracking refugees information system* yang mendaftarkan pendatang asing dan juga *asylum seekers* yang mana untuk itu syarikat ini dibayar RM500 satu *registration* yang dibayar oleh KDN. Itu saya nak pengesahan dan adakah syarikat ini akan mengenakan *charges* yang sama kepada penggunaan QR *code* ini? Saya dikatakan RM5 satu. Betul ke tidak?

Yang kedua, apakah jaminan kerajaan bahawa sistem QR *code* ini tidak disalahgunakan oleh sindiket atau pun kartel-kartel yang dilaporkan banyak berlaku di dalam dan juga di luar jabatan ini sebagaimana SPRM tahan seorang Pegawai Imigresen RM500,000 ada di rumah, dua Pegawai Imigresen RM800,000 dalam bilik tidur. Ini yang terbaru ini didedahkan seorang Pegawai Imigresen tertidur dalam bilik mesyuarat, di pinggang dia ada 12 *passport* antarabangsa warganegara lain-lain. Tak tahu dia buat apa. Dan yang terakhirnya ialah seorang Datuk bekas Pegawai Imigresen menjadi kartel Pakistan di KLIA ini.

Yang ketiganya, apakah penggunaan QR *code* ini menjamin tahap keselamatan data peribadi pengguna kerana kelmarin dalam satu laporan portal berita mengatakan, *"Highest personal data leaks recorded in Malaysia compared to ASEAN nations." [Sambil*

menunjukkan senaskah dokumen] Satu *survey* yang dibuat oleh Gogolook Whoscall Annual Report 2024. Jadi, apakah jaminan data-data ini tidak bocor dan digunakan oleh *scammers* dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sila, Menteri. Panjang soalannya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya. Yang Berhormat sebut Barisan Mahamegah, apa tadi ya? Itu tak betullah maklumat itu, ya. Laluan menggunakan *autogate* QR *code* ini, Yang Berhormat, tempoh percubaan sekarang kita tak kena apa-apa bayaran pun. Yang Berhormat cuma perlu muat turun MyBorderPass dalam ini saja. Kemudian, terus ambil gambar *passport* dan bila lalu di situ, *scan* sahaja. 5 *second* dia keluarlah.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Adakah kerajaan kena bayar kepada syarikat *provider*?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Buat masa ini kita belum buat keputusan lagilah sebab ini sekarang tempoh percubaan, ya. Baik, itu yang pertama.

Dari segi keselamatan, Yang Berhormat, lalau kita nak bercakap tentang isu integriti, di pintu masuk. Inilah jawapannya. Sebab sistem ini datang dengan aplikasi *artificial intelligence* iaitu tahap penggunaan teknologi pengecaman wajah dan juga anak mata selain daripada biometrik. Bermaksud tak ada lagi pegawai yang tunggu di situ. Jadi, isu *counter setting* dengan sendirinya akan dapat kita atasi sebab tak ada orang. Sekarang pun kita gunakan lebih kurang 172 pegawai pada satu ketika. Tapi bila kita buat pemasangan sepenuhnya nanti hanya 68 orang sahaja dan kita akan ada pengurangan hampir 60 peratus.

Jadi, segala macam penjimatan ini kita boleh alihkan tenaga kerja ini ke tempat lain sebab kita akan pergi kepada penggunaan mesin sepenuhnya. Jadi, soal keselamatan data *passport* kita ini, Yang Berhormat, adalah antara 10 *passport* paling terpercaya di dunia dari segi integriti *passport*. Jadi, bila kita masukkan dalam sistem ini, MyBorderPass, kita ambil gambar *passport* kita sendiri, di situlah maklumat kita terakam.

Yang paling penting, pemakaian masa depan nanti adalah memasukkan aplikasi itu di dalam *handphone* kita membolehkan seseorang sebelum memulakan perjalanan, dia boleh semak dulu status Lembaga Hasil Dalam Negeri dia. Jadi, dia tak tersangkut lagi dekat lapangan terbang. Dia boleh semak kalau-kalau dia ada kes polis yang menghalang dia daripada keluar negara. Dia boleh semak dia ada rekod PTPTN atau tidak. Semuanya itu adalah *features* tambahan yang membolehkan memberikan kemudahan maksimum kepada *travelers* apabila sistem MyBorderPass ini kita laksanakan sepenuhnya.

Buat masa sekarang, Yang Berhormat, rencana kita adalah 1 Januari 2026, semua sekali *travelers* daripada 63 buah negara di dunia termasuk pemegang pas jangka panjang kita benarkan. Buat masa sekarang, setahun ini adalah untuk rakyat Malaysia. Tapi *autogate passport* kita dah benarkan *travelers* daripada 63 negara termasuk pemegang pas jangka panjang dan juga negara ASEAN kita untuk menggunanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Silakan, Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Memandangkan lebih pelancong-

pelancong luar negeri datang ke Malaysia khususnya negeri China, adakah kementerian akan menambah lebih pekerja yang memahami bahasa Mandarin di KLIA ini untuk memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong asing ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Menteri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ahli Yang Berhormat, tugas yang diberi tanggungjawab kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen adalah cari jalan ikhtiar untuk membolehkan laluan pintu masuk kita ini istilahnya, '*seamless'* dengan izin. Maknanya licin, lancar, tak boleh ada kerenah. Kerana itu, kita sekarang dalam fasa berganjak daripada kaedah lama. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 100 – bagi setiap 100 pelancong yang masuk ke dalam negara kita, 75 orang masuk melalui dua pintu masuk. Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks Sultan Abu Bakar, KLIA 1 dan KLIA 2.

Ini 30 – tiga perempat daripada pelancong yang masuk datang daripada dua pintu masuk ini. Sebab itu, Jabatan Imigresen sekarang sedang fokus untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian dari segi proses yang lancar ini di dua ini. Baik. Pelancong dari China penyumbang nombor satu dari segi jumlah kemasukan bagi pelancong kategori di luar ASEAN. Nombor dua, India. MOTAC, mereka ada kira-kira dia. Dia kata purata seorang pelancong China bila masuk, mereka membelanjakan lebih kurang RM6,900. Purata, ya, untuk makan, minum, hotel, pengangkutan, mereka berbelanja dan sebagainya.

Jadi, pada tahun lepas, saya bentangkan nota kepada Jemaah Menteri. Pendapatan daripada pelancong China dan India sahaja, *combined* adalah RM21 bilion daripada Januari hingga September tahun lepas. Dan trend itu trend terus meningkat. Baik. Tentunya kita akan terus tambah baik dari segi penggunaan ini terutama dari segi negara-negara di mana rakyatnya kita sasarkan sebagai berpotensi untuk datang. Jadi, komitmen kita adalah untuk sentiasa menambah baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, seterusnya saya jemput Tuan Lee Chean Chung, Petaling Jaya.

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya]: Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 3.

■1100

[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

3. Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan mengapa Tenaga Nasional Berhad (TNB) dibenarkan mengeksport tenaga melalui ENEGEM sedangkan mandat Electricity Supply Handbook TNB adalah untuk membekalkan tenaga elektrik kepada pengguna di Semenanjung Malaysia sahaja.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, mekanisme perdagangan Tenaga Boleh Baharu (TBB) merentas sempadan dengan menjual lebihan elektrik daripada sistem bekalan elektrik yang dikendalikan oleh

Tenaga Nasional Berhad melalui *Energy Exchange Malaysia* (ENEGEM) adalah selaras dengan keputusan dan mandat diberikan oleh Jemaah Menteri pada 27 Oktober 2023.

Transaksi TBB merentas sempadan perlu menggunakan platform ENEGEM bertujuan untuk memastikan keperluan bekalan hijau dalam negara terjamin dan kepentingan negara terpelihara dalam pelaksanaan urus niaga jualan bekalan elektrik hijau merentas sempadan ke Singapura. Perdagangan TBB merentas sempadan ini juga merupakan salah satu inisiatif rintis kita yang telah diketengahkan di bawah *National Energy Transition Roadmap* (NETR) dan pelaksanaannya adalah berpandukan garis panduan yang dipanggil dengan izin, *Cross-Border Electricity Sales for Renewable Energy* ataupun singkatannya CBESRE yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga selaku agensi kawal selia bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Persoalan mengenai *Electricity Supply Handbook* TNB yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ataupun lebih tepatnya *Electricity Supply Application Handbook* (ESAH) TNB yang dibangkitkan, ianya merupakan buku panduan yang hanya menerangkan mengenai ketetapan dan syarat pembekalan elektrik kepada pengguna elektrik yang merupakan pelanggan TNB di Semenanjung Malaysia. Jadi, sebagai konteks juga, buku ini juga tidak terpakai kepada pengguna elektrik yang merupakan seperti pelanggan Nur Power di Kawasan Perindustrian Kulim Hi-Tech Park di Kedah. Sekian, terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Petaling Jaya.

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya]: Kata dasar kerajaan mengutamakan pelaburan swasta. Pelaburan swasta tidak akan datang sekiranya tiada medan persaingan yang adil ataupun *level playing field.* Memandangkan ENEGEM diuruskan oleh *single buyer* yang mana *single buyer* adalah di bawah penggajian TNB dan mempunyai lembaga pengarah yang sama, *level playing field* akan hilang sekiranya TNB memainkan peranan di semua arena termasuk eksport. Jadi, atas konteks TNB harus terikat mandat asal, iaitu membekalkan elektrik kepada pengguna di Semenanjung Malaysia, saya ingin bertanyakan status pelaksanaan ENEGEM dan perancangan masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat, Yang di-Pertua. Berkaitan dengan kaedah ENEGEM ini, sebenarnya pelaksanaan kita ini memang untuk bertujuan dengan *path finder* dengan izin, untuk penetapan mekanisme dan ketetapan regulatori untuk inisiatif ini. Jadi, kalau kita lihat pun, kaedahnya adalah penjualan itu adalah berdasarkan lebihan elektrik hijau daripada sistem bekalan elektrik yang sedia ada. Jadi, berdasarkan model pelaksanaan itu, bekalan elektrik hijau daripada sistem bekalan elektrik ini terletak dalam *energy pool* yang mana bila kita buka untuk bidaan daripada pembeli tenaga daripada Singapura, berdasarkan tawaran tarif yang tertinggi.

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut]: *[Bangun]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi, sebab itu penandatangan daripada urusan tersebut memang TNB yang menandatangani perjanjian antara pihak kita dengan pihak pembeli daripada Singapura. Tetapi di sini ingin ditegaskan bahawa segala

pendapatan ataupun perdagangan tersebut adalah tujuan untuk pengukuhan sistem pembekalan elektrik negara tetapi bukan untuk tujuan keuntungan. Oleh itu, dari segi pula peranan TNB sebagai contoh untuk Tenaga Boleh Baharu, pasaran di sini pun sebenarnya kita bersifat terbuka dan mana-mana pihak yang berminat boleh sertai pembekalan tenaga elektrik hijau dalam negara ini. Sementara, apa yang kita uruskan dengan Singapura itu berbentuk daripada sistem, bukannya daripada mana-mana pihak tertentu. Sekian, terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Jerantut.

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Timbalan Menteri. Dilihat jawapan itu menunjukkan bahawasanya Malaysia telah bersedia untuk menjadi hab utama tenaga boleh baharu di rantau ASEAN menjelang 2025 melalui Grid Kuasa ASEAN.

Persoalannya ialah apakah kerap pelan kerajaan untuk memastikan infrastruktur tenaga domestik cukup kukuh sebelum keutamaan diberikan kepada eksport. Kedua, apakah *business model* jangka masa panjang yang telah dirangka oleh TNB dan juga kementerian untuk memastikan keuntungan daripada *business model* ini dapat mengurangkan *dependency* kita kepada sumber arang batu yang kita tahu dia memberikan pencemaran kepada alam sekitar?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Bagi tujuan pengeksportan ini, ianya bersifat apa-apa lebihan daripada sistem dalam negara ini yang mana proses itu melalui proses bidaan juga. Untuk kita memperkasakan kekuatan ataupun dari segi pembekalan dalam negara, dalam soal Tenaga Boleh Baharu. Seperti contoh, apabila kita perkenalkan Dasar CRESS iaitu untuk membolehkan pihak pembekal menjual secara terus kepada pihak pembeli melalui penggunaan *third party access,* yang ini sebenarnya sekali gus– tujuannya adalah untuk meningkatkan keupayaan pembekalan TBB dalam negara ataupun di peringkat domestik.

Maka, sebab itu bila disebut dari segi tujuan pengeksportan ke Singapura, merujuk kembali kepada soalan asal tadi, hala tuju kita adalah ianya kita hanya buka– sebagai contoh tahun lepas 50 mega watt. Untuk tempoh kontraknya setahun dan perkara itu, kita akan teliti untuk tahun ini terhadap keupayaan kita. Tetapi berdasarkan rujukan seperti contoh daripada *subscription gap* iaitu *green energy* tarif kita, itu pun penggunaannya adalah sekitar 50 peratus dalam negara. Maksudnya, di sini juga kita perlu meningkatkan lagi keinginan ataupun permintaan dalaman untuk tujuan Tenaga Boleh Baharu.

Jadi, sebab itu bagi saya apa yang kita laksanakan untuk tujuan ENEGEM ini bukan sekadar memperluaskan lagi– kita lihat ruang kaedah yang kita boleh tingkatkan keupayaan negara termasuk membekalkan tenaga secara premium. Tetapi juga ianya sebenarnya tidak mengganggu gugat perancangan dari segi keupayaan penghasilan Tenaga Boleh Baharu dalam negara. Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman, Labuan.

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Puan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

4. Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan bagaimana pindaan Akta Syarikat 2024 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2024 dijangka dapat meningkatkan tadbir urus korporat di Malaysia serta apakah manfaat pindaan Akta ini dalam membantu entiti korporat yang menghadapi masalah kewangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan.

Puan Yang di-Pertua, pindaan Akta Syarikat dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia merupakan langkah strategik yang memacu landskap korporat ke arah yang lebih mantap, telus dan inovatif. Pindaan ini sangat penting terutamanya berkaitan peruntukan untuk menambah baik mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi bagi syarikat yang mengalami masalah kewangan serta menambah baik ketelusan dan tadbir urus secara amnya.

Pindaan ini sejajar dengan komitmen KPDN dan SSM untuk menggerakkan strategi dan pendekatan yang menyokong agenda reformasi dalam memperkukuh kerangka tatakelola kerajaan dan tadbir urus negara secara keseluruhannya termasuk sektor korporat. Secara umumnya, objektif utama pindaan kedua-dua akta ini adalah untuk satu, memastikan syarikat dan PLT yang menghadapi masalah kewangan dapat meneruskan operasi melalui kerangka rehabilitasi yang efisien sekali gus mengurangkan tindakan penggulungan. Kelangsungan perniagaan ini penting untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan kadar pengangguran.

Kedua, pengenalan polisi Pelaporan Pemunya Benefisial kepada syarikat dan PLT yang selaras dengan piawaian antarabangsa bertujuan melindungi sektor korporat daripada ancaman aktiviti penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Polisi ini juga menyokong tadbir urus korporat yang lebih mampan serta memastikan tahap pematuhan yang tinggi di kalangan syarikat serta PLT.

Objektif yang ketiga ialah memastikan kestabilan landskap perniagaan negara serta mengadaptasi amalan terbaik global dan mematuhi standard yang ditetapkan. Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM melalui pemerkasaan Akta Syarikat ini dan Akta PLT ini dalam meningkatkan tadbir urus korporat dan membantu entiti korporat menghadapi masalah kewangan adalah seperti berikut:

Pertama, meluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman kepada semua jenis syarikat kecuali syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia atau syarikat yang dilesenkan atau diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007.

■1110

Kedua, mengukuhkan peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi untuk dimanfaatkan sebagai satu proses rehabilitasi korporat dengan menyediakan peruntukan perundangan yang lebih lengkap dan proses yang lebih efisien serta telus untuk membolehkan skim yang dicadangkan dapat diluluskan di samping melindungi hak-hak pemiutang sedia ada.

Ketiga, membolehkan syarikat yang memohon perintah pengurusan kehakiman atau yang mencadangkan skim perkiraan atau kompromi mendapatkan pembiayaan penyelamat dari sumber kewangan baharu di mana pembiayaan baharu ini diberi keutamaan khas tanpa menjejaskan kepentingan pemiutang sedia ada sekiranya syarikat digulungkan.

Keempat, memperkenalkan *corporate rescue mechanism* iaitu perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman kepada semua entiti perkongsian PLT yang menghadapi masalah kewangan dan di mana kerangka CRM dapat membantu PLT yang masih berdaya saing untuk meneruskan perniagaan.

Kerangka CRM ini juga memberikan perlindungan kepada semua pihak berkepentingan termasuk PLT itu sendiri, pemiutang dan penyumbang modal serta menyediakan proses yang berstruktur dan telus bagi PLT yang mengalami masalah kewangan tersebut untuk menangani krisis kewangan yang dihadapi agar ia boleh terus beroperasi.

PLT yang telah diberikan perintah pengurusan kehakiman, boleh mendapatkan pembiayaan penyelamat ataupun *rescue financing* di mana pembiaya penyelamat diberi perlindungan sebagaimana yang terpakai kepada syarikat agar ia boleh meneruskan perniagaan dan terus berdaya saing.

Sehingga 31 Disember 2024, terdapat sebanyak 691,960 syarikat aktif dan 37,130 PLT aktif dalam daftar SSM. Mana-mana syarikat dan PLT yang masih berdaya saing dan menghadapi masalah kewangan, boleh memanfaatkan mekanisme penyelamat korporat ini yang merangkumi perkiraan sukarela korporat serta pengurusan kehakiman di bawah inisiatif pemerkasaan kedua-dua akta ini. Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Labuan.

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Puan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya. Berapakah kadar pematuhan serah simpan maklumat pemunya *beneficial* ataupun *beneficial ownership* dengan izin sehingga tahun lepas? Apakah tindakan yang telah dan akan SSM ambil terhadap syarikat-syarikat yang tidak patuh dalam serah simpan maklumat *beneficial ownership*?

Dr. Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Labuan ya atas soalan tambahan. *Beneficial ownership* ini penting Yang Berhormat Labuan kerana kalau kita tidak patuh kepada serah simpan maklumat pemunya *beneficial* ataupun *beneficial ownership* ini, akan berlaku keadaan di mana seperti tipuan bida dan sebagainya. Baru ini kita dengar berita berkenaan dengan MyCC membanteras aktiviti tipuan bida melibatkan lapan syarikat.

Jadi, sehingga 31 Disember, serah simpan — SSM telah mewajibkan serah simpan maklumat pemunya *beneficial* bermula 1 April 2024 sehingga 31 Disember 2024. Sebanyak 602,105 daripada 691,690 syarikat aktif dalam daftar SSM telah pun mematuhi keperluan untuk menyerah simpan ini dan ini adalah 87.05 peratus *compliance*, pematuhan.

Jadi, tindakan yang boleh diambil ialah melaksanakan *outreach*, menjalankan kempen kesedaran, mengeluarkan kompaun, notis juga boleh dilakukan ke atas syarikat yang gagal untuk menyerah simpan di bawah sistem e-BOS ataupun *Electronic Beneficial Ownership System*. Di masa yang sama, SSM telah mengenal pasti lima setiausaha syarikat dengan jumlah syarikat seliaan tertinggi yang belum mengemukakan maklumat *beneficial ownership* mereka melalui e-BOS untuk tindakan lanjut seperti pemeriksaan fizikal ke atas premis atau tindakan penguatkuasaan yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Dato' Speaker. Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di peringkat menjawab soalan asal tadi. Saya nak tanya, berkenaan dengan CVA, perkiraan sukarela korporat dan juga pengurusan kehakiman (JM) yang diperkenalkan oleh kedua-dua pindaan ini terhadap syarikat dan juga PLT. Setakat ini, berapa banyakkah syarikat yang terlibat sebab terutamanya kalau syarikat, saya difahamkan telah digazetkan sejak hampir setahun yang dulu. *So*, berapa banyak syarikat yang terlibat?

Satu lagi, dua-dua pindaan ini sebenarnya ada lagi satu sebab ialah untuk mematuhi piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh FATF dan OECD. Saya nak tanya. Selepas dua-dua pindaan ini, apakah *grading* kita, *level* kita? Sebab sebelum itu kata *grading* kita agak rendah. Jadi, ada tak dua badan antarabangsa ini telah menaikkan taraf Malaysia dalam hal yang berkenaan? Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dr. Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih atas soalan Rasah ya. Berkenaan dengan perkiraan sukarela korporat, pada tahun 2024, tiada permohonan untuk perkiraan sukarela korporat ini sebab saya kira banyak waktu Covid. Jadi, mungkin 2024 mereka sudah keluar daripada keadaan ekonomi Covid, pasca Covid. Untuk pengurusan kehakiman pula, pada tahun 2024, kita dapati ada 38 permohonan pengurusan kehakiman di mahkamah dan perintah pengurusan kehakiman yang telah diberikan sebanyak enam dan perintah pengurusan kehakiman yang dilepaskan ataupun *discharge of order* sebanyak lapan.

Berkenaan dengan FATF yang datang ke Malaysia. Mereka datang ke Malaysia — Puan Yang di-Pertua, mereka datang ke Malaysia pada — saya ingat selepas 10 Januari, mereka datang ke Malaysia dan mereka membuat pemantauan. Mereka — 87.05 peratus pematuhan itu agak tinggi Yang Berhormat Rasah sebab kita baru laksanakan tapi ada 13 peratus yang belum patuh. Jadi, mungkin FATF melihat kenapa yang tak patuh itu sedangkan 87.05 itu adalah *respectable number*. Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali, Pekan.

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Soalan Pekan, soalan nombor 5.

5. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta Menteri Kewangan menyatakan usaha berkesan kerajaan dalam melindungi hak dan kepentingan rakyat dalam isu melibatkan kehilangan wang di dalam akaun dan tabungan bank berpunca daripada sekuriti lemah seperti tidak menerima OTP dan dinafikan hak untuk mendapatkan semula wang tersebut dari bank.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan. Bagi memperkukuh perlindungan terhadap hak pengguna, Bank Negara Malaysia telah menetapkan keperluan ke atas institusi kewangan untuk menjalankan siasatan terperinci serta telus untuk setiap kes penipuan kewangan. Pihak bank juga perlu bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya kerugian penipuan sekiranya disebabkan oleh kelemahan pihak bank.

Selain daripada sentiasa mengingatkan pihak bank berkenaan keperluan ini, pada tahun 2024, Bank Negara Malaysia telah pun menambah baik dasar sedia ada dengan menekankan prinsip kebertanggungjawaban bersama atau dengan izin *shared responsibility* bagi kes-kes yang jelas melibatkan kelemahan daripada kedua-dua pihak iaitu bank dan juga pelanggan. Ini secara amnya merangkumi kes-kes yang berpunca daripada kegagalan dari pihak bank untuk menyekat transaksi mencurigakan seperti contoh dalam kes di mana pihak bank tidak dapat mengenal pasti transaksi berulang dalam masa yang singkat atau transaksi yang tidak biasa dilakukan oleh pelanggan bank tersebut dan pada masa yang sama, kecuaian pelanggan sebagai contoh di mana pelanggan menekan butang pautan yang mencurigakan atau memuat turun fail daripada sumber yang tidak dipercayai.

Dengan pelaksanaan dasar ini, beban kerugian bagi kes sedemikian tidak seharusnya ditanggung sepenuhnya oleh mangsa. Mangsa berhak untuk mendapat pampasan yang sewajarnya. Sebarang kes siasatan yang tidak berpihak kepada pelanggan adalah tertakluk kepada semakan bebas atau dengan izin *independent review* untuk memastikan penilaian yang objektif.

Walau bagaimanapun, masih ada pengguna yang secara sukarela mendedahkan butiran keselamatan peribadi dengan memuat turun aplikasi daripada sumber yang tidak dipercayai menyebabkan transaksi tanpa kebenaran. Kaji selidik keupayaan dan rangkuman kewangan dari segi permintaan 2021 mendapati 37 peratus responden secara sukarela berkongsi kata laluan perbankan mereka kepada rakan rapat, 62 peratus tidak mengendahkan ciri-ciri keselamatan laman sesawang bank yang dilayari, manakala 89 peratus jarang menukar kata laluan mereka.

■1120

Justeru dasar baharu ini juga menekankan tanggungjawab pengguna sebagai benteng yang utama dalam menangani isu penipuan perbankan atas talian supaya pengguna sentiasa berwaspada dalam melindungi butiran keselamatan peribadi. Oleh itu pengguna

diingati untuk tidak memuat turun aplikasi daripada sumber yang tidak dipercayai dan menukar kata laluan secara berkala bagi memastikan tahap keselamatan berada di tahap yang baik.

Penambahbaikan ini bukan sahaja bersifat lebih adil terhadap kedua-dua pihak malah juga membentuk masyarakat yang lebih cakna dan berwaspada. Namun sekiranya mangsa penipuan masih tidak bersetuju dengan keputusan atau pampasan yang ditawarkan oleh pihak bank, mangsa juga berhak untuk mengemukakan pertikaian berkaitan keputusan ini kepada Perkhidmatan Penyelesaian Pertikaian Alternatif iaitu Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS). Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Pekan.

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan]: Terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri tadi. Saya ingin mengetahui, apakah usaha kementerian bersama syarikat perbankan dalam memastikan tahap keselamatan sistem perbankan sentiasa dikemas kini dan diperkukuhkan bagi mengelakkan sebarang kebocoran data dan juga manipulasi oleh penjenayah siber dan apakah tindakan yang diambil kepada syarikat perbankan yang gagal menyediakan sistem keselamatan yang terjamin. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan. Bank Negara Malaysia telah menetapkan keperluan terhadap institusi-institusi kewangan untuk memastikan kawalan dan standard keselamatan aktiviti perbankan atas talian mereka berada pada tahap tertinggi pada setiap masa.

Ini termasuk pendekatan keselamatan secara menyeluruh atau dengan izin, *defense in debt* dan proaktif bagi mengurangkan risiko insiden siber berpunca dari kelemahan sistem perbankan dan menambah baik prosedur pengendalian pengurusan insiden siber sedia ada dengan kerjasama pihak berkepentingan seperti National Cyber Security Agency (NACSA).

Bank Negara juga mempunyai platform perkongsian maklumat ancaman siber untuk menyebarkan informasi terkini kepada institusi-institusi kewangan. Bank Negara sentiasa bekerjasama dengan agensi tempatan dan organisasi antarabangsa untuk berkongsi serta menukar pandangan mengenai modus operandi penipuan terkini serta amalan terbaik dan langkah-langkah mitigasi yang diamalkan. Bank Negara Malaysia juga telah mengarahkan institusi-institusi kewangan agar terus mengekalkan tahap pengawasan yang tinggi terhadap aktiviti transaksi kewangan yang melibatkan kewangan yang mungkin berisiko dan menghubungi pelanggan berkenaan untuk menawarkan bantuan yang sewajarnya sekiranya berlaku insiden siber.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap keperluan ini terutamanya yang mengakibatkan kerugian kepada pengguna ataupun ketirisan maklumat peribadi, pihak Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan pengawalseliaan dan penguatkuasaan yang sesuai terhadap institusi kewangan yang terlibat.

Tindakan ini termasuklah pendakwaan, kompaun, amaran ataupun arahan tertentu bagi membaik pulih kelemahan yang dikenal pasti. Usaha memantau tahap kepatuhan institusi-institusi kewangan berkenaan keperluan ini dilakukan oleh Bank Negara Malaysia

secara berterusan sebagai sebahagian daripada proses penyeliaan sektor kewangan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kubang Kerian.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Saya meneliti jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sejauh manakah keberkesanan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) dalam menangani kes-kes penipuan kewangan dan apakah kerajaan menyediakan langkah-langkah tambahan yang akan diambil ke atas peningkatan kecekapan respons atau aduan-aduan pengguna. Soalan yang kedua ialah apakah kerajaan berhasrat untuk wujudkan satu tribunal di peringkat di bawah Bank Negara bagi memudahkan aduan daripada pengguna yang tertipu. Jadi, ini boleh membantu, meringankan pengadu-pengadu. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Kerajaan sedang menjalankan perancangan bagi memperkukuh operasi NSRC termasuk mempertimbangkan perlanjutan waktu operasi NSRC kepada 24 jam bagi memastikan laporan mangsa yang ditipu dapat diambil dengan segera.

Pada masa sekarang waktu operasi adalah dari 8.00 pagi ke 8.00 malam. Kita memang terima banyak permintaan untuk mengadakan kepada 24 jam tetapi kita masih dalam kajian. Perlanjutan tempoh masa ini juga akan mengambil kira trend semasa aktiviti penipuan termasuk jenis dan juga waktu sesuatu kejadian berlaku.

Buat masa ini, orang awam boleh membuat laporan atau aduan kepada talian *hotline* bank masing-masing yang beroperasi 24 jam. Itu memang sudah dilaksanakan. Sekiranya mereka menjadi mangsa penipuan tidak dalam jangka 8 pagi hingga 8 malam, orang awam juga boleh menggunakan *kill switch* yang disediakan oleh bank masing-masing melalui aplikasi *mobile* atau di laman sesawang untuk membekukan akaun mereka sendiri. Sekiranya mereka tahu mereka telah jatuh ke dalam *scam*, mereka boleh membuat ini dengan segera, sendiri *self-saves*, *kill switch*.

Selain itu juga NSRC, jika kita juga akan menambah atau mengukuhkan tenaga kerja dan peningkatan kepakaran bagi menjalankan operasi langkah pencegahan serta tindakan penguat kuasa secara lebih bersepadu dan selaras dengan trend penipuan kewangan semasa. Seperti kita pun tahu, cara penipuan kian lebih canggih lagi kita mesti buat lebih untuk memastikan kita lebih cepat daripada *scam-scam* yang sekarang yang berada.

Pembangunan dan penaiktarafan sistem teknologi bagi memastikan perkongsian makluman antara agensi penguat kuasa berjalan lancar, ini akan mempertingkatkan keberkesanan usaha penguatkuasaan. Juga NSRC bersama dengan pelbagai agensi kerajaan dengan sokongan sektor swasta kita akan terus memacu aktiviti pencegahan melalui program kesedaran bersepadu dan interaktif untuk orang awam.

Jadi juga untuk mengenai tentang pelaksanaan tribunal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan jawapan.

Puan Lim Hui Ying: Buat masa ini tidak ada pelan untuk tubuh tribunal tetapi pengguna boleh menghubungi FMOS atau *The Ombudsman* untuk jika mereka ada ketidakpuasan atau apa-apa isu mengenai pembangkang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah, Indera Mahkota.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor enam.

6. Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan sejauh manakah kementerian menganjurkan program pertukaran mahasiswa, di mana mahasiswa kita menuntut untuk satu tempoh masa tertentu (contohnya, satu semester) di IPT luar negara dan begitu juga sebaliknya.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: Puan Yang di-Pertua, pertamanya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota yang begitu prihatin dengan generasi muda kita khususnya golongan mahasiswa. Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa komited untuk menggalakkan mobiliti pelajar melalui pertukaran Program Pertukaran Mahasiswa.

Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pengalaman akademik dan budaya mahasiswa serta membangunkan kemahiran insaniah, pemikiran global dan keboleh pasaran graduan. Sehingga 31 Disember 2024, seramai 17,208 pelajar antarabangsa dari 74 buah negara telah mengikuti program mobiliti di institusi pendidikan tinggi tempatan dan sebagai timbal balas, seramai 10,448 pelajar Malaysia telah mengikuti program mobiliti di 55 buah negara. Program mobiliti ini merangkumi program pertukaran mahasiswa, lawatan akademik, pertukaran budaya, pemindahan kampus-kampus, sangkutan klinikal, latihan industri dan kursus musim panas atau sejuk.

Melalui program pertukaran mahasiswa, pelajar Malaysia berpeluang melanjutkan pengajian di IPT luar negara untuk tempoh tertentu seperti satu semester. Antaranya di Jepun, Thailand, Indonesia, Vietnam dan China. Sebagai imbal balik, pelajar dari negara tersebut juga turut datang ke Malaysia untuk mengikuti program yang sama.

■1130

Pelaksanaan Program *ASEAN International Mobility for Students* (AIMS) dengan izin, berperanan sebagai salah satu inisiatif utama dalam meningkatkan mobiliti pelajar peringkat negara Asia. Program ini menyediakan peluang kepada pelajar dari IPT tempatan untuk melanjutkan pengajian di IPT negara-negara Asia yang terlibat.

Program AIMS juga memberi tumpuan kepada pengukuhan pertukaran budaya akademik dan pengalaman antarabangsa, sambil memperluas pandangan pelajar dan membangunkan kemahiran global mereka. Melalui program ini, secara tidak langsung turut menyumbang kepada pengukuhan hubungan pendidikan antara negara-negara Asia.

Melalui Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025 juga, KPT akan menjadi tuan rumah bagi dengan izin, *The 19th ASEAN Mobility for International Students* (*AIMS) Meeting* yang

dijadualkan pada November 2025. Mesyuarat ini akan melibatkan penyertaan daripada 10 universiti awam. Mesyuarat ini juga akan membincangkan usaha-usaha untuk memperkasa agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan mobiliti khususnya dalam kalangan negara anggota Asia.

IPT tempatan juga komited dalam penawaran program akademik di peringkat antarabangsa. Kerjasama IPT tempatan dengan IPT di luar negara dilaksanakan melalui program dwi-ijazah atau *dual degree* bersama *joint degree* dan ijazah berkembar atau *double degree*, dengan izin. Melalui inisiatif ini, Malaysia bukan sahaja memperluas akses pelajar menyambung pengajian tetapi turut menyokong pembangunan modal insan serantau sejajar dengan aspirasi negara untuk membina ekosistem pendidikan tinggi yang kompetitif dan inklusif serta meletakkan Malaysia sebagai *global hub education*, dengan izin.

KPT akan terus memperkukuh usaha untuk menganjurkan dan memperluaskan program pertukaran mahasiswa bagi melahirkan graduan yang berdaya saing di peringkat global serta menyokong agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara melalui pembinaan hubungan diplomatik dan jaringan akademik antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Indera Mahkota.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat. Sejauh mana pula KPT akan menyasarkan negara-negara, contohnya Australia, New Zealand kerana mereka mula melihat kepada rantau kita lebih. Sebab dulu mereka menghantar pelajar mereka ke Eropah, sekarang belanjanya mahal. Begitu juga dari Amerika Utara yang juga melihat kita. Itu satu.

Keduanya, ada sedikit masalah saya nak mengadu. Saya lihat ada satu trend yang menggunakan istilah pertukaran mahasiswa juga tapi untuk dua minggu. Kemudian, tak pasti adakah balasan daripada universiti sebelah sana. Kemudian, ada yang kata ini sebahagian daripada kerja sosial, sekumpulan mahasiswa pergi dengan pensyarahnya. Mereka mencari dana sendiri. Saya tak pasti pensyarah ini dibayar oleh universiti atau duit poket sendiri ataupun disubsidi oleh mahasiswa yang mencari.

Jadi, dia mengganggu istilah pertukaran mahasiswa yang sebenar. Saya harap kalau benda ini berleluasa, kementerian tolong tengok. Tapi saya lebih *refer* soalan saya yang asal. Yang tadi itu. Sasaran negara-negara tertentu. Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: *[Bangun]*

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum, kita ada agensi yang kita panggil EMGS yang memang fokus untuk mencari lokasi atau negara-negara baru yang kita perlu terokai. Saya fikir itu kita boleh jadikan asas untuk kita juga buat mobiliti pelajar untuk ke negara-negara lain, yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sempena Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025, KPT melalui *Education Malaysia Global Services,* EMGS yang sebut tadi, kita ambil

peranan kita sebagai Pengerusi ASEAN ini untuk kita mengadakan program-program. Terkini kita telah membuat Program *ASEAN University Exhibition and Forum 2025* yang kita telah buat julung kalinya sempena kita sebagai Kepengerusian ASEAN. Ini juga menjadi titik tolak kepada kita untuk mengangkat negara kita dan juga menarik minat kepada mahasiswa yang berada di luar sana untuk datang ke Malaysia, juga kita menghantar mahasiswa kita ke luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sedikit tentang isu yang telah disebut tadi. Bagi program mobiliti, pelajar akan disediakan tempat penginapan, sama ada di institusi tuan rumah atau mana-mana tempat penginapan dikenal pasti oleh *host institution*, dengan izin. Bayaran yang dikenakan kepada pelajar adalah bergantung kepada perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara *home* dan *host institution*.

Terdapat juga keadaan bila mana institusi menanggung kos secara percuma bagi meraikan kerjasama antara institusi. Bagi pelajar Malaysia ke luar negara, IPT akan menanggung sebahagian kos melalui peruntukan dalaman dan sumbangan dana (*sponsors*) kita minta daripada pihak industri. Untuk makluman juga antara kos tambahan yang perlu dibayar oleh pelajar adalah kos penginapan, insurans, visa pelajar dan lain-lain kos, yang tidak termasuk dalam yuran asal program pengajian. Okey, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Betong.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Setelah mendengar jawapan daripada Menteri, saya ingin bertanyakan soalan.

Pertama, bagaimanakah universiti menangani isu seperti kesihatan, keselamatan ataupun insurans perubatan bagi pelajar yang menyertai program ini? Bagaimanakah sistem pemarkahan dan pemindahan kredit dikendalikan antara universiti-universiti yang terlibat? Sekian, terima kasih. Mohon pencerahan.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Betong. Ya, memang antara syarat penting untuk kita menghantar program *pre*-mobiliti ini, kita kena pastikan dari segi aspek keselamatan, insurans akan diambil kira. Jika tidak, ini akan menjejaskan program tersebut. Jadi, yang itu akan diambil kira.

Untuk makluman Yang Berhormat Betong, kita ada dua kategori yang dilaksanakan dalam program mobiliti ini. Satunya yang kita boleh buat transfer kredit dan satunya tidak. Kita kena bezakannya. Sebenarnya dalam kita melaksanakan program mobiliti ini ada 10 kategori. Jadi, itu yang saya sebut tadi. Memang ada program-program yang kita akan ambil kira pemindahan kredit (creadit transfer) dan juga ada yang tidak memerlukan terutama *short courses* ini, sehari, seminggu. Ini tidak akan melibatkan transfer kredit. Tapi selalunya yang sebulan satu semester itu, kita itu akan mengambil kira untuk memastikan bahawa pelajar ini akan mendapat manfaat daripada program-program tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib, Tenggara.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara]: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua.

Salam Ramadan Malaysia seluruh,
Selamat berpuasa sungguh-sungguh,
Akan berbuka, tarawih, sahur sampai Subuh,
Soalan Tenggara nombor 7.

7. Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara] minta Menteri Luar Negeri menyatakan berikutan kejatuhan rejim Presiden Bashar al-Assad pada 8 Disember 2024, Syria kini ditadbir oleh kerajaan interim. Apakah pendirian dan perancangan Malaysia terhadap kerajaan interim Syria ini?

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: *[Ketawa]* Tak dapat nak jawab pantun. Terima kasih Yang di-Pertua.

Pada 8 Disember 2024, rejim Presiden Bashar al-Assad telah digulingkan. Satu rejim yang bersifat kuku besi selama 25 tahun telah pun digulingkan ataupun dijatuhkan oleh pejuang-pejuang pembebasan yang diketuai oleh Abu Mohammad al-Julani yang juga dikenali sebagai Ahmed al-Sharaa. Perjuangan mereka ini mendapat sokongan daripada semua pihak. Pada 29 Januari '2026', Puan Yang di-Pertua, Abu Mohammad al-Julani telah pun diisytiharkan sebagai pemimpin sementara Republik Arab-Syria semasa fasa peralihan.

Sebagai Presiden Kerajaan Interim Syria, al-Sharaa diberi kuasa untuk membentuk sebuah majlis perundangan sementara yang akan berfungsi sehingga perlembagaan negara tetap diluluskan dan dikuatkuasakan oleh Kabinet Syria. Selain daripada itu, beberapa langkah drastik diambil termasuk pembatalan Perlembagaan 2012, penggantungan semua agensi keselamatan, tentera, parti-parti politik yang ada kaitan dengan rejim Assad.

Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan kenyataan Kementerian Luar Negeri pada 9 Disember 2024 yang lalu, Malaysia menegaskan akan kepentingan penglibatan semua pihak yang terlibat secara menyeluruh untuk menjayakan usaha proses damai ini dan mengembalikan keamanan serta kestabilan di Syria.

■1140

Malaysia menyeru agar semua pihak mematuhi undang-undang antarabangsa, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan resolusi-resolusi berkaitan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu serta meningkatkan diplomasi untuk mencapai kestabilan yang berkekalan. Secara lazimnya Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip kedaulatan dan tidak akan mencampuri urusan dalaman negara lain.

Malaysia dengan ini mengharapkan agar kerajaan interim ini dapat melaksanakan mandatnya dengan adil dan inklusif demi kepentingan rakyat Syria. Malaysia juga akan menyokong usaha damai untuk penyelesaian yang menyeluruh berdasarkan prinsip hak manusia, keadilan dan keamanan yang mampan. Sebagai negara yang komited terhadap kesejahteraan global, Malaysia bersedia memainkan peranan yang konstruktif dalam menyokong pemulihan dan pembinaan semula Syria. Dalam hal ini Malaysia terbuka untuk meneruskan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa untuk menyalurkan sebarang bentuk bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tenggara.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara]: Terima kasih puan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kedutaan Malaysia di Syria telah ditutup pada 2012 berikutan pergolakan dan konflik dalam negeri yang berlaku di Syria. Soalan Tenggara apakah faktor-faktor yang perlu diteliti dan dipertimbang sebelum Malaysia boleh membuka semula kedutaan di Damsyik dalam masa terdekat serta bagaimanakah pembukaan kedutaan di Syria ini boleh beri manfaat kepada kedua-dua negara. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tenggara. Ya memang benar Kedutaan Malaysia telah pun ditutup pada 2012 kerana memandangkan keadaan keamanan di Syria itu tidak memungkinkan kita meneruskan urusan kedutaan di sana. Walaupun sekarang seperti yang saya sebutkan tadi pada masa ini Kerajaan Assad—Kerajaan Kuku Besi Assad telah pun ditumbangkan dan kerajaan interim telah pun dibuat. Mereka berjanji untuk mengadakan sebuah kerajaan yang demokratik dalam masa terdekat. Kerajaan Malaysia masih perlu berhati-hati dalam kita mempertimbangkan untuk membuka semula pejabat kedutaan kita di Damsyik kerana masih banyak lagi sekatan-sekatan antarabangsa termasuk sekatan oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu, sekatan ekonomi dan yang lain-lain.

Walaupun telah ada kelonggaran dilakukan termasuk sekatan unilateral oleh Amerika sebelum ini telah ada kelonggaran tetapi Malaysia akan mempertimbangkan secara berhati-hati Tuan Yang di-Pertua sebelum sebarang kemungkinan untuk kita membuka semula pejabat kedutaan kita di sana. Walau bagaimanapun, untuk ketika ini kita punya urusan rakyat Malaysia ada 48 orang pelajar, ada empat orang rakyat biasa di sana. Mereka ini diurus dengan oleh Konsul Kehormat (*Honorary Consul*) kita yang telah lama kita lantik yang berada di Damsyik. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya daripada Sik. Kita sedia maklum konflik dan perang saudara di Syria itu lebih daripada 14 tahun yang terakhir ini selepas Arab Spring menyebabkan lebih 90 peratus rakyatnya dalam keadaan kehidupan yang miskin. Lebih tujuh juta yang menjadi pelarian di luar dan lebih enam juta menjadi pelarian dalam. Sudah pasti pembangunan infrastruktur dan keperluan asas itu sangat penting untuk seluruh masyarakat dunia membantu.

Banyak NGO kita di seluruh dunia termasuk dan juga di Malaysia yang telah pun memasuki Wilayah Syria ini termasuk NGO daripada PAS sendiri, PAS Relief International, daripada Global Peace Mission dan lain-lain. Jadi sudah pasti usaha ataupun bantuan daripada Wisma Putra sangat penting untuk memastikan kelancaran pergerakan dan NGO-NGO ini untuk membantu keperluan asas kepada rakyat di Syria. Jadi bagaimana langkah Wisma Putra untuk memastikan bahawa bantuan NGO ini dapat dimaksimumkan sampai ke sasarannya dan sudah pasti lah kita negara Malaysia ini dapat bersama-sama membantu memulihkan kembali Syria ini. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat daripada Sik. Tuan Yang di-Pertua memang saya sebutkan tadi

bahawa Malaysia memantau keadaan. Walaupun dengan ketiadaan kita punya pejabat kedutaan di sana tetapi usaha kita untuk kita terus memantau dan membantu keadaan di Syria itu memang berterusan. Setakat hari ini Tuan Yang di-Pertua banyak kita punya NGO-NGO berkenaan termasuk Global Peace for Malaysian Mission ada, MERCY pun dah masuk dan juga Muslim Care for Malaysia, Society pun dah ada di sana dan ia diuruskan oleh konsul kehormat kita.

Wisma Putra ataupun Kerajaan Malaysia berurusan baik dengan NGO-NGO ini untuk mereka mewakili kita, mewakili Kerajaan Malaysia untuk menghantar bantuan kemanusiaan terutamanya perubatan. MERCY telah pun mengadakan klinik mereka di sana. Mereka telah mula beroperasi, Global Peace Malaysian (GPM) pun ada di sana dan berbagai-bagai lagi NGO-NGO yang telah pun menyatakan hasrat untuk sama-sama membantu.

Pada 7 hari bulan ini Tuan Yang di-Pertua saya akan menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC di Jeddah dan salah satu agenda yang kita akan bincangkan selain daripada agenda di Gaza ataupun Palestin ialah berkenaan keadaan di Syria. Kami akan memutuskan bentuk dan cara mana untuk kita dapat membantu memulihkan semula keadaan kemanusiaan di Syria itu dulu sebelum kita bercakap tentang pembinaan dan pembangunan semula Syria. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tuan Fathul Huzir bin Ayob, Gerik.

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor lapan.

8. Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam** menyatakan langkah proaktif yang diambil oleh Pasukan Petugas Khas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (MyTTF) untuk melindungi dan memulihara Harimau Malaya termasuk kajian penyelidikan saintifik ke atas populasinya. Adakah kementerian bercadang menyediakan dana khas bagi meningkatkan kawalan terhadap sindiket pemburuan haram.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gerik. Penubuhan pasukan petugas kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force*) (MyTTF) merupakan salah satu daripada sembilan tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya yang telah mempersetujui Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021.

MyTTF yang telah dipersetujui memainkan peranan penting yang menetapkan hala tuju serta menyelaras pelaksanaan dan pemantauan tindakan bagi konservasi Harimau Malaya. MyTTF telah mengambil langkah proaktif dengan meluluskan pelbagai tindakan bagi menangani krisis populasi Harimau Malaya di habitat semula jadi.

Antara langkah-langkah utama adalah seperti berikut, pertama, mengukuhkan rondaan, penguatkuasaan dan pengawalan pos *on the ground* bagi membanteras pencerobohan pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar melibatkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia

bersama agensi-agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta veteran Angkatan Tentera Malaysia, Orang Asli, Orang Asal dan komuniti setempat.

Kedua, mengukuhkan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan sebagai *center of excellence* bagi konservasi ex-situ Harimau Malaya melalui pengukuhan fungsi perjawatan, perkakasan teknologi penyelidikan dan kerjasama strategik.

Ketiga meningkatkan insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan *ecological fiscal transfer for biodiversity conservation* (EFT) kepada kerajaan negeri bagi melindungi dan memulihara kawasan perlindungan negara termasuk habitat Harimau Malaya.

Keempat memperluaskan pelaksanaan skim akreditasi *Conservation Assured | Tiger Standards (CA|TS)* bagi mengukuhkan keberkesanan pengurusan habitat Harimau Malaya.

■1150

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun menyediakan dana khas bagi menangani isu pemburuan haram. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan khusus bagi mengukuhkan aktiviti penguatkuasaan melalui Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3) yang melibatkan Operasi Bersepadu Khazanah (OPK) dan pelantikan renjer komuniti sejak tahun 2020 hingga 2024. Sebanyak RM189 juta telah disediakan bagi melaksanakan BP3. Pada tahun ini, sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan OPK dan melantik seramai 2,550 renjer komuniti, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, langkah-langkah bagi meningkatkan kawalan terhadap sindiket pemburuan haram dan jenayah hidupan liar rentas sempadan telah dilaksanakan melalui penubuhan Biro Jenayah Hidupan Liar (Wildlife Crime Bureau - WCB) di bawah PDRM dan pengukuhan pasukan SPARTA di bawah Jabatan PERHILITAN sebagai pasukan taktikal khas untuk menangani isu pemburuan haram. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Gerik.

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik]: Gerik ucapkan tahniah dan syabaslah atas usaha kementerian berkenaan dengan program renjer komuniti tersebut, ya. Cuma, Gerik nak tanya, adakah pihak kementerian ada cadangan untuk kita tambah kekuatan NGO seperti pemantau hidupan liar seperti MYCAT dan juga WWF untuk kita buka pejabat operasi kita dan kita letakkan di tempat-tempat, di kawasan-kawasan hutan simpan seperti contohnya, di tempat saya di Gerik, di Taman Negeri Royal Belum? Adakah kerajaan bercadang untuk buka, untuk bantu NGO-NGO tersebut buka di tempat yang macam ni? Lagi satu kita nak tanya juga, apakah bentuk bantuan yang kerajaan beri selama ini kepada NGO macam MYCAT dan WWF ni?

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Terima kasih Puan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia sememangnya

sentiasa bekerjasama dengan NGO dan melaksanakan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar.

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu]: *[Bangun]*

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Antara kolaborasi yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) menjalankan Survei Harimau Kebangsaan Pertama (*First National Tiger Survey* - NTS1) pada tahun 2016 hingga 2020 di Landskap Hutan Hujan, *Central Forest Spine* (CFS) Semenanjung Malaysia bersama WWF, Wildlife Conservation Society (WCS), Malaysia dan Pelindung;

(ii) menjalankan *survey* pemantauan hidupan liar terancam secara berterusan bermula tahun 2021 hingga 2025 di dalam Taman Negara Banjaran Titiwangsa (TNBT) dan di luar TNBT bersama Panthera dan WCS Malaysia; dan

(iii) menjalankan Operasi Bersepadu Khazanah (OSK) melibatkan kerjasama bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), lain-lain agensi berkaitan serta turut melibatkan kerjasama beberapa NGO seperti WWF, Pelindung dan WCS untuk membanteras dan menangani isu-isu pencerobohan, pembalakan haram, mencuri hasil hutan negara serta pemburuan hidupan liar.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan sokongan dan kerjasama strategik dengan NGO bagi meningkatkan konservasi hidupan liar dan habitatnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sipitang.

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang]: Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin bertanya kepada Menteri. Mohon pihak kementerian menerangkan, bagaimanakah menerusi lima matlamat utama dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) ini dalam mencapai keseimbangan kewujudan bersama antara manusia dan hidupan liar yang kian pupus? Terima kasih.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Terima kasih Puan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Melalui Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022 – 2030, usaha dalam memastikan keharmonian antara manusia dan hidupan liar dapat dilihat dari beberapa aspek.

(i) mengekalkan kawasan yang diwartakan bagi liputan hijau dan tadahan air di kawasan bandar;

(ii) melindungi dan memelihara habitat kritikal seperti hutan simpanan, kawasan tanah lembap dan terumbu karang;

(iii) memberi penekanan kepada aspek perancangan *spatial* untuk memastikan elemen pemuliharaan biodiversiti diintegrasikan dalam rancangan pembangunan negara, negeri dan tempatan;

(iv) memastikan *[Tidak jelas]* dan pembangunan mengambil kira aspek biodiversiti dan pemeliharaan habitat serta meminimumkan risiko konflik manusia-hidupan liar;

(v) memperkasa dan menyokong peranan masyarakat pribumi dan tempatan (IPLC) dalam perlindungan hidupan liar, termasuk melalui Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (BP3) yang turut melibatkan pelantikan IPLC; dan

(vi) melaksanakan pendekatan saintifik dan kewujudan bersama (*co-existence*) antara manusia dan hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad, Simpang Renggam.

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Soalan nombor 9.

9. Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan bagaimana kementerian merancang untuk menarik dan mengekalkan pelaburan swasta dalam membangunkan sektor air sebagai sektor ekonomi baharu yang dinamik dan menyumbang kepada KDNK negara.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Kementerian komited untuk membangunkan sektor air sebagai sektor ekonomi baharu yang dinamik dan berdaya saing melalui pendekatan strategik seperti yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040).

Sektor air merupakan komponen penting dalam penyediaan kemudahan asas kepada rakyat dan berpotensi untuk menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui pelbagai aktiviti ekonomi, termasuk inovasi teknologi, pelaburan infrastruktur dan pembangunan industri berkaitan. Melalui AIR 2040 ini, beberapa strategi telah dirangka untuk menarik dan mengekalkan pelaburan swasta dalam sektor air. Strategi ini memberi tumpuan kepada persekitaran pelaburan yang kondusif, insentif yang menarik, penggunaan teknologi moden serta kolaborasi antara sektor awam dan swasta.

Jadi, secara sepintas lalu. Strategi pertama, memperkukuh dasar dan rangka kerja perundangan. Ini merangkumi sebagai contoh, pindaan perundangan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 iaitu Akta 655. Kedua, memperkenalkan kerangka insentif pelaburan sektor air dan ketiga, memantapkan kerangka pemantauan dan tadbir urus.

Strategi kedua pula adalah untuk kita meningkatkan kerjasama awam-swasta (*public-private partnership*) yang mana merangkumi pembangunan projek infrastruktur air, perkongsian risiko dan juga platform dialog awam-swasta. Strategi ketiga adalah untuk

memanfaatkan teknologi dan inovasi yang mana ianya memainkan peranan penting untuk kita tarik pelaburan iaitu melalui pembangunan ekonomi digital air dan yang kedua adalah inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D). Strategi keempat berkaitan untuk tujuan promosi dan kesedaran pelabur.

Yang ini kementerian juga ada perancangan untuk kita tingkatkan usaha promosi ini iaitu pertama melalui Hab Pengetahuan Air ASEAN dan yang kedua adalah penyertaan dalam pameran antarabangsa. Strategi kelima adalah untuk kita membangunkan modal insan dan keupayaan industri. Ini merangkumi latihan dan pembangunan kemahiran dan yang kedua adalah secara pemindahan teknologi.

■1200

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Jadi, secara rumusannya, kita mengharapkan melalui AIR 2040 ini, satu pendekatan yang lebih holistik yang kita boleh gariskan untuk kita kekal dan juga tingkatkan pelaburan swasta dalam sektor air. Ini juga kita harapkan ia bukan sekadar untuk memacu daya saing sektor air kerana kita percaya, ia juga akan menyokong agenda pembangunan mampan negara. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun beberapa isu sistemik yang dapat diatasi oleh pihak kerajaan, namun, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan satu pendekatan yang boleh dikatakan diberi keutamaan dalam usaha kita untuk menarik pelaburan swasta ini tadi? Apakah program yang terkini kerana itu adalah sistemik yang amat menjadi penghalang besar kepada usaha pembangunan industri air ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Simpang Renggam.

Saya cuba memberi satu contoh ataupun gambaran iaitu sebagai contoh, untuk kita memastikan kemampanan dan kelestarian bekalan air, ada idea ataupun cadangan untuk kita menggunakan air pulih guna. Jadi, konsep itu maksudnya kita menggunakan air yang telah digunakan kembali melalui sistem rawatan dan sebagainya. Cuma, daripada segi ruang itu sebenarnya kalau kita lihat daripada segi Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, perkara itu tidak ada dalam akta.

Dato' Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Maka sebab itu, bila kita nak merangka sesuatu inovasi dan perkara yang baru, kita perlu juga melihat kepada tahap sehingga meminda akta. Jadi dalam perancangan tersebut sebagai contoh, dalam Dewan yang ini

tahun lepas, kita telah meluluskan pindaan akta berkenaan yang lebih tertumpu pada isu pencemaran air tetapi kerangka yang akan datang, akta ini dinamik. Jadi, antara cadangan yang kita kena tengok adalah untuk kita lakukan pindaan untuk melihat dalam memastikan kestabilan jangka panjang, termasuk ruang seperti contoh tadi, air pulih guna.

Jadi, saya harap itu akan memberi gambaran bahawa cabaran kita bukan hanya bersifat *academic paper*. Walaupun AIR 2040 itu agak terperinci tetapi yang lebih perlu kita bagi perhatian adalah macam mana kaedah pelaksanaan dan juga boleh dimanfaatkan di pihak swasta dan juga awam. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Simpang Renggam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab utama sektor air serantau dengan mentransformasikan sektor air menjadi mampan. Namun, Malaysia masih menghadapi isu-isu seperti sungai tercemar, gangguan bekalan air dan kegagalan memanfaatkan sumber air untuk industri mampan. Selain itu, isu perjanjian air dengan Singapura yang merugikan Malaysia masih belum diselesaikan.

Soalan saya, bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengukuhkan kawalan terhadap pencemaran dan keberkesanan pengurusan sumber air bagi memastikan keselamatan dan kemampanan air dan menjadikan air sebagai peluang ekonomi? Ke arah merealisasinya, bagaimanakah bentuk kerjasama dan sokongan daripada semua pihak untuk memastikan pelaksanaan AIR 2040 ini berjaya? Ini kerana saya berpandangan, isu ini perlu melibatkan semua pihak berkepentingan dan bukan dari kerajaan semata-mata. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Dari sudut soal pencemaran, sepertimana yang saya nyatakan, tahun lepas, kita teliti daripada segi bagaimana untuk kita melindungi industri bekalan air itu melalui pindaan yang telah pun kita laksanakan dalam Dewan ini. Tetapi pada masa yang sama, bila disebut soal pencemaran, ia melibatkan juga agensi-agensi yang lain, terutamanya sebagai contoh, Jabatan Alam Sekitar. Jadi sebab itu, untuk tujuan daripada segi mengelakkan ataupun menguruskan berlakunya pencemaran dan sebagainya, saya punya pandangan di sini adalah kita kena tengok pendekatan yang lebih holistik kerana di peringkat kementerian ini lebih tertumpu pada soal memastikan bekalan air yang stabil dan berterusan.

Bagi persoalan bagaimana untuk kita libatkan kesemua pihak dalam menjayakan AIR 2040, sebagai contoh, bila kita bicara soal bekalan air, ia juga melibatkan operator-operator di peringkat negeri. Jadi cabarannya ketika ini sebagai contoh, bagaimana untuk kita pastikan kesemua operator air ini berdaya saing dan mampu menjalankan tanggungjawab mereka di

setiap kawasan ataupun di peringkat negeri masing-masing. Maka sebab itu di peringkat kementerian, sementara kita cuba selaraskan. Contohnya isu tarif dan sebagainya ini tetapi akhirnya masih bergantung pada kemampuan, keupayaan di peringkat negeri tersebut.

Malah sebab itu di peringkat kementerian, kita menumpukan kepada isu supaya daripada segi proses untuk pelaksanaan daripada segi pembinaan dan sebagainya, perlu mengikut jadual seperti yang kita harapkan kerana mungkin di peringkat pusat, kita boleh rancang. Tetapi yang baru-baru ini bila saya turun contohnya, ada loji yang terbengkalai di Kedah dan sebagainya, itu memberi kesan kepada kita keseluruhan daripada segi bekalan di sana.

Cuma, AIR 2040 ini kita juga kena melihat jangka panjang. Kita juga kena menarik minat bukan sekadar dalam negara tetapi di luar negara supaya kita sentiasa *forward looking* sementara kita cuba membantu mungkin operator-operator air yang masih tertinggal ataupun yang perlu kita bantu untuk tingkatkan keupayaan dan kemampuan mereka membekalkan air yang bersih di negeri masing-masing. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Selanjutnya, Majlis mempersilakan Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie, Yang Berhormat Sri Aman.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

10. Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan strategi kerajaan untuk menangani sindiket penyeludupan manusia yang juga menjadi dalang kepada kemasukan PATI termasuk langkah untuk memperketat undang-undang sedia ada dan hukuman terhadap mereka yang terlibat.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Sri Aman. Jenayah penyeludupan migran benar-benar memberi ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Kerajaan punya strategi berterusan untuk menghadapi jenayah ini.

Pertama, memperkukuh undang-undang sedia ada di negara kita untuk jenayah penyeludupan migran. Undang-undang yang kita guna pakai namanya Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran atau kita sebut Akta 670. Yang Berhormat bertanyakan, apakah hukuman yang lebih keras. Akta ini sejak digubal tahun 2007 telah melalui tiga kali pindaan. Antara hukuman yang lebih berat dimasukkan adalah tempoh pemenjaraan seumur hidup bagi menggantikan tempoh pemenjaraan tidak kurang tiga tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun.

Kedua, kerajaan meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat domestik dan antarabangsa. Kerajaan sedar lima agensi penguat kuasa di negara kita sahaja terdiri daripada Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kalau digabungkan kekuatan lima agensi ini sahaja, masih belum memadai.

Oleh kerana itu, kita perlu jalin kerjasama termasuk daripada segi perkongsian maklumat risikan dan *data intelligence* dengan rangkaian sindiket penyeludupan migran tentang sindiket penyeludupan migran, bersama-sama dengan INTERPOL dan Pejabat Kawalan Perjalanan (TCO) bagi tujuan kita melakukan analisis trend dan strategi intervensi penguatkuasaan.

Ketiga, kerajaan turut memperkemas koordinasi mekanisme kawalan dan pemantauan di sempadan negara. Makanya, bermula 1 Mei 2024, kerajaan telah menubuhkan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) bertujuan untuk mengawal dan mengurus sempadan negara secara bersepadu di bawah satu bumbung.

Ini penting kerana fungsi penguatkuasaan sempadan bila diletak di bawah satu agensi, dia boleh mengurangkan kerenah birokrasi, dia boleh menggembleng potensi sumber dan dia boleh memberikan fokus kepada pemantauan aktiviti jenayah termasuk penyeludupan barang dan senjata api termasuk jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Keempat, kerajaan sentiasa meningkatkan pembangunan kapasiti dalam aspek pencegahan jenayah penyeludupan migran yang berupa aktiviti hebahan yang agresif, guna untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat agar jangan sampai terjebak. Terima kasih.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, atas jawapan ataupun penerangan yang saya rasa cukup bermaklumat. Saya rasa macam tiada lagi yang saya hendak soalkan. Namun, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membagi statistik terkini mengenai jumlah sindiket penyeludupan manusia yang telah ditumpaskan dalam tempoh masa mungkin lima tahun terakhir dan apakah cabaran utama yang dihadapi pihak berkuasa dalam membanteras sindiket ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Dato' Speaker, maklumat lengkap akan saya sampaikan secara bertulis sebab dia berupa angka, bilangan sindiket. Cuma Yang Berhormat, lebih tepat, lebih bertanggungjawab supaya saya boleh sampaikan secara bertulis mengikut statistik terkini, sekarang dan tahun hadapan. Biasanya kita akan berkongsi, yang pertama, berapa jumlah kes yang telah kita kesan? Berapa banyak pula kertas IP yang kita buka? Berapa pula yang kita heret ke muka pengadilan? Berapa pula yang disabitkan? Kemudian, saya akan bekalkan juga kepada Yang Berhormat tentang bilangan angka terkini yang telah kita kenal pasti.

Jadi, itu akan memberikan panduan kepada Yang Berhormat memahami tentang setakat tahap mana jenayah anti pemerdagangan orang ini sedang kita hadapi. Untuk makluman Yang Berhormat, kes terkini adalah kes yang kita selesaikan ataupun kita tangkap di Selat Melaka oleh APMM yang melibatkan insiden tembakan tetapi kes itu dibuka adalah

di bawah ATIPSOM iaitu *smuggling of migrant* kerana kesemua dapatan bukti siasatan awal menjurus kepada aktiviti pemerdagangan orang. Itu akan menambah statistik kita bagi tahun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Berikut, saya mempersilakan Yang Berhormat Jerlun.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Soalan asal Sri Aman menyentuh tentang dalang atau orang yang menjadi perantaraan sindiket penyeludupan manusia terhadap kemasukan PATI dalam negara kita. Bercakap soal dalang ini, sudah tentu sedikit sebanyak dikaitkan dengan orang dalam yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti penyeludupan manusia atau pemalsuan dokumen perjalanan.

Terbaru, *Berita Harian Online* melaporkan – 18 Februari 2025, dua minggu yang lepas, melaporkan pegawai imigresen di Sabah menghadapi 17 pertuduhan rasuah, urus pelepasan warga asing, menerima rasuah RM14,250 antara Januari hingga Mac 2023. Soalan saya, selain daripada tindakan mahkamah, apakah langkah drastik dan cabaran yang terpaksa dilalui oleh kerajaan dalam usaha untuk membanteras aktiviti sindiket penyeludupan PATI ini yang khususnya melibatkan pegawai kerajaan ataupun di jawatan kementerian yang berkaitan?

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan kaedah sistem biometrik dan digitalisasi kawalan sempadan bagi membanteras PATI masuk secara bebas dalam negara kita? Sekian, Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ada dua bahagian. Bahagian kedua sebenarnya saya telah pun menjawab soalan kedua Kota Bharu pagi tadi. Yang Berhormat Jerlun mungkin terlepas. Saya telah memberikan perincian tentang peralihan kepada sistem kawalan pintu masuk yang terkini dalam negara kita. Bukan sahaja sempadan darat, udara, bahkan laut. Kita ada 141 pintu rasmi masuk negara. Itu tidak termasuk jalan tikus yang menjadi laluan aktiviti penyeludupan migran ini.

Baik, tanpa menafikan pembabitan orang dalam, sebab itu memang dilaporkan di dada-dada media. Tapi hakikat bahawa setiap agensi-agensi sensitif ini kita turut menempatkan pegawai integriti bagi mengesan, seumpama Imigresen, Yang Berhormat Jerlun sebut tadi. Ini akan terus menjadi satu ancaman ataupun satu cabaran kepada usaha kerajaan, khususnya untuk menangani perkara ini.

Sebab itu bila saya senaraikan tentang empat langkah, saya katakan bahawa ianya tidak akan boleh dilaksanakan hanya dengan usaha persendirian. Dia ada pelbagai elemen. Kadang-kadang, ia hadir dalam bentuk *organized crime* atau jenayah terancang yang dilakukan oleh dua atau lebih yang mempunyai motivasi kuasa atau keuntungan kewangan yang mendukung cita-cita dan matlamat yang sama.

Jadi, matlamat dia adalah untuk mengaut keuntungan kewangan dengan cara memperdagangkan ataupun melakukan penyeludupan migran. Itu ancaman di negara kita, Dato' Yang di-Pertua, adalah kerana ianya melibatkan warga asing. Sebab itu, kayu ukur sama ada kita berjaya kawal atau tidak aktiviti ini adalah melalui laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dan kita sekarang berada pada kedudukan Tier 2.

Tahun 2023, Tier 2 *watch list.* Paling bawah adalah Tier 3. Paling atas adalah Tier 1. Jadi, kita meningkat baik tapi kalau sudah berada pada Tier 2, kita harus berusaha ke arah Tier 1. Jadi, kita mesti usahakan semua sekali, termasuk Yang Berhormat Jerlun tanyakan tadi. *Weightage* yang paling besar untuk meningkatkan kedudukan kita, berapa ramai tindakan yang telah diambil ke atas penjawat awam? Disebut itu. Ada *weightage* yang besar. Kalau sudah ditangkap, didakwa atau belum? Kalau sudah didakwa, sabit atau belum? Itu antaranya.

Jadi – tapi kita tidak boleh hanya kerana hendak skor r*ating* tinggi, tidak boleh. Jadi, kita kena lakukan secara penuh tanggungjawab. Jadi, saya ucap terima kasih. Yang Berhormat mengikuti dengan dekat tajuk ini dan itulah, setiap bulan April, laporan ini akan dikeluarkan dan kita ada lagi sebulan lebih sahaja lagi sebelum laporan itu dikeluarkan untuk meletakkan kita di tangga ke berapa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan pada hari ini.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.18 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Dato' Yang di-Pertua,

> "Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ada Yang Berhormat menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ILTIZAM KECEKAPAN PERKHIDMATAN KERAJAAN 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan dengan menangani birokrasi, mengurangkan beban kawal selia dan melaksanakan penarafan prestasi perkhidmatan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Dr. Zaliha binti Mustafa]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG PEMERANGKAPAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN KARBON 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pemerangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan kekal karbon dioksida untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan mengurangkan kesan perubahan iklim untuk memangkinkan pembangunan industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon sebagai satu sumber baharu pertumbuhan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Ekonomi [Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada 5 Mac 2025.

■1220

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat Kedua tahun ini.

RANG UNDANG-UNDANG
KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat Kedua tahun ini.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT
DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat Kedua tahun ini.

RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KREDIT PENGGUNA 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna, perlindungan kepentingan pengguna kredit, pengawalseliaan dan penyeliaan perniagaan kredit konvensional atau Islam dan perniagaan perkhidmatan kredit, pelakuan yang sepatutnya dan amalan peminjaman bertanggungjawab dalam industri kredit dan penggalakan suatu industri kredit yang adil, cekap dan telus dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas.

RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA TENAGA (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Tenaga 2001; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat Kedua.

RANG UNDANG-UNDANG
BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat Kedua.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN
(PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.24 tgh.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tan Sri Yang di-Pertua, rekayasa ini bersejarah kerana ia merupakan satu langkah reformasi besar dalam institusi Parlimen dalam usaha kita meneruskan tindakan dan langkah-langkah reformasi institusi dalam negara kita.

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 menjadi asas kepada penggubalan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 yang akan dibentangkan pada hari ini. Pindaan ini bukan kecil kerana ia memperkukuh prinsip dan doktrin pengasingan kuasa supaya Parlimen berfungsi sebagai badan legislatif yang bebas, berwibawa dan berdaya saing. Inilah di antara reformasi yang dinanti-nanti dan dituntut lebih

tiga dekad. Maka, syukur, *alhamdulillah*, kerana ketegasan dan tekad politik Kerajaan MADANI mengusulkan pindaan ini.

Pemisahan kuasa antara legislatif, eksekutif dan kehakiman bukan konsep baharu. Dalam Islam, disebut dalam bahasa Arab, islahnya... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Yakni pemisahan antara kuasa-kuasa dalam urusan negara. Walaupun lebih popular dengan pemikiran dan perbahasan sekarang dengan Montesquieu tetapi asas dalam Islam diamalkan sejak kurun 7 Masihi, terutama ketara di era pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab yang memisahkan kuasa eksekutif daripada kehakiman untuk menjamin keadilan dan kebebasan.

Sepertimana yang dinukilkan oleh sejarawan Islam Ibni Athir lewat karyanya *Al-Kamil fi Al-Tarikh*, *the Complete Account of History*, prinsip pengasingan kuasa merupakan tunggak penting tatakelola dalam era Khulafa' Ar-Rashidun dengan memetik kisah masyhur penghakiman Qadi Shurayh ibn Al Harith ke atas Khalifah Ali ibn Abi Talib dalam pertikaiannya dengan seorang Nasrani yang melibatkan perisai perang, di mana khalifah sendiri terpaksa dihadapkan di mahkamah dan tunduk kepada keputusan hakim Qadi Shurayh.

Jadi, prinsip yang kita bicarakan pada hari ini yang kemudian diulas oleh Ibnu Khaldun dalam mukadimah tentang fungsi pemerintahan menjelaskan matlamat atau apa yang kita cuba ambil langkah yang bermakna pada hari ini.

Konsep pemisahan kuasa ini terletak pada keseimbangan kerana tanpa kawalan berlebihan di mana-mana pihak, keadilan dapat ditegakkan, kebebasan dipelihara dan kuasa tidak disalahgunakan. Ini dianggap sebagai pemerintahan yang telus dan berintegriti. Ini juga disebut tentang keperluan menegakkan prinsip pemisahan kuasa yang jelas.

Tan Sri Yang di-Pertua, prinsip ini juga tidak asing dalam negara kita. Malah, doktrin ini diamalkan sejak kemerdekaan tahun 1957 yang merupakan elemen penting dalam pentadbiran negara. Ia diperuntukkan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, ini diterjemahkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang dianggap sesungguhnya sebagai *supreme law of the nation* bagi menjamin keseimbangan dalam pentadbiran. Ini dalam Perkara 44, Perkara 121, Perkara 39. Jadi, inilah yang dikatakan kunci kepada kestabilan negara agar sistem pentadbiran berjalan dengan adil dan berintegriti.

Tan Sri Yang di-Pertua, Akta Perkhidmatan Parlimen ini sebenarnya telah diperkenalkan sejak tahun 1957 hingga 1963. Perubahan besar berlaku apabila pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan pengenalan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 semasa pentadbiran negara diterajui oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama bagi tujuan memberikan kuasa autonomi kepada Parlimen.

■1230

Akta pada ketika itu menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen yang diberi kuasa dalam aspek pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan kewangan. Namun pada tahun 1992, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan telah dibuat dan memansuhkan Perkhidmatan Parlimen yang telah diwujudkan melalui Akta Perkhidmatan

Parlimen 1963 atas alasan membuka peluang kerjaya yang lebih luas kepada anggota Perkhidmatan Parlimen dan memberi ruang kepada pegawai berpengalaman untuk mentadbir institusi ini. Tapi kesan sekurang-kurangnya peringkat persepsi Ahli Parlimen sebahagiannya dan rakyat adalah kebimbangan tentang penghakisan autonomi Parlimen.

Kini, setelah 33 tahun, Kerajaan MADANI membawa pentadbiran negara, *[Tepuk]* kembali kepada landasan yang betul dengan penggubalan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 yang membolehkan Parlimen berfungsi sebagai institusi yang bebas dan berdaulat. *[Tepuk]* Dengan autonomi yang diperkukuh, Parlimen akan menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan, menjaga kepentingan rakyat dan mengekalkan prinsip keseimbangan.

Tan Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 mempunyai lima fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam naskhah biru dengan izin, *blue bill* yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 24 Februari yang lalu. Objektifnya secara am adalah meminda Perlembagaan Persekutuan berbangkit daripada penggubalan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 yang akan dikemukakan sebentar lagi. Perincian dan penjelasan lanjut mengenai fasal-fasal di bawah rang undang-undang ada dinyatakan dalam naskhah biru dengan izin, *blue bill.*

Pemisahan kuasa dipertahankan dan dengan termeterainya cadangan ini, ia bukan sahaja mengukuhkan kebebasan institusi Parlimen tetapi turut menandakan satu kejayaan besar dalam reformasi institusi negara ini. Pada masa yang sama, saya difahamkan terdapat cadangan untuk menambah baik keanggotaan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Perkara ini boleh dibuat tanpa pindaan kepada RUU ini dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat 76, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Ini seperti yang diberi kefahaman oleh Penasihat Undang-undang, memadai untuk menjamin bukan sahaja kebebasan tapi juga perwakilan daripada pembangkang.

Namun, setelah mendengar dan dalam beberapa acara libat urus termasuk dengan wakil pembangkang, kerajaan setuju untuk membuat pindaan dalam jawatankuasa pada hari esok sekiranya RUU ini diluluskan oleh Dewan dengan memasukkan pindaan bertujuan untuk memperuntukkan bagi penetapan proses pelantikan dua Senator, empat Ahli Parlimen ke dalam Majlis Perkhidmatan Parlimen, termasuk dua wakil dari pembangkang.

Pelantikan ini... *[Tepuk]* akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilih *[Tepuk]* dan kelulusan oleh Dewan masing-masing. Ini dimasukkan walaupun saya tegaskan ya, Penasihat Undang-undang menyatakan tidak perlu kerana peraturan-peraturan yang sedia ada memadai tetapi untuk menjelaskan dan memenuhi tuntutan dan cadangan pembangkang, kita masukkan kedua-duanya iaitu dua wakil pembangkang dan pelantikan oleh Jawatankuasa Pemilih. Ini jaminan daripada Kerajaan MADANI.

Pindaan seterusnya dalam fasa kedua, reformasi pemerkasaan institusi Parlimen Malaysia. Penambahbaikan dalam fasa kedua ini akan terus dilakukan melalui beberapa

proses sesi libat urus, seterusnya termasuk badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan mengambil kira pandangan yang menyeluruh dan seimbang.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya menyeru agar semua Ahli Dewan ini menerima kenyataan bahawa negara harus lebih matang dari sudut kebebasan Demokrasi Berparlimen. Oleh yang demikian, harus ada suara yang lebih bertanggungjawab untuk menyokong usaha ini sepenuhnya. Penggubalan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 adalah satu pencapaian yang akan dikenang *insya-Allah* dalam sejarah negara, *[Tepuk]* satu legasi yang akan membentuk masa depan Malaysia yang lebih telus, berintegriti dan berwibawa.

Sekian dan saya pohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ada yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya menerima senarai 17 orang yang akan berbahas atas rang undang-undang ini.

Oleh kerana ianya satu rang undang-undang yang melibatkan kita semua, pembangkang atau pun kerajaan, maka saya memberi masa yang secukupnya iaitu tujuh minit. Saya bacakan nama-nama mereka yang akan berbahas bermula dengan Pasir Gudang, Kota Bharu, Beluran, Ipoh Timur, Tumpat, Indera Mahkota, Rasah, Besut, Machang, Tuaran, Alor Setar, Masjid Tanah, Jelutong, Putrajaya, Arau, Kota Belud dan Sungai Petani.

Seperti yang saya katakan tadi, ini ialah rang undang-undang berhubung dengan kita. Untuk itu, saya jemput Pasir Gudang. Silakan, tujuh minit Pasir Gudang.

12.37 tgh.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera.* Tan Sri Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Parlimen semua, pindaan Perlembagaan adalah satu perkara yang penting jika ia berkaitan dengan Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen, maka akta yang hendak digubal itu mestilah bagus, progresif dan perlu. Barulah berbaloi pindaan Perlembagaan ini kita lakukan.

Setelah mendengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya melihat bahawa kerisauan dan *reservation* sesetengah pertubuhan sivil dan NGO di luar malah di kalangan Ahli Parlimen juga nampak telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sanggup kerajaan seperti *undertaking* iaitu selepas diluluskan Perlembagaan ini, selepas RUU Perkhidmatan Parlimen yang diluluskan, kerajaan bersedia untuk meminda beberapa perkara yang dibangkitkan. Jadi, saya lihat ini satu perkara yang baik.

Tuan Wong Chen [Subang]: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, silakan Subang.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih, terima kasih.

■1240

Tuan Wong Chen [Subang]: Okey, terima kasih. Saya merujuk kepada *joint statement* kepada gabungan NGO dan juga *think-tank* seperti BERSIH, IDEAS, REFORM, Rasuah Busters dan Projek SAMA. Mereka menyokong rang undang-undang ini dan meminta semua Ahli-ahli Parlimen untuk sokongan dia. Tapi mereka juga minta lima perkara di bawah Perenggan (2)(a), (b), (c), (d), dan (e) daripada *joint statement* tersebut. Saya nak minta tanya. Nak tanya nak minta pendirian daripada Kerajaan MADANI. Kepada kelima-lima perkara tersebut kerana mereka merupakan reformasi yang tersangat penting. Apakah pandangan Pasir Gudang?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih YB Subang. Sahabat saya. Apa yang disebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada signifikannya dari segi undang-undang. Sekiranya masa-masa akan datang berlaku pertikaian di mahkamah, dalam soal pindaan Perlembagaan ini dan Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen ini, maka pihak-pihak yang terlibat boleh merujuk kepada apakah *intention of Parliament*.

Apakah niat Parlimen waktu nak meminda Perlembagaan ini? Apakah niat Parlimen untuk menggubal Akta Perkhidmatan Parlimen ini? Ertinya ucapan Perdana Menteri tadi semacam saya anggap satu rekod yang akan disimpan di dalam *Hansard* iaitu aku janji kerajaan.

Saya percaya bahawa kalau dilihat, saya baca beberapa kali Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen ini memang ada kekurangannya dia. Ada kelemahannya dan ada yang tidak begitu progresif. Tetapi apa pilihan yang ada? Kalau nak ditolak rang undang-undang itu pun tak munasabah juga.

Jadi, kerajaan yang ada sekarang ini dia nak menghidupkan semula akta tahun 1963 itu telah dibatalkan, nak hidupkan semula. Tujuannya baik. Ini tidak boleh dinafikan. Saya menyokong dan memang berharap beberapa kelemahan-kelemahan yang ada yang seperti dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Nampaknya kerajaan agak bersikap terbuka mendengarnya. Ya, YB Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang setuju tak dengan saya? Dengan komitmen yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi yang mana saya fikir telah banyak mengurus kegusaran ataupun isu yang dibangkitkan oleh masyarakat MADANI, dengan komitmen tersebut sebenarnya kita sebagai Ahli Parlimen ini tak ada sebab yang munasabah untuk menolak rang undang-undang pindaan Perlembagaan ini. Setuju atau tidak?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih YB Bangi. Biasanya saya jarang memuji Perdana Menteri atau kerajaan ini. Mengkritik selalu. Tetapi ikhlasnya pada hari ini saya puji. *[Tepuk]* Saya berharap pada rakan-rakan di blok pembangkang sama-sama kalau boleh bermula dengan kita luluskan pindaan Perlembagaan ini secantiknya, sebulat suara. Tak payah *voting block.*

Kemudian, kita bahas bila sampai waktunya untuk Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen ini dibentangkan. Kita bahaskan. Bahas sebaiknya. Saya rasa kerajaan mendengarnya dan untuk kebaikan negara kita. Kita ini sekarang ada di sini. Penggal depan belum tentu ada di sini. Tetapi negara kita perlu bergerak ke depan. Parlimen ini mesti diperkasakan. Betul tak?

Beberapa Ahli: Betul.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sebulat hati menyokong pembentangan pindaan Perlembagaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Pasir Gudang. Saya jemput Kota Bharu. Silakan.

12.45 tgh.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tan Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pihak Perikatan Nasional juga mengucapkan tahniah kerana keberanian MADANI untuk membentangkan undang-undang ini.

Pada dasarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebagaimana disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, pembentangan rang undang-undang pindaan Perlembagaan adalah sebagai asas ataupun pra syarat kepada pihak kerajaan untuk membolehkan kerajaan membentangkan RUU Perkhidmatan Parlimen iaitu D.R. 4/2025. Itu adalah prasyarat.

Jadi, perkara ini bukanlah satu perkara yang asing kerana sebagaimana yang diketahui oleh semua kita semasa Akta Perkhidmatan Parlimen tahun 1963 hendak dimansuhkan, sebagaimana juga disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, saya ada *Hansard* dua-dua. Dibentangkan dua hari, 20 Oktober 1992, 21 Oktober 1992, diluluskan dengan lebih dua per tiga majoriti.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun Ahli Parlimen pada masa itu. Arau pun ada. Bukit Bintang, Bagan dan juga Kota Raja. Tapi masa itu belum Kota Raja. Ada dalam Dewan ini. Ini adalah tokoh-tokoh yang ada semasa PSA 1963 dimansuhkan oleh Dewan yang mulia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Yang di-Pertua, cuma sebagai tambahan. Ini adalah pindaan bersekali dengan tambahan 12 kawasan Parlimen di Malaysia pada masa itu. Dibuat sekali. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita sebenarnya tidak ada masalah dengan pembentukan semula ataupun perwujudan semula Akta Perkhidmatan Parlimen yang dibawa ini. Namun demikian, saya ingin merujuk kepada satu dokumen Parlimen iaitu Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah bermesyuarat pada 22

November 2016, yang mana pada masa itu dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia. Dalam penyata ini dilampirkan beberapa perkara yang diminta untuk pihak kerajaan memberikan perhatian setelah akta 1963 itu diwujudkan.

Saya ingin menarik perhatian dalam perkara ini disebutkan dengan jelas dengan kertas yang dilampirkan dinamakan Kertas Kerja Kajian Perwujudan Semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Kertas ini memberikan suatu peringatan kepada pihak kerajaan pada masa itu iaitu Kerajaan Barisan Nasional mengenai asas-asas pemansuhan akta 1963. Antaranya disebut di sini, saya mohon membaca. "*Antara kebaikan dimasukkan untuk penghapusan itu ialah memberi peluang kerjaya yang lebih luas, terutamanya dari segi kenaikan pangkat, penempatan dan peluang pertukaran pegawai-pegawai akan bertambah baik kerana adanya kumpulan pegawai yang ramai dengan pengalaman-pengalaman kerja yang luas*".

Maksudnya dibuka kepada perkhidmatan awam. Tetapi dalam ini juga diberikan satu peringatan kepada kerajaan. Dari segi implikasinya kalau sekiranya diwujudkan semula akta ini. "*Bagi memastikan kesinambungan dalam urus tadbir menambah baik dan memantapkan perwujudan semula perkhidmatan Parlimen adalah dicadangkan agar pegawai dan kakitangan perkhidmatan Persekutuan yang masih dan sedang berkhidmat diberi lantikan secara pinjaman*". Itu okey.

Ini yang penting. Ini kertas kerja ini sebut. Saya mohon izin membaca. "*Selain itu, perlu dipertimbangkan juga implikasi lain seperti kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan lantikan pegawai dan kakitangan ke atas pegawai dan kakitangan Parlimen apabila perkhidmatan tertutup Parlimen diperkenalkan kelak. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap organisasi yang mempunyai perkhidmatan tertutup, didapati berlaku masalah-masalah seperti peluang kenaikan pangkat yang terhad akibat ketiadaan perjawatan, ketiadaan kekosongan, pengenaan tindakan tatatertib yang tidak adil...*". Ini penting. "*...Lantikan calon-calon yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau mereka yang berkepentingan sering berlaku*".

■1250

Hal ini akan menyebabkan berlakunya *brain drain* atau perpindahan pegawai dan kakitangan yang berpengalaman, berkemahiran dan berkebolehan keluar akibat masalah yang dinyatakan sebelum daripada ini di sesetengah organisasi perkhidmatan tertutup. Ini kertas dalam Parlimen.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa mengikut satu laporan, Laporan CPA *Recommended Benchmark for Democratic Legislature* merupakan suatu penanda aras penting dalam negara-negara Komanwel untuk perinci aspek kebebasan Ahli Parlimen menjalankan peranannya dengan berkesan.

Antara prinsip utama termasuklah pertama, imbuhan yang adil dan penggantian perbelanjaan Parlimen harus diperuntukkan secara tidak berpihak. Penubuhan badan mekanisme bebas harus diwujudkan bagi menentukan imbuhan faedah kepada Ahli Parlimen. Badan perundangan harus mengawal perkhidmatan Parlimen berbanding eksekutif

dalam usaha menentukan terma perkhidmatan. Peruntukan tertentu yang mencukupi bertujuan melindungi memastikan tiada gangguan daripada badan eksekutif, Ketua Perkhidmatan Parlimen harus dilindungi di bawah Perlembagaan, itu sebahagiannya.

Keduanya, Laporan CPA '*The Financing and at Ministration of Parliament*' turut mencadangkan beberapa tindakan yang harus diambil bagi melindungi integriti dan kebebasan Parlimen, tataurus Parlimen, kebebasan kewangan, perkhidmatan Parlimen dan kebertanggungjawaban awam yang disokong oleh sumber yang baik.

Poin saya ya, di dalam Rang Undang-undang 4/2025, Rang Undang-undang PSA ini, tidak dimasukkan perkara-perkara ini kecuali yang hanya melibatkan kakitangan sahaja. Perkara-perkara lain itu tidak dimasukkan walaupun tadi telah dibuat pindaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ucap terima kasihlah sebab saya tak perlu bangkit lagi. Sebab perkara ini ada di dalam Akta 1963 kalau boleh saya baca, "*Seorang Ahli Dewan Rakyat yang dilantik oleh Yang di-Pertua untuk mewakili sebuah parti pembangkang*" ada di sini. Itu yang dahulu.

Kemudian, apabila melihat pula apa yang disebut di dalam – ini bukan disebut, dibuat satu *working draft*, draf kerja dan juga draf yang dicadangkan. Di sini dengan jelas disebut dalam bahasa Inggeris, "*One Member of The Dewan Rakyat nominated by the Speaker of that House to represent a party in opposition to the Federal Government*." Jelas tetapi tidak apalah itu sudah ada satu pindaan. Tetapi bagi kami dengan penuh hormatnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kami melihat bahawa perlu disempurnakan dahulu Akta PSA ini, barulah kita bawa di sini.

Jadi bagi *to be fair* untuk berlaku adil kepada keadaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, sila gulung 90 saat.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...Saya mencadangkan supaya perkara ini, kedua-dua rang undang-undang ini dirundingkan sekali lagi dengan semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO-NGO kita boleh panggil untuk menjadikan pindaan Perlembagaan dan juga perwujudan semula Akta Perkhidmatan Parlimen ini diharmonikan sebagaimana yang kerajaan dahulu buat apabila kita hendak pinda Perlembagaan berkaitan dengan *Anti Hopping Law*.

Semua parti di peringkat di sebelah pembangkang pada masa itu ada wakil-wakilnya. Jadi sebagai Ahli Parlimen, tak mungkin kami tidak menyokong akta untuk kebaikan Parlimen tetapi biarlah ia *proper* — *tamam [Tepuk]*, *proper* barulah sedap sedikit bahasa Arab dalam bulan puasa inikan. *Tamam*, sempurna, *complete*, komprehensif. Jadi saya berkeyakinanlah, kami tidaklah menjadi pembangkang yang sukar, yang susah kepada kerajaan, kita berunding. Kita boleh menubuhkan Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pihak kerajaan.

Kalau dahulu Datuk Wan Junaidi, Menteri Undang-undang jadi Pengerusi dalam Jawatankuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: 30 saat.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...Jawatankuasa *Anti Hopping Law*, jadi saya rasa apa salahnya Pengerang boleh jadi Pengerusi, kami jadi ahli untuk menyelesaikan *once and for all*. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Bharu. Berikut saya mempersilakan Yang Berhormat Beluran.

12.55 tgh

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang di-Pertua. Semalam diadakan perjumpaan khas khusus, beberapa Ahli Kabinet daripada sebelah sana dan beberapa kami di sini untuk membincang secara terperinci tentang Rang Undang-undang PSA termasuk pindaan Perlembagaan yang melibatkan RUU PSA 2025 ini.

Dato' Yang di-Pertua, antara perkara yang kami bawa semalam adalah soal keanggotaan Jawatankuasa MPP ini seperti yang dihuraikan tadi oleh Yang Berhormat Kota Baharu. Ini kerana kami risau jika niat dan hasrat, tujuan adalah untuk membuat *reform* yang menjadikan RUU ini sebagai satu rang undang-undang yang dilihat sebagai di-*benchmark* untuk demokratik proses demokrasi negara kita, ia harus diperlihatkan. Sebab itu antara perkara yang kami bawa semalam dalam perbincangan itu adalah soal keanggotaan empat orang Ahli Dewan Rakyat yang kami minta supaya dispesifikkan terdapat wakil daripada blok sebelah sini, blok pembangkang.

Itu antara perkara yang kami bawa dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tambun kerana melihat itu dan mengambil itu dan membuat pindaan yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Ini bererti Yang Berhormat Speaker, kami di sini tidak berpolitik ini. Soal penambahbaikan Parlimen adalah soal bersama. Kami mengambil berat tentang perkara ini dan kami membuat cadangan-cadangan yang konkrit dan bukan berpolitik semata-mata untuk sama-sama menyumbang kepada penambahbaikan PSA yang hendak diwujudkan semula di Parlimen ini.

Sebab itu kami memohon kepada kerajaan untuk melanjutkan tempoh perbincangan, diwujudkan satu jawatankuasa sebelum terburu-buru untuk membawa pindaan ini dan kemudian membawa RRU PSA 2025 yang akan dibincang selepas ini. Ini kerana banyak perkara lagi yang harus dibincangkan. Bukan soal keanggotaan MPP itu sahaja yang kami *raise*, kami bangkitkan dalam perbincangan kita kerana kami melihat sudut perwujudan PSA ini sebagai satu PSA yang lebih baik daripada PSA 1963.

Mengambil kira pengalaman daripada Parlimen-parlimen Komanwel yang lain, mengambil kira saranan daripada NGO, daripada *civil society*, daripada *research centre* yang banyak mencari membuat kajian tentang penambahbaikan PAC. Sebab itu kita hendak PAC yang diwujudkan ini adalah satu PAC yang benar-benar berfungsi...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* PSA.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: ...PSA yang benar-benar berfungsi untuk penambahbaikan Parlimen dan anggota-anggota pentadbiran di Parlimen Malaysia ini. Sebab itu kita inginkan agar tangguhkan pembentangan ini. Wujudkan satu jawatankuasa

bersama – *you see*, *yesterday* kita buat. Ada penambahbaikan yang kita boleh kemukakan kepada kerajaan. Maknanya kumpulan blok ini ada idea-idea yang bernas yang mungkin diambil kira untuk menambah baik pentadbiran Parlimen melalui PSA ini. *[Tepuk]*

Dato' Speaker, itu penting. Sebab itu kita boleh tangguh, jawatankuasa boleh dibentuk kerana hasrat dan niat kita Tan Sri – Dato' Yang di-Pertua adalah menunjukkan satu PSA yang benar-benar berfungsi. Ini penting soal keanggotaan, soal kuasa Speaker dan Timbalan Speaker, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, soal perkara-perkara penting seperti ayat di dalam peruntukan di dalam RUU itu, seksyen 6(3), seksyen 7(8) dan seksyen 18(1), ayat seperti, "*Yang di-Pertuan Agong boleh selepas berunding dengan MPP*" yang ini perlu diperbaiki.

Kalau kita lihat ayat seperti ini, "*Yang di-Pertuan Agong boleh selepas berunding dengan MPP*" maknanya MPP lebih tinggi daripada Agong. Ayat seperti ini yang perlu dilihat semula dalam cadangan rang undang-undang, draf undang-undang ini yang perlu dilihat oleh kerajaan kerana kita hendak PSA yang berfungsi, PSA yang boleh menambah baik pentadbiran Parlimen jika diasingkan kuasa.

■1300

Kita tak nak lihat PSA yang diasingkan daripada eksekutif tetapi PSA pentadbiran yang wujud di sini ada konflik kepartian nanti. Kepentingan ke parti kerana Jawatankuasa MPP yang dipengerusikan oleh Speaker, Timbalan Speaker dan jawatankuasa-jawatankuasa nanti ada konflik kepentingan parti. Kita nak lari daripada — nak asingkan kuasa daripada eksekutif tetapi di sini nanti ada konflik kepentingan parti. Sebab itu kita nak lihat keseluruhan rang undang-undang ini sebelum kita putuskan hari ini. Jadi, patut jawatankuasa.

Saya mengambil pengalaman kita tentang perwujudan Undang-undang Anti Lompat Parti. Diniatkan dalam akta ini adalah untuk menghalang Ahli Parlimen daripada melompat parti. Ke parti sana, ke parti sini, melompat parti. *That towards the spirit of the law. Spirit of the law*. Tapi kita lihat sekarang ini selepas wujudnya Akta Anti Lompat, adakah ia telah menghalang aktiviti melompat ini? Dapat menghalang tak? *So, it defeats the purpose.*

Sebab itu kita mahu satu rang undang-undang yang berfungsi, kalau ia diniatkan untuk menghalang Ahli Parlimen daripada melompat parti, ia harus benar-benar boleh menghalang. Tetapi kita lihat Akta Anti Lompat Parti tidak dapat menghalang Ahli-ahli Parlimen daripada blok kami ini daripada melompat ke blok sana. *They are* 10 Ahli Parlimen BERSATU yang melompat ke sana.

Jadi, maknanya *it defeats the purpose of having The* Anti Lompat Parti kerana kita tidak *careful* tentang istilahnya, tidak *careful* tentang terjemahannya yang boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan pihak-pihak tertentu. *It defeats the purpose.* Sebab itu PSA ini jangan jadi undang-undang seperti Akta Anti Lompat Parti. Kalau ia dibuat untuk penambahbaikan Parlimen, sistem pentadbiran Parlimen, diasingkan kuasa daripada eksekutif yang itu mesti dilaksanakan dengan baik. Kita harus teliti dari segi undang-undangnya supaya tidak dapat tidak dijadikan — tidak mencapai matlamat yang seperti kita kehendaki.

Sebab itu saya masih kekal dengan cadangan bahawa rang undang-undang ini kita tangguh, bentuk satu jawatankuasa. *Why in the hurry*? Tidak boleh tunggu tiga bulan, empat bulan, lima bulan? Kita dah tak ada PSA ini sejak tahun 1992. Dah lama dah tak ada. Kenapa mesti nak lakukan dalam tempoh hari ini, esok? *Why*? Tidak ada perbincangan.

Semalam ada perbincangan dan input daripada pihak kami boleh diterima oleh kerajaan. Sebenarnya banyak lagi input-input yang kami boleh cadangkan yang boleh diterima oleh kerajaan untuk menambah baik PSA ini diberi kepentingan Parlimen. Itu penting. Sebab itu kami sarankan agar tangguh, bentuk jawatankuasa bersama. *We have people* sini yang boleh memberi sumbangan untuk menambah baik PSA ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Dipersilakan Yang Berhormat Ipoh Timor.

1.03 ptg.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Terima kasih Dato' Indera Speaker.

Berdiri teguh di Dewan nan mulia,
Pindaan bersejarah tekad dipadu,
Parlimen bebas berwibawa sentiasa,
Demokrasi utuh rakyat sepadu.

Hari ini kita bicara nak kembalikan perkhidmatan Parlimen yang bebas daripada genggaman eksekutif. Maksudnya, ini adalah ibu segala reformasi. Apa maksudnya? Sejak pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 pada tahun 1992, pentadbiran Parlimen kita terikat dengan atau terikat kepada cabangan eksekutif. Maknanya, sejak 1992 bak kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi autonomi kita terhakis.

Lebih 30 tahun, perancangan dah jadi terhad. Pengurusan kakitangan tidak mencerminkan keperluan sebenar institusi ini. Sikit-sikit nak kena tanya eksekutif, *tang* mana integriti institusi Parlimen ini. Sekarang kita nak letak dia. Adakah kita rela melihat Parlimen terus tunduk kepada eksekutif atau sudah tiba masanya untuk kita bertindak memperkasakan institusi tertinggi negara kita ini.

Pindaan ini bertujuan tak lain tak bukan untuk mengembalikan kuasa kepada Parlimen, kuasa Speaker sendiri serta kuasa Yang di-Pertua Dewan Negara sendiri agar ia menguruskan pentadbiran dan hal ehwalnya sendiri. Inilah amalan terbaik di negara-negara maju seperti UK, Kanada, Australia malah India. Di India sendiri Perkara 98 kalau tak silap Perlembagaan mereka, memperuntukkan bahawa setiap Dewan mempunyai sekretariatnya sendiri yang bebas daripada eksekutif. Sampai bila Malaysia harus ketinggalan dalam aspek ini? Sampai bila?

Dato' Speaker, pokok pangkalnya terus-terang, memang tiada kebebasan sebenar tanpa autonomi kewangan. Tanpa autonomi kewangan, bagaimana Parlimen boleh berfungsi dengan bebas dan berkesan tanpa sebarang pengaruh luar? Hari ini bajet Parlimen masih tertakluk kepada budi bicara Kementerian Kewangan. Cakap pasal pengasingan kuasa, ini suatu pindaan yang amat penting.

Hal ini bercanggah dengan amalan terbaik di negara-negara lain di mana kita saksikan ada negara yang ada Akta Pembekalan Parlimen atau *Parliamentary Appropriation Bill.* Kita tak ada, belum ada. Pindaan ini adalah satu langkah pertama ke arah menjadikan Parlimen Malaysia lebih berdaya saing dan dihormati bukan sekadar menjadi sebuah badan yang tunduk kepada kuasa eksekutif. Sampai bila Malaysia harus ketinggalan dalam aspek ini? Sampai bila Ahli-ahli Yang Berhormat? Jawapannya senang, sampai hari ini. Kita dalam Dewan yang mulia ini bakal mengubah nasib demokrasi dan autonomi institusi yang keramat kita ini.

Dato' Speaker saya sedar, ada kebimbangan disebut tadi oleh Kota Bharu, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai potensi konflik kepentingan dalam MPP serta ketulusan dan pengurusan peruntukan kewangan. Bak kata orang lama, *I have a dream.* Saya punya impian. Kerajaan dapat memberi komitmen sebaik kita luluskan pindaan hari ini, kita mula berusaha ke arah pindaan-pindaan yang saya nak bangkitkan, nak utarakan berikut.

Pertama, tambahan yang sebenarnya telah diberi komitmen oleh kerajaan yang memang mendengar seperti yang disebut oleh Beluran tadi yang mendengar bahawasanya akan ada anggota pembangkang. Tadi ini dalam teks saya dah sebut nak bagi pindaan tapi dah pun dapat. Jadi, keduanya tambahan kepada 65(2), pelantikan Setiausaha Dewan dibuat atas syor MPP dan bukan hanya melalui eksekutif untuk memastikan kesaksamaan dalam pengambilan pegawai kanan Parlimen.

Ketiga, tambahan kepada rang undang-undang, penyediaan laporan tahunan atau *annual report* oleh MPP sendiri mengenai perbelanjaan dan pelantikan jawatan-jawatan untuk dikemukakan kepada kita, kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada Dewan yang mulia ini di mana ini sebenarnya bukan sesuatu yang dipetik dari udara. Kalau kita rujuk, kita semak di Parlimen UK, *depa* ada benda ini, di mana majlis mereka yang menguruskan segala berkenaan dengan Parlimen bukan sahaja dia bentang kepada Parlimen sendiri, malah mereka boleh uruskan dan membuat cadangan tentang berapa duitnya yang kita nak minta, Parlimen nak minta daripada cabang eksekutif yakni dapat daripada Kementerian Kewangan.

Jadi, kalau kita boleh dapat, boleh kerja, boleh usaha, lulus hari ini mula kerja untuk usahakan pindaan untuk tambah syarat, nyata syarat wajib, Majlis MPP membuat laporan wajib kepada Dewan yang mulia ini. Boleh setuju tak sebelah sana? Macam tak setuju saja. Setuju lah sebenarnya. Apa yang nak tangguh-tangguh ini? Kalau nak tangguh-tangguh ini tak habis-habis, tak jadi-jadi.

Sebabnya, saya nak memetik sebuah titah nasihat yang telah disampaikan kepada saya suatu ketika dahulu daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Perak. Baginda titah, "*Jangan sehingga kesempurnaan menjadi penghalang kepada nak melakukan yang baik. Do not let perfection be the enemy of doing good*". Ia tak sempurna. Kita tahu. Tapi mana ada undang-undang yang sempurna.

■1310

Kalau tak sempurna tangguh, tak sempurna tangguh, tak habis-habis. Tak akan adanya apa yang kita perlu untuk membawa reformasi yang wajib untuk kita. Kita tak boleh tangguh reformasi ini. Kita kena buat sekarang, bukan esok, bukan lusa, bukan bulan depan. Jika kita benar-benar nak junjung julang demokrasi yang matang dan berdaya maju, maka kita kena berani untuk memberikan Parlimen kuasa yang sewajarnya. *This is not the end. This is the beginning* sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini adalah permulaan yang dibawa oleh Kerajaan MADANI dan bukan oleh sebelah sana.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Speaker, Speaker.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Tetapi, sokonglah juga.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Speaker, peraturan Dewan.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Peraturan berapa Yang Berhormat?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: 36(7).

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Apa 36(7) Yang Berhormat?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: "*Seorang Ahli Dewan apabila membahas rang undang-undang atau meminda akta induk, hanya perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk*" *iaitu (7) Nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan nama Raja-raja Melayu, Tuan Yang di-Pertua...*" dan sebagainya "*...tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi Majlis Mesyuarat*". Itu Peraturan Dewan.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Aduh, aduh, aduh. *[Ketawa]*

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Mohon pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: 36(7)?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: 36(7). Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Ipoh Timor, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu, adakah kenyataan Yang Berhormat tadi adalah berniat untuk mempengaruhi Dewan?

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Tidak, tidak. Itu titah nasihat kepada saya sendiri yang saya menggunakan sebagai panduan untuk diri sendiri saya. Apa salahnya?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Speaker, untuk diri sendiri, cakap seorang-seoranglah. Jangan cakap di Dewan. Terima kasih.

[Dewan ketawa]

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Eh, ini hak saya. Itu kena tarik balik. Ini adalah *floor* saya dan saya sebut cakap mewakili rakyat Ipoh Timor. Saya tak kacau kalau sebelah sana nak cakap apa pun.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ya, ikut peraturan.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat...

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Saya ikut titah nasihat Sultan, ada salah? Atau memang sebelah sana nak lawan titah Sultan saya?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ipoh Timor, jangan koyak. Saya bawa peraturan.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Yang koyak siapa?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Saya perlu petua dari Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua yang akan buat keputusan, bukan Ipoh Timor.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Jangan hina, jangan menghina Majlis, jangan hina titah nasihat. Senang sahaja.

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Dah habis semua Yang Berhormat? Boleh saya buat petua saya?

Yang Berhormat Ipoh Timor, saya meneliti ucapan Yang Berhormat Ipoh Timor tadi. Pada hemat saya, berasaskan peraturan yang sedia ada, ia tidak menyalahi peraturan yang sedia ada. Teruskan Yang Berhormat untuk menggulung.

[Tepuk]

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Terima kasih Dato' Indera Yang di-Pertua yang saya sangat sayangi.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Saya ingin menutup. Tadi Bangi ada menanya kepada Pasir Gudang, adakah ia munasabah untuk menolak? Saya nak tanya balik kepada Bangi, sebenarnya betul atau tidak yang tak sokong itu tak munasabah? Ini Bangi nanti jawablah.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat...

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Saya nak menutup dengan dua rangkap pantun Yang Berhormat.

Hak Parlimen wajib kita kembalikan,
Bebas berwibawa, tok sah diragui,
Batu asas dibina hari ini reformasi dimulakan,
Pindaan Perlembagaan kita buat, bukan sekadar janji.

Jangan gentar perubahan tiba,
Di sini rakyat Malaysia, Malaysia bergema,
Moh kita pahatkan sejarah bersama-sama,
Demokrasi demi negara demi semua.

Sejarah menghakimi kita berdasarkan bukan sahaja retorik tetapi tindakan kita. Tindakan yang wajib dilakukan hari ini adalah menyokong pindaan Perlembagaan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Saya sebentar tadi semasa Beluran pun saya ada bagi masa tambahan. Saya kira saya bersifat seimbang dalam perkara ini. Cuma saya minta Yang

Berhormat semua untuk mematuhi tujuh minit yang telah diberikan seperti mana petua daripada Tan Sri Speaker. Sila Yang Berhormat Tumpat.

1.14 tgh.

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari. Terima kasih kepada Yang di-Pertua khususnya kepada semua rakan.

Alhamdulillah pada hari ini kita dapat bersama-sama untuk memberikan pandangan dalam perbahasan pindaan Perlembagaan dalam isu yang sangat besar iaitu isu membincangkan tentang entiti Parlimen sebagai badan yang sepatutnya memiliki pengasingan kuasa, kewibawaan dan kebebasan tersendiri.

Saya lihat dalam kes ini sebagaimana yang kita tahu bahawa semua Ahli Parlimen mengharapkan masa yang sesuai dan tempoh masa yang diberikan kepada semua Ahli Parlimen untuk membincangkan kerana ini merupakan maruah kita. Kita bincang tentang hak Parlimen dari ini. Saya kira selain daripada Titah Diraja, selain daripada bajet, sepatutnya RUU ini diberikan masa yang sangat luas sehingga membolehkan semua Ahli Parlimen berbahas tentang perkara ini kerana ini adalah perkara asas kerja hakiki Ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat.

Dalam hal ini, kita melihat secara mendalam. Pindaan ini sepatutnya menjamin pengasingan dan kewibawaan tiga cabang kerajaan di bawah doktrin pengasingan kuasa (*separation of powers*) eksekutif, legislatif dan kehakiman. Dalam hal ini, kita ingin memastikan bahawa Parlimen tidak lagi di bawah cengkaman eksekutif, di mana hari ini pindaan Perlembagaan dicadangkan dan diberitahu bahawa akan dibuat bahawa pihak eksekutif tidak akan lagi terlibat dalam pelantikan mana-mana posisi yang penting dalam Parlimen, termasuklah Speaker dan juga SU-SU Dewan.

Jadi dalam hal ini, kita ingin mendapatkan jaminan kerajaan supaya tidak ada campur tangan eksekutif dan memastikan pemisahan kuasa mutlak kepada pihak Speaker dan juga Parlimen MPP. Sejauh manakah MPP akan lebih diperkasakan dengan kelulusan pindaan pada hari ini ataupun selepas ini? Itu yang pertama.

Kedua, kita melihat dalam Perlembagaan di bawah Perkara 8 yang menyebut tentang kesamarataan. Kita lihat dalam kes di mana peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen tidak diberikan sama rata kepada Ahli Parlimen pembangkang dan Ahli Parlimen kerajaan. Kita kena ingat dalam peristiwa ataupun dalam *event* yang paling – di sekolah, kita ada pendebatan. Ada pihak pencadang, ada pihak pembangkang. Tetapi dalam negara kita kadang-kadang, menjadi Ahli Parlimen pembangkang seolah-olah dianggap sebagai penjahat. Kita bukan penjahat. Ini adalah negara yang perlu pada semak dan imbang.

Dalam hal ini, saya mencadangkan bukan hanya pindaan kepada apa yang ada pada hari ini tetapi juga pindaan kepada Artikel 8 supaya dimasukkan fasal baru bagi memastikan bahawa peruntukan kepada Ahli Parlimen dibuat secara sama rata. Ini harus dibuat kepada

semua dan apabila berlaku apa-apa di belah kerajaan, tidak ada masalah kerana ia berlaku di bawah Perlembagaan sendiri.

Jadi, kita mencadangkan supaya dibuat pindaan kepada Perkara 8 supaya peruntukan dan membolehkan semua rakyat kita yang mengundi dalam proses demokrasi, dalam pesta demokrasi setiap lima tahun, bila mereka mengundi menunaikan hak mereka dan tanggungjawab mereka, kenapa mereka harus dihukum apabila mereka memilih pembangkang? Maka rakyat mereka tidak mendapat peruntukan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan.

Ketiga, berkaitan dengan ini juga kita lihat pindaan sebelum ini dibuat berkenaan Akta Lompat Parti. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dibahaskan oleh Beluran tadi, kita nampak Akta Lompat Parti ini tiada gigi ataupun tiada taring. Kalau ada pun gigi susu. Ahli Parlimen masih boleh berpaling tadah secara berkumpulan tanpa kehilangan kerusi. Mereka boleh melompat. Jadi apa guna ada manifesto? Apa guna ada kempen? Kalau kempen dan manifesto itu tidak dijadikan suatu alat dan janji yang perlu dipegang oleh semua Ahli Parlimen.

Keempat, berkaitan dengan pemerkasaan Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara. Saya pernah berada di Dewan Negara selama dua penggal, sekarang berada di Dewan Rakyat. Kita lihat masa belajar di universiti di *law school*, kita diajar tentang banyak perkara. *Malaysia Legal System*, sebut tentang *private bill.* Tetapi apabila datang ke Parlimen – saya enam tahun di Dewan Negara, hari ini berada di Dewan Rakyat dah hampir tiga tahun, tidak ada sebarang *bill*, *private bill* yang mampu dibawa oleh pihak pembangkang.

Saya kira sudah sampai masa kalau kerajaan nak mengamalkan budaya politik matang dan sejahtera, membenarkan *Private Member's Bills* dibaca ataupun RUU Persendirian ini dibaca dan dibahaskan kerana hari ini ia tidak boleh dibahaskan melainkan dengan kelulusan pihak eksekutif.

Tumpat mencadangkan agar Parlimen Malaysia membuat satu jadual tetap untuk membahaskan RUU Persendirian sekurang-kurangnya satu bulan sekali diperuntukkan atas inisiatif Ahli Parlimen sendiri. Tidak guna kita masukkan tentang perkara *private bill* dalam Perlembagaan, dalam peraturan tetap tetapi tidak digunakan langsung dalam Parlimen negara kita.

Ramai Ahli Parlimen kita hari ini bersifat sebagai wakil politik, bukan sebagai penggubal undang-undang dan penyemak dasar kerajaan yang aktif. Kita lihat hari ini kerana mereka tidak mampu untuk membuat satu kajian yang lebih mendalam. Pihak kami pembangkang bukan hanya kami menanggung untuk membuat undang-undang, nak gubal dan semak tetapi juga perlu cari peruntukan. Pihak sebelah sana sepatutnya mungkin pihak kerajaan untuk mencari dasar-dasar yang lebih baik.

Untuk perkara ini, memerlukan suatu perkara iaitu peruntukan khas yang kalau tak boleh masuk dalam PSA, masukkan dalam Perlembagaan terus supaya Ahli Parlimen ini diberi peruntukan untuk mempunyai *team* penyelidik sendiri. Sebab nak gubal undang-undang, nak semak undang-undang, perlukan kajian yang mendalam. Jadi, hari ini kita lihat

kebanyakan Ahli Parlimen bergantung kepada pegawai khas politik yang mungkin tidak mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang-bidang tertentu. Jadi dalam hal ini, saya kira sampai masa kerajaan boleh membantu untuk mempermudahkan perkara ini dan bantuan ataupun yuran ataupun gaji penyelidik ini harus dibayar oleh Parlimen, bukan individu Ahli Parlimen ataupun pihak luar.

■1320

Jadi, perkara ini patut kita buat. Yang seterusnya, berkaitan dengan kerja hakiki sebagai Ahli Parlimen. Kita Ahli Parlimen, tugas kita gubal undang-undang. Tapi kadang-kadang kita lihat ada juga kadang-kadang Parlimen ─ saya minta maaf, kadang-kadang ada juga yang cuba untuk mentafsir undang-undang sendiri. Mentafsir Perlembagaan. Tugas pentafsiran undang-undang dan Perlembagaan adalah tugas Kehakiman. bukan tugas mana-mana pihak dalam Parlimen.

Jadi, kita harus juga melihat dalam hal ini. Takwim Parlimen harus diikuti dengan baik. Jawapan-jawapan daripada Ahli Parlimen, Menteri-menteri, daripada Timbalan Menteri kadang-kadang tak sampai. Kalau sampai pun, tiada *follow-up*. Apakah mekanisme yang kita boleh peruntukkan dalam Perlembagaan kita, dalam undang-undang kita supaya percakapan kita yang dijadikan *Hansard* ini memberikan kesan kepada pentadbiran itu sendiri?

Seterusnya, yang terakhir ialah tentang hak bila mana PSA itu akan dibuat, bagaimana hak untuk mereka ini untuk mendapat *career advancement*? Kita lihat hari ini, dulu dah ada PSA, dibatalkan. Kemudian, hari ini dimasukkan kembali. Jadi, dalam hal ini, sejauh manakah hak mereka untuk mendapat *career advancement* ini akan dijamin oleh Perlembagaan supaya sama ada mereka berada di bawah PSA atau berada di bawah Perkhidmatan Awam, kedua-dua hak mereka ini akan dijaga? Sekian, terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sila, Yang Berhormat Indera Mahkota.

1.21 tgh.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kita percaya kepada reformasi institusi yang menyeluruh. Malangnya, sehingga hari ini, saya sebut ini kerana kerajaan yang ada hari ini menjanjikan reformasi. Sehingga hari ini, tidak banyak yang menerima apa yang disebut sebagai *sense of urgency.*

Malahan, ada yang kurang atau tidak di bincang sama ada dalam bentuk Akta Peruntukan Kawasan Parlimen, Akta Pengisytiharan Harta, memansuhkan Akta Hasutan, mengadakan Akta Kebebasan Maklumat, Akta *Procurement* Kerajaan, meminda *Whistleblower Protection Act,* memperkukuh Akta Kesalahan Pilihan Raya atau memastikan kebebasan SPRM, SPR, memastikan tiada campur tangan dalam institusi Kehakiman, memastikan kebebasan media terjamin sehinggalah Bersih memberikan gred D kepada kerajaan hari ini. *[Tepuk]* Saya tidak pasti sama ada cadangan hari ini adalah ibu kepada apa atau pun "*sudah terantuk baru tengadah*".

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya kepada reformasi yang fundamental, menyeluruh dan adil. Kita mahu, dengan izin, *make democracy work.* Kita mahu menjadikan demokrasi kita lebih matang dan kita mahu membangun demokrasi Malaysia yang cara Malaysia. *Manhaj* Malaysia. Betul ya, Kota Bharu? *Manhaj*? Ni ramai ni pakar bahasa Arab, ya. Yakni demokrasi Malaysia yang *moderate*, yang mengambil kira kepelbagaian kaum, agama dan sebagainya. Tetapi proses mewujudkan demokrasi yang matang itu juga mestilah matang. Mesti adil dan mesti benar.

Persoalan kita hari ini ialah kita ingin mengadakan sebuah akta baru yang kita panggil Akta PSA. Akta Perkhidmatan Parlimen. Saya tiada masalah untuk mendukungnya kalau ia dibuat dengan cara yang betul. Saya berterima kasih Yang Amat Berhormat PMX mengungkapkan sejarah pengasingan kuasa daripada tradisi Islam. Tetapi soal kita ialah cara dan proses kita sampai kepada apa yang kita dakwa sebagai pengasingan kuasa itu.

Hakikatnya ialah RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 itu banyak sangat kelemahannya. Saya tidak bercakap soal sempurna tetapi banyak sangat kelemahannya sehingga NGO-NGO mencadangkan 11 pindaan. Yang Tambun sebut tadi cuma satu dari 11. Yang saya bimbang atau yang saya ingin peringatkan Dewan ini, "*jangan berlunjur sebelum duduk*". Ini seperti kita berlunjur sebelum duduk.

Saya nak mengingatkan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebuah buku yang ditulis oleh Steven Levitsky dan Daniel Ziblatt. Mungkin namanya 'Levitskai' sebutan. Saya mungkin tak pandai sebut nama orang putih. Judul bukunya ialah "*How Democracies Die*". *Bagaimana Demokrasi Mati*? Diungkapkan di dalam buku ini istilah, dengan izin, "*Democratic Back Sliding*" iaitu bagaimana pemimpin yang dipilih melalui demokrasi menyalahgunakan proses demokrasi untuk menambahkan kuasanya lalu membunuh demokrasi. *[Tepuk]* Ini yang saya bimbang yang berlaku hari ini.

Cakapnya demokrasi, prosesnya seakan-akan demokrasi tetapi pelaksanaannya, akibatnya, kuasa bertambah dan yang dibunuh, demokrasi. *[Tepuk]* Pembangkang dah arwah dah masa tu. *[Ketawa]* Ini kita harus hati-hati. Apabila kerajaan tidak menghormati legitimasi politik pihak pembangkang. Mujur tadi Tambun sebut soal pindaan. Kalau tidak, memang sahlah tidak menghormati legitimasi politik pihak pembangkang kerana peranan pembangkang tak disebut di dalam RUU PSA.

Tuan Yang di-Pertua, seorang lagi tokoh sains politik, Mark Tushnet. Menyebut soal, dengan izin, *"constitutional hardball"* iaitu apabila berlaku eksploitasi prosedur-prosedur, undang-undang dan institusi-institusi oleh ahli politik untuk keuntungan-keuntungan yang partisan dengan menggunakan cara-cara yang melanggar norma-norma yang sedia ada dan merobek batas-batas perundangan. Contoh eksploitasi adalah *stone-walling. You* cakaplah apa pun, dia jadi *stone*-lah. Ini yang Putrajaya sebut. Dia jadi kerajaan ─ apa dia? Lembu kenyang.

Seorang Ahli: Lembu kenyang.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Kemudian, oleh kerana dia ada nombor – Ini yang disebut oleh *the tyranny of the majority,* dia *bulldozing.* "*Lantaklah*

engkau nak kata apa pun, aku ada two-third majority. Undanglah. Kita buat belah bahagi. Jalan juga." Ini Tuan Yang di-Pertua, mengancam amalan demokrasi kerana ia melemahkan norma-norma yang kita kongsi bersama dan ia melemahkan pengharapan rakyat bahawa pihak yang lagi satu, tak kiralah belah sana, belah sini, akan mematuhi norma-norma yang demokratik.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap saya boleh berbahas RUU PSA kalau pindaan ini diluluskanlah. Pokoknya, kalau dilihat kepada RUU PSA sahaja, ada lima komponen yang kami mahukan. Yang dibentangkan ini cuma yang kelima. Satu daripada lima Tuan Yang di-Pertua dan yang satu daripada lima itu pun punya banyak kelemahannya. Yang baru dibetulkan, satu daripada 11 kalau guna unjuran daripada pihak NGO. Jadi, bayangkan bagaimana gundah gulananya kami untuk secara *conscience*, menyokong bulat-bulat apa-apa yang dibentangkan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Rasah, sila.

1.28 tgh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2025 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat PMX kita. Pertama, kalau kita merujuk kepada fasal-fasal yang terlibat iaitu Artikel 56, 57 dan 65 dalam Perlembagaan Persekutuan, dia sebenarnya pindaan ini berkaitan dengan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 yang akan dibentangkan selepas, ya, sekiranya pindaan ini diluluskan. Jadi, sudah tentunya pindaan hari ini memerlukan sokongan daripada dua per tiga majoriti Ahli Dewan Rakyat, selaras dengan keperluan Artikel 159, Perlembagaan Persekutuan kita.

Dato' Yang di-Pertua, bagi saya, walaupun Fasal yang terlibat itu hanya tiga Fasal– tiga artikel sahaja dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi pindaan hari ini amat besar maknanya. Amat mustahak dan membawa satu langkah yang besar sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat PMX tadi, dalam kita mereformasikan institusi yang kita ada. Ini bagi saya, kita mengembalikan semangat tahun 1963, yang mana PSA dimansuhkan pada tahun 1992. Kita tahun 2025, kita bawa balik semangat apabila negara baru mencapai kemerdekaan dan Malaysia baru sahaja dibentuk ketika itu dengan pendekatan dan keperluan semasa pada tahun 2025.

■1330

Dato' Yang di-Pertua, doktrin pengasingan kuasa merupakan antara doktrin asas pembentukan negara ini. Saya sebagai seorang pengamal undang-undang, ini perkara asas yang bagi saya membentuk kerangka asas negara kita. Doktrin pengasingan kuasa memberikan tiga cabang kerajaan yang utama di bawah Artikel 39 — eksekutif; Artikel 44 — eksekutif; Artikel 121 — *judiciary* atau kehakiman.

Hari ini, bagi saya, pindaan yang kita buat ini merupakan langkah pertama ke arah meletakkan cabang legislatif di bawah Artikel 44 tidak lagi dianggap sebagai di bawah

eksekutif. Ya, kita mewarisi sistem *Westminster* sebab kita pernah dijajah oleh British sebelum ini. Sistem yang sama diguna pakai. Sistem yang sama, dia tidak membenarkan doktrin pengasingan kuasa secara mutlak. Sebab apa? Sebab Ahli Parlimen yang dipilih, esok akan jadi Menteri dan duduk di eksekutif.

Sebab itu, saya kata doktrin pengasingan kuasa tidak boleh dilaksanakan secara mutlak. Tetapi, sebaiknya, kita ada usaha untuk mengangkat semula kedudukan Parlimen ke arah yang setaraf atau pun tidak dipandang sebagai di bawah eksekutif. Jadi, pindaan pada hari ini sangat mustahak dan, bagi saya, ia juga perlu dituruti, diikuti dengan pindaan-pindaan yang seterusnya.

Saya nampak salah satu pindaan, salah satu perkara yang mustahak di bawah pindaan ini adalah berkenaan dengan bajet atau belanjawan untuk Parlimen itu sendiri supaya Parlimen ada autoritinya selepas ini. Sudah tentu pelaksanaannya banyak bergantung kepada Akta Perkhidmatan Parlimen selepas ini dan bagaimana mekanismenya untuk memastikan bahawa Majlis Perkhidmatan Parlimen yang akan diketuai bersama oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sangat mustahak untuk mendengar untuk membolehkan Majlis ini berfungsi dan mengangkat kedudukan Parlimen.

Dato' Yang di-Pertua, bagi saya, antara yang sangat mustahak adalah apabila Parlimen diangkat ke dalam kedudukan yang sepatutnya, ia juga tanda suara rakyat yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat yang ada dalam Dewan yang mulia ini didengar dan diberikan hak yang lebih. Sebab, Parlimen ini, kita kena faham, dia tidak setakat mewakili 222 orang Ahli Yang Berhormat yang duduk dalam Dewan ini.

Sebab, 222 orang Ahli Yang Berhormat yang duduk dalam Dewan yang mulia ini mewakili semua rakyat Malaysia. Tidak kira dari utara ke selatan, timur ke barat, semua rakyat Malaysia diwakili suaranya dalam Dewan yang mulia ini. Sebab itu, pindaan yang kita buat hari ini sebenarnya mengangkat suara rakyat ke satu tahap yang lebih tinggi yang membolehkan suara rakyat diberikan perhatian oleh kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ambil kesempatan pada hari ini berharap supaya reformasi institusi ataupun reformasi terhadap institusi Parlimen kita disusuli dengan pelbagai lagi pindaan selepas ini. Kita tak nak pindaan Yang Amat Berhormat PMX bentangkan yang kita bahaskan pada hari ini berhenti di sini sahaja. Saya dengar rakan-rakan tadi ada menyuarakan bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan. Betul, saya setuju.

Tadi Yang Berhormat Indera Mahkota kata banyak lagi yang perlu dilakukan. *Yes*, betul. Tapi, ini adalah langkah pertama ke arah hala tuju landasan yang betul. Langkah ini perlu disokong untuk membolehkan langkah-langkah yang seterusnya dapat disusun, diatur supaya akhirnya proses demokrasi kita benar-benar membawa makna.

Saya memberikan satu contoh yang mana Parlimen kita, kalau kita luluskan ini dan selepas itu ada PSA, saya rasa peraturan Dewan perlu dibuat pindaan yang sewajarnya. Antaranya — saya hendak sebutkan secara terbuka. Hari persidangan tidak cukup. Ini saya kena sebut. Sepatutnya hari persidangan sepatutnya ada 100 hari sekurang-kurangnya untuk membolehkan kedua-dua pihak, tidak kira pembangkang atau *backbenchers* kerajaan,

diberikan masa dan ruang yang secukupnya untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Hari persidangan yang ada ketika ini tidak cukup.

Kamar Khas, saya bagi contoh. Kalau sebelum ini satu hari dua soalan. Sekarang ini empat soalan. Saya hendak tanya Yang Berhormat yang ada sini, cukup tidak cukup? Kalau bagi saya, tidak cukup. Patut lebih. Tetapi, itu adalah langkah yang berterusan. Kita tidak boleh harap semua perkara dapat dilakukan dalam sekelip mata dan ia perlukan sokongan dan dukungan daripada semua pihak.

Jadi, saya ambil kesempatan pada hari ini, saya harap sokongan ini — walaupun ia tidak sempurna, ia mungkin tidak 100 peratus sepertimana yang kita harapkan, tetapi ini adalah langkah yang pertama, langkah yang mustahak. Kalau kita tidak mulakan langkah ini, kita asyik hendak tangguh, tangguh sahaja, tangguh sampai bila? Langkah inilah, sekiranya kita luluskan dengan majoriti dua pertiga, disusuli dengan langkah reformasi yang seterusnya, akhirnya institusi Parlimen yang kita ada pada hari ini akan diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi dan tidak lagi ada kata-kata bahawa legislatif kita di bawah eksekutif kita.

Jadi, dengan kata-kata tersebut, saya menyeru sokongan daripada semua pihak. Saya percaya rakyat di luar sana juga harapkan supaya pindaan ini diluluskan dengan majoriti dua pertiga pada petang ini. Sekian, terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Sila, Yang Berhormat Besut.

1.36 tgh.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terus merujuk kepada pindaan Perkara 56 dan 57 dengan memperkenalkan fasal baharu 5A ini.

Yang di-Pertua, dalam hal ini, Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini boleh menjadi ahli ya. Kalau mengikut sebelum ini, boleh menjadi ahli Majlis Perkhidmatan Parlimen. Maknanya, tidak hilanglah kelayakan dia kalau pegang jawatan ini, dengan syarat tidak boleh menerima apa-apa saraan. Sekarang pindaan.

Jadi, sebelum pindaan ini dibuat, sebarang jawatan dalam Majlis tidak dibenarkan dan boleh menyebabkan mereka hilang kelayakan. Sebelum ini tidak boleh. Bermakna, dulu tidak boleh, sekarang boleh. Dua perkara. Ini bermakna, terdapat dua peruntukan yang berbeza dalam satu undang-undang iaitu Perlembagaan. Satu yang tidak boleh, satu yang boleh. Spesifik yang boleh. Ini yang agak pelik sedikit, pindaan.

Bentuk dia adalah pengecualian. Sebab, kalau kita lihat fasal 5 sebelum 5A, ada pengecualian. Iaitu kalau dia bekerja ataupun mendapat jawatan atau menjadi ahli di tempat-tempat yang organisasi kerja sukarela. Itu pengecualian. Tapi, ini pengecualian kepada hendak lantik ke dalam Majlis Perkhidmatan Parlimen. Ini jadi agak pelik sedikit.

Cuba kita lihat, kenapa sebenarnya Perlembagaan Persekutuan sebelum ini, fasal 5 itu, dia melarang Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat dan Timbalan memegang jawatan ini? Satu adalah untuk memastikan ada kebebasan, ketelusan, integriti

kepada institusi Parlimen itu sendiri. Ia boleh menjamin ketelusan dan juga keberkecualian. Kalau dia lantik, akan wujud konflik kepentingan yang boleh menjejaskan dalam membuat apa-apa keputusan. Ia juga mengelak pengaruh dan juga tekanan politik. Lantikan politik kebanyakan, YDP.

Patutnya bebas daripada tekanan politik ataupun pengaruh luar dan juga ia boleh memastikan bahawa ada pengasingan kuasa sebenarnya. Sepatutnya ada pengasingan kuasa. Maksudnya, eksekutif, legislatif, kehakiman. Jadi, asas sistem demokrasi kita di Malaysia adalah berdasarkan kepada pengasingan kuasa tadi. Jadi, jika ada percanggahan peranan dia, kalau dilantik — akan ada ya dari segi percanggahan peranan dan juga menjejas autonomi Parlimen itu sendiri. Sepatutnya Yang di-Pertua ini fokus kepada tugas memimpinlah. Macam sekarang ya. Memimpin Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat.

■1340

Persoalan yang mungkin timbul, apakah rasionalnya di sebalik pengecualian khas ini kepada Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua? Adakah ini bermaksud Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua ini mempunyai kawalan penuh terhadap Majlis Parlimen itu sendiri? Tidakkah ini secara langsung akan mewujudkan konflik kepentingan yang saya sebut tadi dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua dalam menentukan dasar perkhidmatan Parlimen itu sendiri? Jika Majlis Perkhidmatan Parlimen bertindak sebagai badan autonomi dan mengurus perkhidmatan Parlimen, adakah wajar untuk membenarkan pemimpin utama Dewan mempunyai keanggotaan dalam badan-badan tersebut? Majlis tadi.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Perkara 65 Perlembagaan. Jadi untuk mengadakan peruntukan bagi melantik SU Dewan dan juga oleh Yang di-Pertuan Agong yang boleh dilantik dalam kalangan atau bukan anggota perkhidmatan awam am persekutuan. Namun persoalan saya, mengapa hanya SU Dewan diberi autonomi tetapi kakitangan lain masih di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam?

Kenapa jawatan ini tidak dijamin di bawah Perkara 132 dan perkhidmatan awam dalam Perlembagaan Persekutuan seperti mana perkhidmatan awam yang lain? Adakah ini satu langkah untuk memperkukuhkan kebebasan Parlimen atau sekadar reformasi? Reformasi dah tak ada sekarang sebenarnya, dah basi dah. Dah mati. Jadi, reformasi kosong sebenarnya. Ada sebut reformasi, oh sekarang nak buat reformasi. Akan tetapi, tengoklah apa akibat-akibat dia. Tanpa keberkesanan dalam pelaksanaan.

Jadi, bagaimana kerajaan memastikan bahawa pelantikan Setiausaha Dewan ini dan Dewan Rakyat benar-benar bebas daripada pengaruh politik? Selain itu, pindaan juga mengenai dengan SU Dewan ini yang dilantik, tidak semestinya dilantik dalam kalangan perkhidmatan awam tetapi juga mana-mana anggota bukan perkhidmatan awam. Maknanya terbuka, *open post*. Jadi persoalan saya, adakah ada kriteria khusus yang akan digunakan dalam proses pemilihan dan bagaimana kerajaan boleh menjamin bahawa pelantikan ini bebas daripada unsur campur tangan politik?

Jawatan Setiausaha Dewan ini, sebelum ini diisi oleh pegawai perkhidmatan awam yang berpengalaman dalam tadbir urus dan juga prosedur Parlimen. Dengan membuka jawatan ini kepada individu luar, bagaimana keadaan memastikan bahawa mereka, kerajaan boleh memastikan bahawa mereka yang dilantik mempunyai kepakaran dan pemahaman yang mendalam tentang sistem Parlimen itu sendiri? Adakah sebarang badan bebas atau Jawatankuasa Parlimen yang akan menilai calon untuk jawatan SU Dewan ini bagi memastikan ketelusan atau adakah pelantikan ini akan sepenuhnya ditentukan oleh eksekutif tanpa konsultasi dengan Ahli Parlimen?

Akhir sekali, daripada segi implikasi kewangan. RUU ini menyatakan bahawa pindaan akan menyebabkan implikasi kewangan kepada kerajaan tetapi jumlahnya belum dapat ditentukan. Persoalan dia, berapakah unjuran kos sebenar bagi pelaksanaan pindaan ini? Kedua, apakah sumber kewangan yang akan digunakan untuk membiayai sistem baru ini dan ketiga, adakah ini akan memberi kesan kepada bajet tahunan Parlimen dan peruntukan kepada Ahli Parlimen itu sendiri? Terakhir, saya nak bagi contoh sedikitlah tentang undang-undang yang saya sebut tadi.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Tak, tak. Ada dua undang-undang tadi, yang saya cakap tadi. Dua fasal, fasal 5 dan 5A. Berbeza ya. Contoh yang saya nak bagi, saya kata kalau undang-undang, dalam undang-undang Islam kata yang lelaki tak boleh pegang yang perempuan, tak boleh bersentuhan, tak boleh berjabat salam dan sebagainya, yang bukan muhrimlah. Akan tetapi ada masalahnya, satu pihak tertentu cuba macam nak ubah undang-undang itu. '*Maaf, saya ada wuduk. Saya tak boleh nak salam*'. Bermakna, kalau tak ada wuduk, boleh salam? *Ke* macam mana? *Ha* ini keraguan yang ditimbulkan dalam undang-undang Perlembagaan kita.

Ada dua. Dahulu kata tak boleh, sekarang kata boleh. Yang mana boleh? Mana yang tak boleh? Itulah, samalah lebih kurang contoh yang saya bagi. Saya minta dirujuk kepada jawatankuasa dan tangguh dahulu. Tak macam Ipoh Timor yang minta supaya diteruskan. Okey, terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Besut. Sila, Yang Berhormat Machang.

1.45 tgh.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan ini. Saya suka mendengar apa yang dibentangkan tadi oleh Yang Amat Berhormat Tambun berkenaan dengan kuliah mini berhubung dengan doktrin pemisahan kuasa dan juga falsafah politik. Kalau kita lihat gembar-gembur, ayat-ayat yang dilambungkan oleh Menteri-menteri, oleh Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Speaker sendiri dan juga yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen *backbenchers* daripada kerajaan, nampaknya semua menjanjikan bulan dan bintang.

Bahawasanya reformasi ini, reformasi yang perlu disokong oleh semua termasuk kami kerana ada di dalamnya keadilan melalui pemisahan kuasa. Dan kalaupun ada kritikan daripada NGO-NGO, daripada pembangkang, semua itu adalah langkah awal, langkah pertama yang akan membawa kepada reformasi yang dijanjikan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanyalah. Kalau langkah pertama pun sumbang, macam mana dengan langkah kedua, ketiga dan seterusnya? Sebab itulah pihak pembangkang mengatakan sekali lagi, kita tidak menolak semangat reformasi yang dijanjikan ini, tentang pemisahan kuasa yang ingin dibuat ke atas institusi Parlimen, legislatif daripada eksekutif.

Akan tetapi, terdapat banyak perkara-perkara butiran. Bak kata *orang putih, the devils are in the details.* Jadi, bulan puasa ini walaupun syaitan dan iblis ditambat, saya tengok dalam pindaan ini dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen, ada banyak perkara-perkara yang perlu diteliti semula dan dirunding dengan pembangkang.

Antara perkara utama yang dikhuatiri oleh kami Tuan Yang di-Pertua, bila mana kita sudah ada pindaan ini dan juga rang undang-undang ataupun Akta PSA ini, akan ada banyak lantikan-lantikan politik dalam institusi Parlimen yang mana bukan lagi dikhususkan kepada penjawat awam ataupun PTD. Jadi, ini satu perkara yang perlu kita teliti semula dalam kita memastikan reformasi benar-benar berjalan dengan adil.

Kedua, bila bercakap tentang Parlimen, tak cukup kita sekadar bahas institusi tanpa mengambil kira Ahli dan anggota Parlimen itu sendiri. Saya tengok dalam apa yang ingin dibentangkan oleh pihak kerajaan ini, tiada sebarang perkara yang disebut berkenaan dengan peruntukan, dana atau kemudahan bagi seseorang Ahli Parlimen khusus daripada blok pembangkang.

Maknanya apa? Semua Ahli Parlimen masih lagi bergantung kepada kuasa eksekutif untuk menentukan peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada Ahli Parlimen masing-masing tak kira Parlimen kerajaan ataupun Ahli Parlimen pembangkang kerana kalau kita ingat, Pakatan Harapan juga berjanji membawa reformasi sebegini dalam Parlimen. Akan tetapi, bab ini dia tak nak cakap. *[Tepuk]*

Jadi ini bagi saya, satu kemunafikan. Satu omong-omongan, satu janji manis yang ditabur kepada rakyat yang sebenarnya semangat kebebasan dan keadilan itu tidak dapat dirasai oleh semua. Kita lihat peruntukan dan dana kemudahan seseorang Ahli Parlimen seperti ruang pejabat, penyelenggaraan pusat khidmat Ahli Parlimen, pegawai penyelidik, kakitangan sokongan, tidak juga disebutkan dalam reformasi yang dijanjikan ini.

Malah Tuan Yang di-Pertua pun tahu sebagai Pengerusi *Parliamentary select committee,* bajet kita untuk buat program mesyuarat dan sebagainya amat-amatlah terhad. Sebab itulah bila dipanggil Menteri-menteri untuk menjawab dalam jawatankuasa pilihan khas kita, ramai yang tak ambil peduli langsung sebab mereka melihat cabang Parlimen ketika ini masih lagi dipegang oleh kuasa eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak bangkitkan juga tentang makna kebebasan Parlimen yang sebenar.

■1350

Apakah benar dengan adanya pemisahan ini Parlimen benar-benar bebas dan adil? Kalau mana Tuan Yang di-Pertua yang dilantik itu daripada eksekutif, benarkah ia akan beri keadilan kepada institusi Parlimen ini? Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, kita kena cadangkan mana-mana lantikan untuk Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat hendaklah dilantik daripada kalangan mereka yang mempunyai latar belakang perundangan dan guaman supaya orang ini benar-benar dapat berlaku adil kalau ada pertelingkahan, kalau ada perkara-perkara yang dikhuatiri menyalahi Dewan.

Saya ambil mudah contoh Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku terhadap diri saya baru-baru ini. Enam bulan digantung, macam mana tadi Indera Mahkota kata *the tyranny of majority* menghalang saya daripada bercakap. Malah, saya tidak diberi peluang untuk mempertahankan diri dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sama sekali. Ini betul benar luar tabii', *natural justice* telah dirogol dalam Dewan ini. Malah *backbenchers* kerajaan juga mempertahankan saya, Yang Berhormat Pasir Gudang. Jadi, di mana kebebasan dan keadilan Parlimen yang dijanjikan kalau orang yang pegang Parlimen itu sendiri pun tidak mampu melunaskan perkara asas begini.

Kita lihat peranan dan kedudukan Ahli-ahli Pembangkang dan Ketua Pembangkang tidak diangkat dengan wajar dalam Majlis Perkhidmatan Parlimen. Jadi, kalau betullah dijanjikan, disajikan reformasi yang digembar-gemburkan sebagai *Mother of All Reforms*, saya rasa ini adalah satu penipuan lagi daripada pihak kerajaan kepada rakyat Malaysia. *[Tepuk]* Jangan gula-gulakan rakyat dengan kata-kata manis yang sebenarnya kamu tidak berniat langsung untuk menunaikannya.

Saya faham kerajaan tertekan begitu banyak janji langit, bintang, bumi, planet yang dibuat pilihan raya lalu tak mampu ditunaikan. Jadi, bila ada peluang hendak tunjukkan, "*Hei, rakyat kami hendak buat reformasilah, ini Parlimen*". Jadi, mulalah dikatakan, *Oh, PMX walk the talk* dan sebagainya. Saya rasa ini ketidakjujuran, Tuan Yang di-Pertua. Tolonglah sedar dan baiki balik janji-janji kamu khususnya kepada pembangkang yang kamu janji hendak bagi peruntukan sama rata, itu dalam manifesto Pakatan Harapan. *[Tepuk]*

Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini ditangguhkan dan rujuk pembangkang runding semula supaya reformasi sebenar yang tulen kita sama-sama sokong. Itu baru keadilan namanya, bukan reformati. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Sila, Yang Berhormat Tuaran.

1.52 tgh.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Tuaran untuk terus membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025. Tuaran menyokong penuh rang undang-undang pindaan ini. Walaupun Tuan Yang di-Pertua, semasa dibentangkan Rang Undang-undang Akta (Pindaan) Perlembagaan yang melibatkan Perkara 19, baru-baru ini berkenaan dengan

kewarganegaraan, saya sendiri telah menyatakan bahawa setiap pindaan terhadap Perlembagaan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas dan pendirian saya tetapi macam itu.

Walau bagaimanapun dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita pinda ini cumalah meminda Perlembagaan untuk kembali kepada yang asal sebab Perlembagaan kita 1963 itu, pindaan-pindaan yang melibatkan Perkara 56, 57 dan juga Perkara 65 telah dipinda pada 1992 pada ketika dihapuskan Akta Perkhidmatan Parlimen. Jadi, apa yang kita buat pada hari ini cuma mengembalikan kepada yang asal.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa tidak perlu kita rujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas sebab kita kembali kepada asal Perlembagaan kita. Memang benar kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, setiap kita telah mengangkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan. Perlembagaan inilah satu dokumen keramat bagi kita rakyat Malaysia. Inilah pelindungnya, inilah segala-galanya bagi kita.

Sebab itu, setiap pindaan terhadap Perlembagaan kita perlu teliti. Kita perlu teliti setiap perkara di dalamnya. Jangan kita meminda mana-mana perkara dalam Perlembagaan ini pada hari ini, selepas itu beberapa tahun akan datang pinda lagi ke sebalik. Sebagai contoh, apa yang kita pinda pada hari inilah – Perkara 56, 57, Perkara 65 ini., Dahulu memang sudah bertepatan sebab Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 memang sudah di situ, selepas itu dipinda.

Begitu juga dengan Perkara 1 dalam Perlembagaan Persekutuan ini dipinda pada sekitar 1976 iaitu berkenaan dengan definisi Malaysia itu sendiri. Selepas itu, susah-susah kita pinda balik ke asal pada tahun 2021 dan kita semua telah menyokong di Dewan yang mulia ini. Sebab itu kita perlu teliti kenapa peruntukan sedemikian telah dimuatkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan kenapa diwujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan pagi tadi bahawa ini dibuat kerana kita mahu melaksanakan doktrin pemisahan tiga cabang dalam kerajaan iaitu kehakiman, eksekutif dan legislatif. Apa pun yang dipersoalkan tentang apakah nanti, bagaimanakah nanti kesan tentang kembalinya Akta Perkhidmatan Parlimen, yang penting itu kita kembalikan. Itu yang paling penting.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal Perlembagaan ini juga, setiap kali saya fikir hari ini kita pinda ini bukan setakat hanya kerana kita mahu ada reformasi dan reformasi tetapi kita kembali memperbetulkan apa yang tidak betul yang telah dibuat oleh kerajaan-kerajaan yang lepas. Dengan semangat yang sama, saya juga ingin mengembalikan satu isu di mana satu langkah telah dibuat meminda Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1994 iaitu pada Perkara 122AA.

Keanggotaan Mahkamah Tinggi, iaitu telah dipinda melibatkan kuasa TYT Sabah dan Sarawak untuk melantik *judicial commissioner.* Dalam MA tahun 63 dalam IGC, apabila ada suatu perkara yang merujuk kepada hak Sabah dan Sarawak, maka *consent* bukan sahaja dirunding kedua-dua kerajaan ini tetapi mesti ada *consent.*

Jadi dalam hal ini pindaan yang telah dibuat tidak ada *consent* daripada Kerajaan Sabah dan Sarawak tetapi telah dibuat juga telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Persoalan kita ialah apakah status pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Parlimen tetapi tidak melalui proses yang sepatutnya iaitu mendapat *consent* daripada Sabah dan Sarawak.

Suatu ketika dahulu saya bertanya dan Menteri Undang-undang ketika itu, Ahli Parlimen Santubong dan sekarang sudah TYT Sarawak mengatakan *there is no court of law*. Pergi mahkamah dan tentukan sedangkan ini jelas sesuatu perkara yang tidak betul. Satu kesilapan yang telah dibuat kita di Dewan yang mulia ini, satu kesilapan telah dibuat oleh kerajaan dan perlu diperbetulkan. Sebab itu saya mengatakan bahawa pindaan ini harus balik ke sini dan perbetulkan. Biar kita kembali kepada asal sepertimana yang kita buat pada hari ini iaitu kembali kepada asal.

■1400

Selain daripada itu, saya akhiri oleh kerana masa sudah cukup Tuan Yang di-Pertua ialah Perlembagaan Persekutuan ini sangat-sangat penting. Perlu dihayati, perlu difahami, perlu dibaca oleh seluruh rakyat. Setiap perkara di sini adalah penting sebab ini pelindung kita. Ini hak kita di dalam sini. Tetapi begitu sedikit rakyat yang membaca. Sebab itu saya mencadangkan pada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Nasional supaya dicetaklah lebih banyak ini.

Kalau boleh diedarkan secara percuma terutama sekali kepada KRT-KRT di bawah kementerian supaya lebih ramai membaca, supaya tidak ada lagi yang sewenang-wenangnya dipinda sini, dipinda sana. Ada juga yang sembarangan mengatakan ini hak sedangkan di sini di dalam Perlembagaan ini sangat-sangat jelas. Supaya tidak ada lagi perkara yang telah berlaku seperti kesilapan-kesilapan yang sepertimana yang saya katakan awal tadi. Meminda Perlembagaan pun tidak ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, gulung.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Tidak mengikut Majlis dan... *[Tidak jelas]* Perjanjian Malaysia tahun 63 dan sebagainya. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan daripada penyokong kerajaan menyatakan supaya kita seluruh Ahli Parlimen menyokong pindaan ini untuk membolehkan perkhidmatan Parlimen dapat dilaksanakan, hidupkan balik. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Berikut saya mempersilakan Yang Berhormat Alor Setar.

2.01 ptg.

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya mengambil ruang dan peluang untuk mengambil perbahasan dalam pindaan Perlembagaan ini dalam menyentuh tiga perkara yang penting.

Kita dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapan tadi hasrat ataupun niat asal pindaan Perlembagaan ini adalah untuk memastikan berlakunya pemisahan kuasa ataupun pengasingan kuasa antara badan legislatif, eksekutif dan kehakiman. Tujuannya murni supaya Parlimen ini dapat berjalan dengan bebas tanpa ada ganggu gugat ataupun campur tangan daripada pihak eksekutif ataupun pihak-pihak lain yang tidak berkaitan dengan Parlimen.

Hasrat itu saya rasa kita semua mendukung dan kita sanjung, baik di pihak kami pembangkang ataupun juga di pihak kerajaan. Namun isu yang dibangkitkan yang diutarakan dan saya juga menyentuh isu yang sama ialah sejauh mana Parlimen ini benar-benar bebas, tidak ada campur tangan politik. Ini lah perkara yang kita sedang lihat di hadapan kita yang sedang rakyat tonton.

Adakah pembentangan rang undang-undang pindaan Perlembagaan untuk reformasi institusi ini hanya sekadar untuk melepaskan batok di tangga ataupun benar-benar nak menunaikan janji yang telah pun dibuat dalam pilihan raya yang lalu? Ini perkara yang serius yang perlu kita lihat. Sebab itu pindaan Perlembagaan ini dibuat pada hari ini.

Isu pertama Dato' Yang di-Pertua ialah sejauh mana Speaker Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Rakyat yang akan dilantik kelak bebas daripada pengaruh politik? Benar-benar bebas daripada pengaruh politik. Kalaulah Speaker itu dilantik oleh kerajaan dan dia juga anggota parti politik ada jawatan, walaupun dia pakai baju Speaker pada waktu itu, tapi adakah kita boleh mempercayai dia bebas daripada pengaruh parti politik.

Mana-mana kerajaan pun saya tidak bermaksud kerajaan hari ini ataupun kerajaan bila tapi secara prinsipnya kalau kita nak benar-benar bebas Speaker itu mesti benar-benar dilantik walaupun dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tapi yang mencadangkan ialah kerajaan yang ada.

Dalam persidangan Dewan, apa jaminan jika seorang Speaker ataupun Timbalan Speaker tidak diambil tindakan jika dia membuat keputusan yang keputusan itu pada waktu itu merugikan politik pihak kerajaan. Apa jaminan Speaker itu tidak diambil tindakan? Kalau Speaker itu betul-betul tidak diambil tindakan, dia mengikut buku peraturan sepertimana Timbalan Yang di-Pertua sekarang, tidak diambil tindakan maka rakyat akan percaya, kita akan percaya dan kita akan memberikan sokongan penuh. Tetapi itu tidak lagi berlaku. Belum lagi dilihat berlaku sepenuhnya. Ada sedikit tapi belum sepenuhnya berlaku.

Kita tahu sebagai contoh. Ada perkataan-perkataan yang di luar tidak ada halangan untuk disebut. Dalam Dewan dihalang untuk disebut. Bagaimana proses pengasingan kuasa berlaku? Tidak berlaku. Perkataan ‘derhaka’ tak boleh sebut. Perkataan ‘*addendum’* tak boleh sebut. Sebelum ini perkataan ‘kafir’ tak boleh sebut. Walaupun ada banyak perbahasan. Di luar tak ada masalah. Tidak dihalang. Dalam Dewan tak boleh disebut. Sepatutnya boleh disebut kerana kita mengamalkan doktrin pengasingan kuasa. Kalau salah maka diambil

tindakan berdasarkan Peraturan Mesyuarat. Kita ada peraturan. Inilah perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita.

Sesi penggulungan Yang Berhormat Menteri ketika mana perbahasan Titah Diraja, perbahasan belanjawan sebagai contoh.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Alor Setar, sikit.

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar]: Ya, sila Hulu Terengganu. Raja mencelah.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Berkaitan dengan kuasa Speaker ini, saya tertarik dengan apa yang dibuat oleh Arau dulu. Apabila Speaker tersilap buat hukuman, apakah tindakan perlu diambil juga di bawah 'akta hak dan kebebasan Parlimen'. Kadang — sekarang ini dia terlepas daripada hak kebebasan. Dia boleh buat apa sahaja. Tuduh siapa sahaja. Terima kasih.

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar]: Kalau betul sekiranya Speaker itu melakukan kesalahan, saya kira Speaker pun pernah ulang banyak kali dalam Dewan, boleh diusulkan kepada Jawatankuasa Hak untuk diambil tindakan. Kalau betul Jawatankuasa Hak itu bebas daripada pengaruh politik, maka kita sokong. Itu isu yang utama.

Saya sebut tadi ketika sesi penggulungan Yang Berhormat Menteri — sebahagian besar, tidak semua — sebahagian besar menghabiskan masa menceritakan naratif politik apa yang dia buat. Dewan ini tempat semak dan imbang. Sepatutnya Menteri fokus jawab apa yang Ahli Parlimen tanya. Jawab isu yang kita bangkitkan. Bukan bercerita kebolehan dia apa yang dia buat, prestasi dia. Itu semua boleh dibuat dalam media massa, dalam media sosial. Kamu ada TV, kamu ada akhbar. Cerita lah dekat situ.

Dalam Parlimen jawab apa yang kita tanya. Apa isu kita bangkit. *Straight to the point*. Saya sarankan Menteri-Menteri mencontohi YB Kapit, Menteri Kerja Raya. Dia jawab *fact and figures*. Saya sokong yang ini. Ini patut jadi contoh.

Kedua Yang Berhormat Speaker. Doktrin pengasingan kuasa ini mesti berlaku seiring dengan tindakan. Tidak boleh hanya diumum dalam Dewan, dibentang, lulus, selesai. Tak boleh. Sebagai contoh, boleh kah sebuah kerajaan, Menteri, Timbalan Menteri menggunakan aset kerajaan turun kempen pilihan raya. Sudah tentulah tak boleh. Kalau mengikut doktrin pengasingan kuasa sudah tentu tidak boleh.

Tapi kenapa itu masih lagi berlaku berleluasa dengan begitu wewenang, tiwikrama dan penuh ketimbang. Kita tegur dalam Dewan. Kita tegur atas pentas ceramah. Tapi tak dipeduli. Kenapa benda ini masih berlaku. Kenderaan rasmi digunakan. Helikopter digunakan. Beras putih tempatan waktu biasa tidak ada, waktu pilihan raya kecil boleh ada. Kita tanya dalam Parlimen, Menteri jawab sebab Menteri bagi arahan, maka beras putih boleh ada. Apa jawapan macam ini?

Melantik, menukar kakitangan penjawat awam, GLC mengikut kecenderungan politik. Tidak mengikut merit. Tidak mengikut prestasi profesionalisme. Berlaku campur tangan politik. Kami yang ada di sini, Menteri Besar dalam negeri di bawah pentadbiran

pembangkang. Ada majlis tertentu tak dibenarkan masuk. Ada mesyuarat tertentu tidak dijemput sedangkan itu mesyuarat itu majlis untuk rakyat. Pertarungan pilihan raya sudah selesai. Sekarang beraksi sebagai sebuah kerajaan, maka lakukanlah tugas sebagai sebuah kerajaan.

Poin akhir Dato' Yang di-Pertua. Jika benar-benar kerajaan...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Alor Setar, sekali lagi Alor Setar. Bagi pertambahan kuasa ini setuju tak Alor Setar bahawa hari ini kerajaan menggunakan pihak berkuasa SPRM, LHDN dan juga polis untuk menekan mereka yang anti kepada kerajaan. Apa pandangan Alor Setar?

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar]: Boleh jadi itu digunakan. Pandangan Hulu Terengganu boleh jadi ada benar. Kalau tidak, boleh nafikan. Tapi yang rakyat nampak begitulah seolah-olah, seperti itu. Saya tidak tahu betul ataupun tidak tapi dilihat seperti itu.

Poin yang ketiga. Hulu Terengganu tak boleh mencelah dah. Sepatutnya — ini *landing* Dato' Yang di-Pertua. Sepatutnya jika kerajaan benar-benar serius melakukan reformasi institusi Parlimen seiring dengan rang undang-undang yang dibentangkan ini, janji untuk menunaikan manifesto memberikan peruntukan sama rata kepada semua wakil rakyat Parlimen tanpa mengira parti mesti ditunaikan hari ini dibentangkan Parlimen.

Ini manifesto Pakatan Harapan, bukan rekaan kami. Disebut dalam manifesto itu juga peruntukan disalurkan melalui Parlimen bukan melalui pejabat Perdana Menteri. Inilah ruangnya kenapa tak gunakan ruang itu hari ini kalau betul nak menegakkan demokrasi memberikan peruntukan sama rata, menunaikan manifesto. Ini ruang dan peluang yang ada. Rundingan, disebut rundingan. Kalau Yang Berhormat Muar pun dia sebut dalam Dewan ini lima kali berunding dia tak dapat, apa sangat kami. Apa jaminan nak bagi pada kami?

■1410

Dato’ Speaker, saya nak beritahu dalam Parlimen ini, sebelah kami pembangkang ini, ada Ahli Parlimen yang terpaksa berhutang dengan bank, berhutang dengan orang untuk membiayai kos pusat khidmat untuk membantu rakyat di kawasan dia sendiri. *[Tepuk]* Ada yang buat *personal loan.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat.

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar]: Tiga, empat, lima tahun habis duit nak bayar *loan.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: 90 saat, gulung. 90 saat.

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar]: Ada yang tinggal dua angka baki dalam akaun bank di hujung bulan. Tak sampai hujung bulan. Hari ini masuk, esok lusa tinggal dua angka. Tapi kami tak peduli, kami sanggup merempuh semua laluan ini demi tugas kami kepada rakyat, negara dan agama.

Pantun penutup, Dato’ Yang di-Pertua.

Baik-baik memasang taji,
Salah ikat tak kena lawan,
Baik-baik abang berjanji,
Bila khianat merosak badan.

Bukan mudah berladang padi,
Ladang padi wajib dibakar,
Bukan mudah berhutang janji,
Hutang janji wajib dibayar.

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Berikut saya mempersilakan Yang Berhormat Masjid Tanah.

2.11 ptg.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya sama bahas isu yang penting ini. Sebagaimana telah disebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu, ini adalah sebagai prasyarat bagi Akta Perkhidmatan Parlimen dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diimbas kembali sorotan ucapan saya dan juga perbahasan dalam Dewan ini pada Oktober 2023 dan juga 13 November 2024, saya telah pun menyatakan secara konsisten dan meletakkan harapan agar Akta Perkhidmatan Parlimen ini untuk diadakan. Malah, usaha ini semua sedia maklum telah pun dibuat sewaktu mantan Menteri Undang-undang sebelum ini iaitu daripada Batu Sapi, daripada Kota Bharu, daripada Santubong telah pun melaksanakan usaha ke arah itu.

Saya sendiri mengalu-alukan untuk Akta PSA ini untuk diwujudkan. Akan tetapi, biarlah ia dibuat dan dirangka dengan baik dan janganlah hanya untuk disebabkan mengejar populariti, untuk dapat nama semata-mata untuk berlakunya reformasi itu, Kerajaan MADANI berlakunya reformasi dan ia tinggalkan perkara yang substantif.

Ramai berpandangan, malah, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun berbahas di sini bahawa ia tidak nampak aspek pemisahan ataupun pengasingan kuasa antara Parlimen dan juga kerajaan sebagaimana yang telah pun diuar-uarkan. Tetapi kalau kita lihat rang undang-undang itu hanyalah setakat penyusunan semula kakitangan sedia ada ke jawatan baru saja. Tidak ada penjelasan yang tuntas, tidak ada pengesahan yang sebenar juga bersungguh-sungguh dalam melaksanakan Akta Perkhidmatan Parlimen itu.

Walaupun sudah ada jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walaupun telah pun dibangkit kerisauan, kekhuatiran Ahli-ahli Parlimen pembangkang dan juga terdapat *joint statement* oleh pihak-pihak NGO tetapi Tuan Speaker, banyak kali Yang Amat Berhormat telah berjanji tetapi tidak dibuat. Saya khuatir. Mungkin Pasir Gudang tidak khuatir tapi saya khuatir. Kawan-kawan saya di blok pembangkang ini khuatir walaupun Tambun dah bagi jaminan tetapi saya khuatir. Umpamanya *order* lain, sampainya lain, Tuan Speaker. *[Tepuk]*

Pengalaman ini sebelum ini ada. Sebelum ini dah ada dah pengalaman itu yang mana janji nak hapuskan PTPTN, tak ada. Hapuskan tol, tak ada. Minyak turun.

Beberapa Orang Ahli: Naik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Tarif elektrik turun.

Beberapa Orang Ahli: Tak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Bukan saya saja khuatir tapi rakyat Malaysia juga khuatir dengan jaminan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Tambun.

Saya suka dan saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kota Bharu bahawa kerajaan mewujudkan dulu jawatankuasa dan kita bincang, kita rundingkan dulu sebagaimana yang telah pun dilakukan sewaktu Akta Anti Lompat Parti tidak lama dahulu. Dengan jawatankuasa yang ada ini akan buatkan lebih banyak lagi sesi libat urus, lebih banyak lagi kajian yang dibuat, lebih banyak perbincangan. Bukan hanya setakat NGO, bukan setakat politikus tetapi cendekiawan dan juga banyak pihak lagi yang boleh kita libatkan kerana PSA yang kita nak wujudkan ini bukan hanya libatkan pada pihak kerajaan semata-mata tetapi seluruh Ahli Parlimen yang terlibat, juga Dewan Negara.

Seterusnya, untuk makluman Tuan Speaker, untuk bertambah mantapkan lagi PSA ini nanti, jadi lebih melihatkan lagi keterbukaan dan juga keikhlasan Kerajaan MADANI, maka saya ingin ulang cadangan daripada Yang Berhormat Beluran pada 6 Mac 2023, yang mana beliau telah minta untuk diwujudkan satu lagi kerusi untuk Timbalan Speaker. Timbalan Speaker untuk membantu. Sekarang dua tak cukup. Yang Berhormat tak ada, YB Lanang tak ada, dah kena panggil YB Paya Besar.

Kita kalau boleh, lantiklah seorang sebagaimana cadangan Beluran, lantikkan lagi Timbalan Speaker lagi seorang di kalangan blok pembangkang supaya lebih adil dan lebih tuntas lagi dalam membantu Parlimen Malaysia ini. *[Tepuk]* Saya rasa Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker pun mesti setuju supaya kerja bertambah baik dan juga bertambah mutu, *insya-Allah.* Jadi, ini juga saya harapkan dapat dimasukkan lagi dalam pindaan yang akan dirundingkan nanti oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang boleh kita tambah baik PSA ini melalui pemerkasaan JKPK yang lain dan juga kita dapat institusikan sebagai jawatankuasa tetap sebagaimana yang ada di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). PAC sendiri mempunyai punca kuasanya. Oleh sebab itu kalau PAC panggil KSN, KSN datang. Kalau kita panggil KSP, KSP datang. Tapi saya lihat kawan-kawan lain di Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) yang lain, dia panggil Menteri, Menteri pun tak datang. Sekurang-kurangnya bila ada pemantapan PSA ini, akan dapat kita mantapkan juga JKPK ini. PAC juga turut patutnya dianggotai oleh ex-officio.

Saya juga nak bawa harapan Tun Wan Junaidi ketika beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Sewaktu saya berjumpa dengan beliau, beliau memberikan cadangan supaya PAC ini juga turut dianggotai oleh Ahli Dewan Negara. Ini adalah satu cadangan yang baik sekali. Sesungguhnya kalau ia dilakukan, maka kita akan bertambah mantap. Maka PAC

juga patut turut dianggotai oleh *ex-officio* yang profesional dari luar dan bukan hanya mengharapkan dan bukan hanya terhad kepada penjawat awam semata-mata. PAC juga perlukan bajet sendiri untuk kita melantik ex-officio ini supaya komitmen yang tidak berbelah bahagi dapat diberikan kepada ini.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Masjid Tanah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Saya walaupun tinggal 55 saat, saya tetap bagi pada Hulu Terengganu.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Masjid Tanah. Ini berkaitan PAC ini saya tertarik. Ada saya terbaca dalam surat khabar hari itu bahawa PAC akan panggil Menteri Pengangkutan dan dinafikan untuk nak hadir kerana dia kata dia daripada DAP. Oleh sebab itu dipanggil di PAC. Apa pandangan Masjid Tanah? Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Hulu Terengganu suka bakar darah. Saya tak nak jawab benda itu. Saya dah jawab dalam surat khabar. Baca surat khabar ya Hulu Terengganu.

Jadi, sebab itulah bukan hanya kita perlukan bajet semata-mata tetapi kalau kita tengok PAC baru tahun ini Yang Berhormat Speaker dapat pergi ke luar negara mengadakan sesi libat urus bersama dengan Parlimen di Indonesia. Sebelum ini kita dengar saja JKPK yang lain berjalan. Belum mesyuarat pun dah ada pergi ke luar negara. Itu pun PAC pergi ke Indonesia saja. Ada yang pergi ke Jepun. Jauh sangat jalannya. Tapi PAC tak apa lah. Kita walaupun tahun lepas kita dah bermesyuarat sebanyak 148 kali mesyuarat dan 22 buah laporan dibentangkan di Dewan Rakyat, yang paling penting kita dapat memastikan supaya apa juga yang berlaku ketirisan, pembaziran wang rakyat itu dapat kita bantu untuk menyiasat dan juga membuat laporan tentang perkara itu.

Oleh sebab itulah saya Masjid Tanah memohon agar perkara-perkara ini yang dapat kita bincangkan, dapat kita perhalusi supaya ia lebih harmoni dengan keterlibatan penglibatan daripada Ahli Parlimen pembangkang. Saya harap pindaan Perlembagaan ini dapat ditangguhkan dulu dan kita bawakan kepada mesyuarat untuk kita runding secara adik-beradik demi kemaslahatan Ahli Parlimen Malaysia. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Berikut saya mempersilakan Yang Berhormat Jelutong.

2.19 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini dan juga menyokong rang undang-undang ini Yang di-Pertua. Saya telah dengar dengan tekun penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan niat yang menjadi dasar atau sebabnya kenapa rang undang-undang ini dibentangkan.

Sebagai penyokong perjuangan reformasi Yang Amat Berhormat Tambun, saya bangun untuk turut serta dalam perbahasan ini dan menyokong niat ikhlas kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Tambun dan barisan Kabinet yang telah berhempas pulas untuk

menyediakan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen dan menghidupkan semula semangat membebaskan Parlimen daripada kongkongan kuku besi pihak eksekutif.

■1420

Saya gunakan istilah kuku besi eksekutif kerana saya pernah menjadi Ahli Parlimen ketika Parlimen digantung enam bulan. Saya sedar betapa peritnya seorang Ahli Parlimen ─ Keadaan seorang Ahli Parlimen yang telah diundi mewakili rakyat di kawasan Parlimen Jelutong, di mana saya tiap-tiap hari menerima pelbagai rungutan masyarakat daripada Parlimen Jelutong. Tetapi apakah gunanya? Saya tidak dapat ke Parlimen. Tidak dapat membawa suara rakyat ke Parlimen kerana Parlimen ketika itu telah diarah untuk tidak bersidang.

Kita tahu siapa yang melakukan, memberi arahan untuk Parlimen tidak bersidang. Sebab itu saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini kerana pengalaman ngeri, suram yang menyebabkan Parlimen dilarang daripada bersidang tidak akan berulang lagi dalam sejarah negara kita.

Saya masih ingat lagi, siapa yang memberi arahan, kenapa arahan itu diberikan? Saya di sini ingin menyokong rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini akan memberi pengasingan kuasa, memastikan kebebasan terpelihara dan pemisahan kuasa Parlimen akan disyorkan di bawah Perlembagaan. Di mana konsep eksekutif, Parlimen dan bidang kehakiman yang sepatutnya berfungsi tanpa pengaruh satu pihak dan pihak yang lain itu akan terjamin.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak di sebelah sana saya dengar tetapi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka telah pun dinyatakan di dalam rang undang-undang ini. Malahan, keterbukaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terserlah tadi, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa dua pihak daripada sebelah sana akan turut diundang untuk mewakili jawatankuasa yang bakal didirikan di bawah akta ini.

Apakah masalahnya? Reformasi yang kita laung-laungkan adalah sesuatu yang menjadi sejarah di Parlimen pada hari ini. Seperti yang saya katakan tadi, perkara suram dan menakutkan, di mana sistem demokrasi kita digantungkan. Di mana Parlimen tidak boleh bersidang selama enam bulan tidak akan berulang di negara kita. *[Dewan riuh]* Jangan bermain-mainkan perkara ini, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Masa itu COVID-19 lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ketika itu Yang Berhormat kena tahu, ketika itu Yang Berhormat tidak menyedari perkara ini kerana tampuk kuasa berada di tangan anda. Kita di sebelah sini, saya mengalami keperitan tak boleh ke Parlimen. Suara rakyat Jelutong tak boleh ke Parlimen kerana Parlimen digantung ketika itu.

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit? Apa Yang Berhormat nak sebut kepada mereka yang berada di pihak kerajaan sekarang? Sedangkan pada masa itu mereka juga menyokong... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak boleh mencelah, duduk. Yang Berhormat Speaker, saya minta maaf. Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, duduk. Amaran pertama. Jalan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya bercakap dari hati sanubari saya kerana saya mengalami pengalaman itu.

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya...

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Peraturan berapa?

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: 12. Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan, 36(12). *[Dewan riuh]* 36(12), "*mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu*". Jelutong sering mengulang-ulang tentang enam bulan Parlimen tidak bersidang sedangkan dia pun tahu waktu itu PKP. Bukan Parlimen saja tak bersidang, beberapa negeri pun tak bersidang. Selangor pun tak bersidang, Perak pun tak bersidang, Pulau Pinang pun difahamkan setengah hari saja bersidang. Tak reti kah Jelutong? Ini mengelirukan Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik Yang Berhormat Parit Buntar. Pada pemikiran saya, saya *overruled* apa yang dipohon oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Jika tidak puas hati dengan keputusan saya, Peraturan 43 jelas. Yang Berhormat ada 48 jam. Yang Berhormat Jelutong, teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu memang Yang di-Pertua layak ─ layak jadi seorang Speaker kerana tahu peruntukan undang-undang. Saya bahaskan perkara ini, saya bangun sebab undang-undang yang dibentangkan pada hari ini membawa roh reformasi ke Parlimen untuk memastikan Parlimen bebas daripada kongkongan kuku besi pihak-pihak tertentu, supaya memastikan Parlimen bebas daripada kawalan Perdana Menteri, memastikan Parlimen bebas daripada kawalan eksekutif kerana kita pernah mengalami pengalaman suram dan yang melanda negara kita baru-baru ini.

So, saya merayu kepada semua yang ada di sini, marilah kita pada hari ini bebaskan Parlimen, memastikan Parlimen terus dapat memacu segala perundangan, reformasi yang diperlukan bagi manfaat negara kita. Akhir kata Yang di-Pertua, reformasi institusi niatnya tetap suci. Pembangkang membangkang secara buta tuli. Marilah kita sokong mantapkan Malaysia MADANI, Jelutong mohon menyokong.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, ini 36(1) ini. Jauh daripada apa...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, saya hanya layan peraturan. Lain saya tak layan. Sebut ─ tadi Yang Berhormat tak sebut peraturan apa.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Peraturan 36(1) saya sebut tadi. Makna, dia tidak boleh menyentuh perkara-perkara lain selain daripada pindaan itu sendiri. Pindaan adalah untuk membolehkan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua menjadi Ahli kepada Majlis Perkhidmatan Parlimen. Cerita pasal membuta tuli apa semua, apa benda ini? Kurang ajar panggil itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, ini keputusan saya. Saya *overruled*, Yang Berhormat duduk. *[Tepuk]* Berikutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Putrajaya.

2.27 ptg.

Datuk Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai Ahli Parlimen, tentunya kita semua ingin melihat Parlimen dan sistem demokrasi menjadi jauh lebih baik. Saya meneliti dengan penuh terperinci hujahan-hujahan daripada kepimpinan kerajaan tentang RUU Perlembagaan (Pindaan) yang berkait dengan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025. Antara hujahan atau premis asas yang digunakan oleh kerajaan adalah RUU Perkhidmatan Parlimen akan menjamin kebebasan Parlimen atau dalam erti kata lain, Parlimen akan bebas daripada pengaruh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu institusi itu dikatakan bebas daripada satu institusi yang lain, apa maknanya? Maknanya, institusi tersebut bebas membuat keputusan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak, mana-mana institusi yang lain. Selain daripada itu, anggota institusi tersebut juga boleh membuat pertimbangan atau keputusan dengan bebas tanpa dipengaruhi oleh sesiapa.

Selain itu, apa yang lebih penting, institusi itu juga perlu dilihat sebagai sebuah institusi yang bebas. Itulah kebebasan apabila kita bercakap tentang kebebasan. Kebebasan membuat keputusan tanpa sebarang pengaruh, kebebasan membuat keputusan dengan penuh objektif dan juga dilihat oleh orang lain sebagai sebuah institusi yang bebas. Maka, apabila kita lihat senarai 13 orang anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, 13 orang dan sekiranya dua orang Ahli Dewan Negara dan empat orang Ahli Dewan Rakyat turut dilantik dalam kalangan penyokong kerajaan, maka hampir keseluruhan 13 orang anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen berkait secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan. Soalan saya, adakah itu yang didefinisikan oleh kerajaan sebagai bebas?

■1430

Hanya selepas pembangkang mendesak dan terus mendesak dan terus mendesak, barulah pagi ini Tambun sebut bahawa akan dipertimbangkan dua tempat untuk pihak pembangkang. Jadi, dari peringkat asasnya, premis asasnya, kerajaan perlu berlaku jujur.

Apakah ianya satu institusi yang bebas atau ianya sebuah institusi yang akan dikawal oleh siapa yang jadi kerajaan pada waktu itu?

Sebab itu kita lihat setelah didesak, maka kerajaan kata, "*Kita tukar*. *Okey, kita bahagi dua.*" Maknanya apa? Maknanya, RUU ini tidak dibuat dengan penuh teliti, tidak dibuat dengan perbincangan yang mendalam. Dibuat sekadar untuk "*melepaskan batok di tangga*", nak tunjuk bahawa dah buat. Kita berada di sini bukan suka-suka nak buat. Dan kita berada di sini bercakap tentang pindaan Perlembagaan. Itu pertama.

Yang kedua, apabila kita bercakap tentang kebebasan, kita perlu melihat juga dalam konteks pengurusan kewangan. Sesebuah institusi yang terus bergantung kepada institusi yang lain untuk peruntukan kewangan, ianya bukanlah satu institusi yang bebas. Jadi, apabila kita bangkitkan bahawa perlu ada kebebasan dari sudut pengurusan kewangan oleh Parlimen itu sendiri, ada yang kata, "*Tak apa. Yang ini akan dibuat kemudian*.", "*Tak apa. Kemudian kita tengok. Kita luluskan dahulu yang ini sekarang."* Kenapa tak nak buat sekarang? Kenapa nak fikir kemudian? Kita boleh duduk bincang bahawa semua kita di sini nak lihat Parlimen yang lebih baik. Kami sebut tadi, kita bincang elok-elok, kita tengok semua aspek dan kita bawa balik ke sini.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat ketika pindaan Perlembagaan berkaitan dengan akta lompat parti, semangat di sebaliknya adalah supaya wakil rakyat yang dipilih menghormati keputusan rakyat dan tidak berpindah parti. Hasratnya adalah supaya demokrasi itu terus dihormati dan terus dijulang. Namun, akhirnya, ada wakil rakyat termasuk yang ada dalam Dewan pada hari ini, mereka berada di sini, mereka ini meninggalkan parti mereka. Kerana apa? Kerana alasannya adalah alasan peruntukan. Mana rasa hormat kita kepada pengundi-pengundi?

Saya nak cakap dekat Jelutong. Kalau Jelutong kata jangan main-main perkara ini, saya nak ulang. Jangan main-main perkara ini. Pengundi mereka mengundi mereka sebagai calon Bersatu... *[Tepuk]* Di mana kerajaan? Di mana Jelutong?

Tuan Chong Zhemin [Kampar]: *Point of order*. *Point of Order*

Datuk Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Di mana Jelutong nak menghormati demokrasi? Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chong Zhemin [Kampar]: *Point of Order* 36(6) — sangkaan jahat dan juga 36(12) — mengelirukan Dewan... *[Dewan riuh]* Nanti! Bagi saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat yang lain diam dulu.

Tuan Chong Zhemin [Kampar]: Tadi Putrajaya kata ada Ahli Parlimen yang tinggalkan parti sendiri. Saya nak minta, siapa yang tinggalkan parti? Kita ada Akta Anti Lompat Parti. Ini tidak ada mana-mana Ahli Parlimen yang tinggalkan parti. Sila tarik balik. Sila tarik balik. Tak ada! Langsung tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya akan putuskan. Yang Berhormat telah bangkitkan 36(6) dan 36(12). Betul?... *[Dicelah]* 36(6) sahaja? Baik. Kalau saya lihat di sini, tidak ada apa

yang diucapkan oleh Yang Berhormat Putrajaya berkaitan... *[Tepuk]* Saya *overrule.* Yang Berhormat Putrajaya, jalankan.

Datuk Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berada di sini bercakap dengan hati yang penuh ikhlas. Apabila kita bercakap tentang menghormati demokrasi, kita perlu menghormati pengundi.

Dan sebab itulah saya nak tanya kepada kerajaan, mengapakah ruang pindaan ini tidak diambil oleh kerajaan untuk memasukkan *provision* bagi menyelesaikan kemelut berkaitan dengan peruntukan Ahli Parlimen secara jujur dan ikhlas? Mengapa tak masukkan sekarang? Masukkan *provision* untuk membolehkan perkara ini diselesaikan *once and for all*. Tak perlu lagi, "*Okey, kita buat jawatankuasa, kita perlu berbincang*".

Kenapa? Kenapa tak ambil ruang sekarang? Kenapa tidak ada seorang pun sebelah kerajaan membangkitkannya? Tak kisahlah siapa jadi pembangkang, perkara ini perlu diinstitusikan. Maknanya, Ahli-ahli Parlimen sebelah mana pun akan mendapat peruntukan. Dan ini perkara yang serius. Apa yang diceritakan oleh Alor Setar, ramai antara kami menghadapi kekangan kewangan yang cukup mendesak. Sebelah sana tak rasa. Dapat RM2 juta, RM3 juta, RM4 juta. Mengapa ruang ini tidak diambil untuk tujuan tersebut?

Kerana apa? Sepertimana yang saya sebut tadi, apa yang hendak dilaksanakan ini bukannya sebenarnya untuk membebaskan, betul-betul bercakap tentang kebebasan Parlimen tetapi lebih kepada optik politik untuk menunjukkan bahawa satu reformasi telah dibuat.

Jadi, saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini dibawa balik, dibincangkan bersama untuk kita pastikan rang undang-undang ini, bila dibentangkan kemudian nanti, satu rang undang-undang cukup baik yang melindungi Parlimen ini dan juga melindungi Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Putrajaya. Berikut, saya mempersilakan Yang Berhormat Arau.

2.35 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, rakyat Malaysia, orang muda, Ahli-ahli Parlimen. Saya mulakan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Tuan Yang di-Pertua masuk baca doa, saya angkat tangan. Saya nampak ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *Aamiin*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semoga persidangan ini berjalan dengan elok.

Allah berfirman dalam Al-Quran, "*Pilihlah seorang pemimpin di kalangan kamu yang berani dan juga amanah*." Kemudian, Nabi SAW bersabda yang bermaksud, "*Penghulu kepada orang-orang mati syahid ialah Sayidina Hamzah, dan juga seorang laki-laki yang*

berani bercakap di depan pemerintah yang zalim." Maka, saya berdiri di atas apa yang telah saya sebutkan. Okey.

Yang pertama, Yang Berhormat, kita menyokong rang undang-undang ini. Kita menyokong rang undang-undang ini dan juga PSA, Akta Perkhidmatan Parlimen. Kita sokong. Siapa kata kita tak sokong? Kita sokong. Boleh rekodkan. Kami menyokong dengan hebatnya. Sebab, saya tak nak mana-mana pihak memikirkan kami tak sokong. Kami sokong. Cuma, kami minta ianya ditangguh, dilibatkan semua perbincangan di semua pihak, selepas itu kita bentangkan semula. Kita tak boleh bentang hanya dengan berbincang dengan beberapa orang anggota Parlimen. Ia belum dapat satu keputusan yang wajar.

Saya tahu mungkin hari ini kerajaan boleh pinda tetapi sebenarnya beberapa perkara yang harus kita tengok di sini. Yang pertama, keadilan, Yang Berhormat. Apakah kita akan menegakkan keadilan dengan perkenalkan pindaan ini? Apakah benar? Sahabat saya tadi sebut tentang keanggotaan tadi. Kita sebenarnya telah melanggar sikit ini. Kita bercakap di bawah pindaan rang undang-undang tapi kita masuk sekali di bawah Akta Perkhidmatan Parlimen. Sebab, PMX tadi bila dia bentang, dia campur dua. Kita pun campur dua ini. Saya ada baca, tengok, dia campur dua.

Keadilan yang pertama ialah daripada 11 orang anggota, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan dua Timbalan — tiga. Yang di-Pertua Dewan Negara dan satu Timbalan — 5. Kemudian, dua orang Senator — 7. Kemudian, empat orang Ahli Parlimen — 11. *Hat* yang lain *ex officio*. 11 orang. Dia 11 orang ini, PMX sebut bahawa kita akan pinda pada hari ini akan masuk dua orang daripada pembangkang. Dua orang daripada 11. Bererti 9:2. Apa salah sebut perkataan empat orang daripada Ahli Parlimen itu pembangkang? Ataupun nak bagi cantik lagi, daripada 11 ini, enam kerajaan, lima pembangkang. Baru nampak keadilan.

Kalau tidak, bukan sahaja tak adil — Yang Berhormat tengok bawah pindaan Akta Perkhidmatan Parlimen ya. Pertama sekali, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat — Timbalan Speaker Dewan Negara dan ini. Kemudian, tatatertib — Speaker dan juga tidak ada disebut bahawa ahli pembangkang dilibatkan. Kita akan lihat bahawa kalau sekiranya ianya diluluskan, satu lagi bentuk autokrasi yang mana kuasa penuh terletak kepada Speaker dan juga pihak kerajaanlah.

Kalau hal itu, apakah Parlimen ini mempunyai kebebasan? Seorang dua naik pangkat, bagaimana yang lain-lain? Bagaimana 11 orang bentara yang ada ini? Ke mana mereka nak pergi? Apakah mereka ini akan terus naik pangkat begitu sahaja? Naik pangkat pun naik tapi mereka akan berada di sini sampai akhir hayat.

Tapi, kalau sekiranya kita buat pendekatan bahawa perkhidmatan Parlimen ini kalau nak masuk, tak boleh nak keluar, boleh. Itu lebih cantik. Makna kata, kalau ada naik pangkat dekat luar, mereka boleh keluar, yang nak masuk, kita tak bagi. Itu boleh. Kita boleh fikirkan. Tetapi, dengan pendekatan yang ada sekarang ini, kita melihat bahawa ketidakadilan boleh berlaku. Untuk membolehkan satu undang-undang itu dibuat, mesti ada keadilan. Kalau sekiranya dalam bentuk sekarang, kita tidak dapat tegakkan keadilan, Yang Berhormat.

■1440

Kedua, sebelum kita hendak buat rang undang-undang ini, kita kena perbetulkan peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat menyebutkan tiga jawatankuasa, PAC, Jawatankuasa Hak Kebebasan dan Jawatankuasa Dewan. Bagaimana jawatankuasa lain? Jawatankuasa Pertanian tidak dimasukkan. Masukkan dulu peraturan mesyuarat sebab peraturan mesyuarat ini juga ada beberapa perkara yang kalau macam Speaker duduk situ, kita seronoklah. Kalau Speaker masuk, kami berdoa Speaker masuk cepat supaya kami tahulah macam mana kami hendak menghargai keadaan.

Peraturan mesyuarat kadang-kadang Yang Berhormat tahu bahawa Parlimen ini jadi hiruk-pikuk kerana orang tekan butang bercakap. Sebelah sana. Sebelah kami tidak buat kerja itu. Kami tidak pandai pun. Banyak orang baru di sini tapi di sana, tekan butang bercakap. Yang Berhormat tengok sendiri. Kadang-kadang ada yang butang semua ditutup, dibuka kepada kerajaan, kerajaan bercakap, kata macam-macam, kami tidak boleh jawab. Saya tengok ada dua, tiga kes yang kita nampak ada pilih kasih.

Yang Berhormat, peraturan ini kalau sekiranya bagi keadilan kepada semua, kita akan sokong. Jadi, kita akan beritahu bahawa kami akan menyokong. Rembau, kami akan sokong, Yang Berhormat pun bakal hendak ganti Bagan Datuk kan, akan sokong, kalau sekiranya dilibat uruskan. *[Ketawa]*

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: Dato' Speaker, nama saya disebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan, jangan sebut.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Minta tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan, jangan tegur. Kalau Yang Berhormat tegur saya, saya akan lagi mengganas di sini. *So*, baik diam sahaja. Senyum sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Sebab, sebab, nama saya itu disebut. Tak elok.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sebut itu...

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Dalam bulan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat kalau tidak mahu Bagan, kita bagi Johari boleh. Tiada masalah.

[Ketawa]

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Dalam bulan puasa ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita bagi Johari bagus...

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Dalam bulan puasa ini, kita mesti berbuat baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, Yang Berhormat tidak mahulah? *[Ketawa]*

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Okey. *[Ketawa]*

Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Kuat batu api. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagan Datuk sabar. Cuma mereka perangai buat provokasi. Saya buat sedikit-sedikitlah. Saya minta maaflah. Bukan niat. Bukan niat. Tiada apa. Bergurau-gurau. Tidak bolehkah? Mentang-mentang saya keluar UMNO, takkan tidak boleh bergurau sedikit. *[Ketawa] [Tepuk]* Saya pun manusia juga. Bergurau-guraulah sedikit ya.

Okey, balik tajuk ini balik, kita dapati kita tidak dapat tegak keadilan kerana keanggotaan tadi. Saya sebut keanggotaan hanya melibatkan dua Ahli Parlimen Pembangkang. Kalau hendak pinda, Menteri Undang-undang, pinda sekarang. Masukkan lima orang Ahli Parlimen pembangkang dan enam orang kerajaan. Itu belum tahu lagi sebab Ketua Whip kami akan bagi arahan. Seterusnya – tetapi libat urus itu penting. Yang Berhormat, saya boleh *landing*?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jalan, saya kata *stop*, *stop*. *[Dewan ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali Yang Berhormat, kita lihat bahawa, apa itu– akhir sekali kawan-kawan saya pun sudah sebut semua, kan. Saya pun hendak sebutlah Yang Berhormat, di antara benda yang paling dahsyat, yang paling tidak adil ialah bukan ini, *mother of all reforms.* Ini bukan pindaan Perlembagaan.

Mother of all reforms, bagi peruntukan dekat kami. Itu baru *mother.* Takkan *mother* tidak bagi, tidak adil kepada orang. Itu bukan *mother. Father* pun tidak, emak tiri pun tidak. *[Ketawa]* Ini sesiapa – kalau *mother,* mesti nampak keadilan, *kekasihsayangan*, kasih sayang. Itu dia *mother*. Ini sebut *mother of all reforms*, tidak adil. Dua orang pembangkang. *Ampa* sembilan, kami dua. Adil apa? *[Tepuk]* Itu bukan *mother of all reforms.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, 90 saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Mother of all failure. [Ketawa]* Jadi, saya minta Yang Berhormat supaya di akhirnya 90 saat, saya minta supaya pertimbangkan peruntukan Parlimen. Johor sebagai orang yang berada di Malaysia ini, saya hendak beritahu, kami teruk sekarang. *[Dewan ketawa]* Termasuk yang bercakap ini, teruk. Terpaksa melakukan – orang nampak tidak teruk sebab bercakap ceria *tau*. Teruk sebab kena tolong mengaman dunia. Jadi, teruk dan terpaksa pinjam, pinjam dan terpaksa bagi *post-dated cheque.* Tunggu habis bulan, habis duit. Bagi *post-dated cheque* lagi.

Jadi begitulah apa yang dibuat tapi kami rela dan reda sebab kami percaya rezeki hak Allah, bukan hak manusia. *[Tepuk]* Siapa bergantung kepada Allah, Allah akan adil kepada kita. Kita bergantung dekat manusia, manusia akan zalim dekat kita. Jadi, saya minta supaya orang yang pegang amanah, mesti pegang amanah. Amanahnya ialah bagi peruntukan kepada Ahli Parlimen. Jadi, kalau tak ada langsung dalam pindaan Perlembagaan

ini, kata hendak bagi. Semalam Speaker kata hendak masuk peruntukan pusat khidmat, tidak masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, 30 saat lagi saya padam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak masuk, macam mana saya hendak sokong? Jadi, kami minta supaya ditangguhkan, kemudian kita akan berbincang. Tapi kalau tangguh, lepas itu bincang balik, lepas itu lulus, jadi macam perangai lompat parti, tidak boleh pakai sudahlah. Ini kira yang terakhirlah sebab kami tidak mahu lagi percaya kepada orang-orang yang berjanji tapi tidak tunaikan janji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. *[Tepuk]* Berikut, saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Petani.

2.45 ptg.

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Timbalan Yang di-Pertua, saya merasa bangga sebenarnya kerana pada hari ini saya diberikan peluang bersama dengan pembahas-pembahas yang lain. Kita sepatutnya berbangga. Kita berada dalam satu era untuk kita melakar sejarah untuk Parlimen Malaysia. *[Tepuk]* Itu yang paling penting. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju tadi YB Besut mengatakan berkenaan dengan 36(1), kita perlu fokus kepada rang undang-undang yang sedang dibahaskan.

Kita sedang membahaskan mengenai Akta Perlembagaan (Pindaan) 2025. Belum lagi PSA dan akta ini adalah merupakan satu laluan kepada pengukuhan Akta Perkhidmatan Parlimen yang selepas ini akan dibentang, dibahas dan diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, 33 tahun semenjak 1992, kita lihat bagaimana akta ini, kita tidak dapat memperkasakan dan tidak dapat digunakan di Parlimen ini. Bila kita bercakap mengenai demokrasi, apa itu demokrasi? Kerajaan hari ini bukan sahaja menghormati demokrasi, tetapi memperkasakan demokrasi itu sendiri.

Kita bercakap mengenai pemisahan kuasa. Legislatif, eksekutif dan *judiciary*. Inilah masalahnya untuk kita buktikan kepada rakyat bahawa kita memperjuangkan demokrasi yang sebenar. Kita lihat, kita menghormati pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang. Kita menghormati semua pandangan tersebut tetapi kita perlu akui bahawa selama 33 tahun, kita melihat pelbagai gabungan daripada parti politik telah memerintah negara tetapi hanya satu-satunya gabungan yang mampu berani untuk membuat perubahan untuk demokrasi Malaysia adalah Kerajaan Perpaduan Malaysia MADANI pada hari ini. Tidak boleh dinafikan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kita fokus kepada satu perkara. Apa itu? Tadi ada yang berbicara soal harga minyaknya, soal penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Kita lari topik. Hari ini kita perjuangkan sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat, sebagai seorang Ahli Parlimen. Ahli Yang Berhormat, eksekutif tidak rugi sedikit pun jika akta ini tidak diluluskan. Tetapi kita sebagai Ahli-ahli Yang

Berhormatlah yang akan rugi besar jika sekiranya kita menolak akta ini. Jika kita menolak akta ini, maka tidak adalah PSA. Saya bersetuju kalau adanya pindaan, adanya perbincangan dan sebagainya tapi kita jangan berbicara tentang pindaan kalau *first step* pun kita tidak boleh lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, amat janggal apabila kita bicara soal demokrasi, kita berbicara mengenai pemisahan kuasa tetapi Parlimen ini berada di bawah cengkaman eksekutif. Ini yang cuba kita bawa. Perubahan ini bermula daripada kita. Saya ingin mengajak semua Ahli-ahli Parlimen, tidak kira kerajaan mahupun pembangkang, kita lakar sejarah hari ini untuk disaksikan oleh generasi yang akan datang. Kita lakar sejarah hari ini, untuk sistem demokrasi terpahatnya nama kita. Bahawa kitalah yang membawa perubahan demokrasi dalam negara Malaysia. Ini adalah langkah pertama.

Saya bersetuju, Yang Berhormat Menteri Bahagian Hal Ehwal Undang-undang pernah berkata bahawa ini adalah akta hidup. Akta ini akan terus kita bincangkan. Tapi kalau hari ini kita tidak meluluskan, maka tidak ada lagi akta hidup. Setelah 33 tahun kita menunggu, hari ini kita diberikan peluang, ruang yang cukup-cukup besar. Tapi kita mensia-siakan, kita rugikan peluang ini. Eksekutif tidak ada apa-apa yang akan hilang tapi kitalah yang akan hilang segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita ketinggalan daripada negara-negara yang mekar demokrasinya. Kita lihat Kanada, Australia, UK, ini dapat meluaskan lagi wawasan Ahli-ahli Parlimen kita untuk kita ada kuasa autonomi, untuk kita ada kuasa mutlak, untuk kita bergerak sebagai Ahli Parlimen. Ahli Parlimen yang mampu untuk buat sesuatu, Ahli Parlimen yang hebat, Ahli Parlimen yang berfungsi sebagai fungsinya.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu langkah pertama dan kita perlu pastikan bahawa perkara ini diluluskan oleh semua. Kita *put aside* semua emosi, kita adakan perbincangan dan sebagainya tetapi langkah pertama itu adalah langkah terbesar yang perlu kita buat. Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya mengajak supaya kita berpegang pada prinsip bahawa kita bukan buat keputusan berdasarkan emosi tetapi keputusan yang kita buat berdasarkan fakta.

Kalau selama ini saya dapat keluhan *Select Committee* tak ada dana, APPGM dan sebagainya. Kita banyak keluhan, dalam *Select Committee* kita mengeluhkan pelbagai perkara tetapi bila eksekutif membuka ruang pintu seluas-luasnya untuk kita buat perubahan, kita lepaskan peluang tersebut. Itulah sesuatu perkara yang amat-amat rugi.

Jangan kita mengeluh, jangan kita merengek kalau kita tidak ada dana dan sebagainya. Kita yang tentukan, Ahli-ahli Parlimen yang tentukan hala tuju Dewan Parlimen ini. Sebab itulah pentingnya untuk kita buat perubahan hari ini. Lakarlah sejarah. Saya mohon dan harap kepada semua agar kita bersatu hati. Kita kembalikan semula demokrasi dalam negara kita. Dengan ini, Sungai Petani izin menyokong. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Berikut, saya mempersilakan Yang Berhormat Kota Belud sebagai pembahas yang terakhir.

2.51 ptg.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: *Bismilllahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pindaan Perlembagaan hari ini lulus kerana saya akan berbahas dengan lebih lanjut berkenaan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen selepas ini. Sebagai salah seorang dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan raya dan Reformasi Institusi, saya mengalu-alukan langkah pindaan ini yang membolehkan Akta Perkhidmatan Parlimen dapat dibentang dan diluluskan. Apa yang dipinda pada hari ini adalah melibatkan tiga pindaan iaitu pindaan Perkara 56, 57 dan Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan.

Saya hanya ingin sentuh satu sahaja iaitu pindaan Perkara 57 yang melibatkan Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Menyentuh mengenai pindaan Perkara 57, saya tiada halangan untuk menyokong perkara ini, namun saya berpendapat terdapat keperluan untuk mempertimbangkan penambahan bilangan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Ketika ini di bawah Perkara 57(1)(A) memperuntukkan hanya dua orang Timbalan Yang di-Pertua daripada kalangan Ahli Dewan Rakyat.

Walaupun terdapat peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat 7(3) yang membolehkan Ahli Majlis dipilih oleh Tuan Yang di-Pertua untuk mempengerusikan Mesyuarat bagi sementara waktu, saya rasa lebih baik jika kita ada tambahan bilangan Timbalan Speaker yang bukan sahaja dapat melancarkan lagi Majlis Mesyuarat, malah mungkin juga boleh dipertimbangkan untuk dipilih dari kalangan Ahli Parlimen pembangkang. Ini bagi saya, dapat mencerminkan reformasi sebenar dalam institusi Parlimen.

Tambahan daripada itu, saya juga berpandangan kerajaan harus meneliti keperluan untuk membuka pemilihan Timbalan Yang di-Pertua dan tidak terhad kepada Ahli Dewan Rakyat semata-mata. Jangan salah faham. Bukan bermaksud Timbalan Yang di-Pertua hari ini tidak bagus, sangat bagus Tuan Yang di-Pertua dan sangat profesional dalam menjalankan tugas. Namun kita sebagai Ahli Parlimen memahami tugas berat yang dipikul selain daripada jadual Parlimen saya rasa yang sangat padat daripada segi masa.

Timbalan Yang di-Pertua juga pada masa yang sama ada tanggungjawab di kawasan Parlimen masing-masing. Mungkin dengan tambahan ini, sedikit sebanyak dapat membantu melancarkan urusan Parlimen dan juga urusan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua yang dipilih di kalangan Ahli Majlis. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin cadangkan kepada Kerajaan MADANI bahawa bilangan kerusi penyokong kerajaan yang melebihi dua pertiga hari ini dan *insya-Allah* akan kekal sehingga penggal Parlimen Ke-15 berakhir. Sepatutnya dan seharusnya kita gunakan ruang yang baik ini untuk melakukan apa-apa sahaja pindaan-pindaan yang harus kita lakukan. Sebab, waktu kita ada kuasa sahaja kita

dapat lakukan apa yang kita patut buat, apa yang kita *wish* untuk buat termasuklah juga Perkara 46 – Keanggotaan Dewan Rakyat iaitu satu pertiga kerusi Dewan Rakyat daripada Sabah dan Sarawak dan perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Seterusnya, saya guna budi bicara saya. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bangi untuk berucap.

2.55 ptg.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini. Sebenarnya saya tidak dijadualkan untuk membahaskan pindaan Perlembagaan ini tetapi saya terpanggil untuk membahaskan rang undang-undang ini apabila saya mendengar dengan teliti perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali daripada pihak pembangkang sana, rakan-rakan saya.

Akan tetapi, sebelum saya mulakan Tan Sri, ah Dato' Yang di-Pertua, belum lagi Tan Sri. Sebelum saya mulakan, saya nak dengan izin, *set the record straight* tentang satu polemik yang di luar sana iaitu kononnya Kerajaan MADANI ini tidak melaksanakan reformasi. Saya ada senarai, senarai yang saya buat masa saya dengar perbahasan ini. Senarai reformasi-reformasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI ini. Kalau boleh, saya nak kongsikan supaya kita ingat semula. Antara reformasi-reformasi ini, kita sendiri dalam Dewan ini telah luluskan.

Pertamanya, sudah tentu pindaan Perlembagaan untuk memberi hak kepada *Malaysian mothers* yang ada anak. Kita juga pernah dalam Dewan ini memansuhkan hukuman mati mandatori bagi beberapa kesalahan. Kita telah menyahjenayahkan percubaan membunuh diri, memperkasakan SUHAKAM, meluaskan kuasa Ketua Audit Negara dalam membuat audit. Kita juga telah meluaskan perlindungan kepada saksi kanak-kanak, memastikan persekitaran atas talian lebih selamat, kita buat pindaan-pindaan substantif kepada Akta Profesion Undang-undang, termasuk memaktubkan Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam dalam undang-undang.

Banyak lagi yang ada kita laksanakan yang saya lihat seperti kita lupa bahawa sebenarnya kita dah banyak buat reformasi institusi dan minggu lepas, kita baru meluluskan satu rang undang-undang bersejarah iaitu Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia. Jadi, terang lagi bersuluh bahawa khabar kononnya reformasi telah mati adalah jauh panggang dari api. Malahan reformasi sebenarnya sekarang sedang mekar di bawah kerajaan ini dan akan disuburkan lagi dengan pindaan kita. *[Tepuk]*

Dato' Yang di-Pertua, kalau saya faham apa yang mereka cuba sampaikan, masalah mereka sebenarnya dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 iaitu rang undang-undang yang kita akan bahaskan selepas ini. Sudah tentu kita pun boleh bersetuju bahawa rang undang-undang PSA ini bukan sempurna tetapi persoalannya adalah, adakah

ketidaksempurnaan itu menjadikan situasi kita lebih teruk? Dalam erti kata lain dalam bahasa Inggeris, *are we worst off* dengan pindaan-pindaan tersebut?

Saya fikir kalau kita jujur dengan diri kita sendiri, jawapannya sudah tentu tidak. Maka, kita sebenarnya harus ingat bahawa permasalahan yang ada di hadapan kita sekarang ini bukannya Rang Undang-undang PSA itu sendiri tetapi Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan. Maka kita sebenarnya harus membincangkan tentang pindaan tersebut sama ada kita mahu sokong atau tidak dan setakat yang saya dengar, bantahan yang diutarakan oleh belah sana adalah berkenaan dengan RUU PSA dan bukannya berkenaan dengan RUU (Pindaan) Perlembagaan ini.

Jadi saya faham jika mereka mahu rujuk rang undang-undang PSA ke Jawatankuasa, saya faham tetapi kita sekarang permasalahan kita adalah RUU ini dan saya tidak nampak apa keperluannya untuk rujuk Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini ke satu jawatankuasa, Dato' Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Pihak di sebelah sana juga banyak memetik daripada saranan dan syor masyarakat MADANI atau *civil society* dengan izin, yang telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan tentang RUU PSA ini. Tetapi dalam mereka memegang kepada kritikan-kritikan NGO-NGO ini, mereka tidak pula menyebut gesaan terkini NGO-NGO tersebut. Apa dia? Izinkan saya baca *statement* yang dikeluarkan oleh NGO-NGO, BERSIH, IDEAS, REFORM Malaysia, Projek SAMA dan juga Rasuah Busters.

Perenggan pertama, "*Parliament should unanimously pass the Constitution Amendment Bill 2025 that introduce prohibition regarding the position and tenure of the Setiausaha Dewan Rakyat and Setiausaha Dewan Negara under Article 65(2B)*."

■1500

We urge all 222 members of Dewan Rakyat *to debate and vote in favor of the Bill*. Jelas bahawa NGO-NGO ini menggesa kita semua untuk menyokong rang undang-undang pindaan Perlembagaan ini Tuan Yang di-Pertua. Mereka sendiri bukan bulat-bulat menerima Rang Undang-undang PSA itu tetapi mereka sedar bahawa ini merupakan satu langkah penting. Jadi, pihak sebelah sana tidak bolehlah cedok yang hanya *favorable* dengan izin kepada mereka dengan hujah mereka. Ambil juga gesaan *civil society* ini untuk kita sama-sama luluskan perkara ini.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Saya tak bagi. Terima kasih Yang Berhormat Pendang, duduk. Ini Dato' Yang di-Pertua, bukanlah langkah terakhir. Ini langkah pertama. Saya berharap bahawa kita semua dapat menyokong rang undang-undang pindaan Perlembagaan ini. *We must be on the right side of history* dengan izin Dato' Yang di-Pertua. Jadi, saya menggesa supaya pihak sebelah sana bersama-sama dengan kita untuk luluskan rang undang-undang ini supaya kita sama-sama dapat berada dalam *right side of history* dengan izin. Sekian, terima kasih. Bangi mohon menyokong.

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Bangi. *Alhamdulillah* seramai 18 Yang Berhormat telah berbahas. Sekarang tiba masanya Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 20 minit dan atas budi bicara Pengerusi untuk menambah. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

3.02 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Ramadhan. Terlebih dahulu saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai sesi perbahasan Rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 dan seperti disebut Tuan Speaker tadi terdapat 18 orang Yang Berhormat Pasir Gudang, Kota Baharu, Beluran, Ipoh Timur, Tumpat, Indera Mahkota, YB Rasah, Besut, Machang, Tuaran, Alor Setar, Masjid Tanah, Jelutong, Putrajaya, Arau, Kota Belud, Sungai Petani dan juga Bangi.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Sebelum saya mula menggulung, izinkan saya menzahirkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis atas persediaan beliau dengan membenarkan dan membuat bacaan kedua bagi rang undang-undang pindaan Perlembagaan ini untuk mencerminkan kesediaan Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan beliau untuk membuat perubahan besar dalam landskap perundangan demi kesejahteraan negara. Hari ini bukan sahaja kita membincangkan satu pindaan perundangan tetapi satu langkah asas ke arah mengembalikan autonomi Parlimen, sebuah institusi yang menjadi tunjang demokrasi pada negara kita.

Sebenarnya Tan Sri Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat, tetapi lebih daripada pihak kerajaan daripada pihak pembangkang bahawa sekarang ini yang saya bentangkan ialah RUU pindaan kepada Perlembagaan berkenaan dengan fasal-fasal di dalam Perlembagaan yang dilihat sebagai satu pindaan bukan sekadar satu perubahan teknikal kepada Perlembagaan, tetapi satu usaha memperkukuhkan institusi supaya Parlimen kita dapat bertahan, berwibawa dan selaras dengan prinsip demokrasi.

Sebenarnya beberapa orang Yang Berhormat telah juga sebut tentang 33 tahun bila Akta Perkhidmatan Parlimen pada tahun 1963 telah ditamatkan pada tahun 1992 yang disebut sebagai 32 tahun dan hari ini Yang Berhormat semua menyedari bahawa Parlimen telah kehilangan sejak pada tahun 1992 tersebut kawalan terhadap pentadbirannya sendiri.

Banyak keputusan mengenai kakitangan, pelantikan dan operasi bergantung pada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Kebergantungan terhadap eksekutif dalam aspek kewangan menyebabkan perancangan jangkaan panjang Parlimen

sering terikat kepada pertimbangan kerajaan semasa dan ketiadaan mekanisme yang jelas dalam Perlembagaan untuk menjamin kebebasan institusi Parlimen.

Jadi, pada hari ini yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Ketua Majlis, hanya terhadap pindaan kepada Perlembagaan dan kalau kita tengok— saya rujuk kepada paling yang kita boleh antara perbahasan yang sangat tepat ialah daripada Yang Berhormat Bangi. Dibaca bersama dengan *Standing Order* 36(1) bahawa yang kita hendak buat pindaan untuk Perlembagaan hari ini ialah pindaan terhadap Perkara 56, Perkara 57 dan Perkara 65. Tiga sahaja fasal dalam Perlembagaan yang hendak dipinda supaya dalam syarat utama ini supaya individu yang hendak dinamakan sebagai Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan juga Setiausaha Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara boleh duduk dalam Majlis Perkhidmatan Parlimen. Itu sahaja yang kita minta hari ini.

Dalam pindaan Perlembagaan hari ini yang tiga fasal tidak ada langsung berkenaan dengan Akta Perkhidmatan Parlimen. Ini akan dibahaskan dan saya akan jawab selepas ini *insya-Allah* jika pindaan Perlembagaan ini diluluskan. Sebab yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang membawa, saya mendengar bahawa banyak khuatir bahawa seolah-olah kewujudan Majlis Perkhidmatan Parlimen melalui *Parliament Service Act* (PSA) ini seolah-olah satu kosmetik sahaja. Itu yang mereka sebenarnya merasa sangsi. Itu sebabnya semalam apabila wakil pembangkang, ketua-ketua WHIP bersama kerajaan duduk dengan Tan Sri Yang di-Pertua, antara yang mereka timbulkan ialah isu berkenaan dengan komposisi MPP tersebut. Bererti ketua-ketua pembangkang menyedari bahawa MPP akan menjadi tulang belakang untuk pentadbiran, kewangan, perkhidmatan Parlimen itu sahaja.

Jadi, kita bawa dalam hari ini tiga fasal supaya Tan Sri Yang di-Pertua, dua Timbalan Yang di-Pertua, Speaker Dewan Negara, bersama Timbalan Speaker Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara boleh duduk dalam Majlis Perkhidmatan Parlimen, itu sahaja yang kita minta. Tidak ada isu yang kita minta pada hari ini, pagi ini, petang ini yang kita akan undi sebentar lagi berkenaan dengan komposisi berkenaan dengan kononnya adanya niat eksekutif hendak mengawal, tak ada, itu belum lagi. Itu di dalam Akta Perkhidmatan Parlimen yang akan kita bahaskan.

Tadi Yang Amat Berhormat Ketua Majlis menjawab paling yang utama yang menjadi kekhuatiran pihak pembangkang, bukan sahaja pihak pembangkang tetapi semua NGO yang telah bertemu ialah di dalam akta rang undang-undang tersebut Perkhidmatan Parlimen itu, komposisi majlis itu mereka khuatir tidak adanya dinyatakan secara sahih wakil pembangkang dan semua yang duduk di situ dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Itu sahaja.

Tan Sri sendiri tahu bersama kami pihak kerajaan mengatakan di dalam buku *Standing Order*, kalau kita tengok dalam *Standing Order* yang mana kita selalu bercakap 76 kata siapa yang duduk dalam *select committee*? Mencukupi, bahawa sebenarnya bila mereka membuat *drafting* kepada PSA tersebut, pentafsirannya adalah supaya Yang di-Pertua yang diundi dan kemudian yang menjadi Pengerusi bersama akan memilih daripada kerajaan dan juga pembangkang, itu sahaja.

Tetapi ramai yang rasa waswas maka Yang Amat Berhormat Ketua Majlis tadi di dalam pembacaan rang undang-undang kali kedua mengatakan bahawa dalam Akta Perkhidmatan Parlimen bila dibentangkan akan diwujudkan pindaan dalam Jawatankuasa yang mana beberapa Yang Berhormat dua-dua pihak memuji mengatakan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Majlis. Saya sendiri sebagai menteri yang bertanggungjawab pun berterima kasih dengan beliau sebab beliau nampak bahawa seolah-olah adanya *mistrust* ataupun *distrust* kalau tak letak nanti tidak dibuat. Dia kata eloklah dia pun bersetuju. Jadi, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat.

Jadi di sini Tan Yang di-Pertua, saya tengok SUDR saya ini, saya tengok SUDN saya ini hendak naik pangkat punyalah susah. Saya minta maaf saya hendak cerita SUDR ini dahulu masa dia bujang, dia tidur kat Parlimen. Mungkin Ketua Majlis tidak tahulah. Senang cari dia Yang Amat Berhormat, selalu dekat Parlimen sebab dia tidur kat Parlimen. Betul. Dia punya sayang tugas dia. Tapi gaji susah, kenderaan tak dapat – saya tak nak ceritalah Tan Sri. Tan Sri faham, saya faham. Ini *select committee* ini. Kita ramai-ramai ini, betul?

[Tepuk]

■1510

Beberapa Orang Ahli: Betul.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: *Researcher* tak ada.

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Nak *gi* luar negara naik kapal terbang pun tak ada mampu.

Beberapa Orang Ahli: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ekonomi.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Ekonomi lagi.

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Tapi dalam bajet tiap-tiap tahun – saya Menteri jaga Parlimen. RM700 – RM800 juta Parlimen duit dapat. Semua marah kerajaan. Walhal, itu pembangunan. Pentadbiran tak ada sangat. Sikit *je*. Saya pun suara dah hilang. *[Ketawa]* Dugaan bulan puasa.

Tapi Tan Sri Yang di-Pertua, kalaulah Tan Sri Speaker, Timbalan Speaker, Speaker Dewan Negara, Timbalan Speaker Dewan Negara, SUDR, SUDN nak duduk dalam Majlis pun pembangkang tolak, saya tak tahu apa nak cakaplah. *[Tepuk]*

Saya faham mereka marah kononnya Akta Perkhidmatan Parlimen ini tak sempurna. Saya dengar. Saya dengar semalam dan mereka bercakap. Betul, biar saya jawab dan kita cari penyelesaian kepada rang undang-undang yang akan saya baca *insya-Allah* lepas dilulus pada pindaan ini.

Tapi kalau nak marah nyamuk bakar kelambu, marahkan reformasi sebab nak kan reformasi jadi 'reformati', yang jadi mangsa Tan Sri, Timbalan Speaker Dewan Negara, Dewan Rakyat, SUDR kawan saya ini dengan SUDN. Nasib dah kahwin, ada rumah. Dia balik rumah sekarang. *[Ketawa]* Kalau dia berhenti macam mana? Kalau dia tidak dapat

setaraf sebagai yang ada kita tengok lawatan luar negara SUDR, SUDN mereka dengan kelayakan mereka, pangkat mereka dan mereka adalah pakar dalam bidang Parlimen. Kita nak kan supaya kalau kita nak ganti, kita ganti yang terbaik dan bukan dititik dan ditekan oleh eksekutif kepada siapa yang mereka nak tetapi siapa yang kita nak sebagai Ahli Parlimen. *[Ketawa]* Berdosakah Kerajaan Madani, Yang Berhormat sekalian?

Tak bolehlah Yang Berhormat. Ini tentang pindaan Perlembagaan. Bukan tentang Akta Perkhidmatan Parlimen yang kita nak buat *insya-Allah* lepas ini. Satu-satulah. Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita kena bagi lesen kepada mereka yang akan duduk dalam MPP dan yang saya tengok yang paling dikhuatiri ialah semua kata tak apalah, tangguh dua tiga bulan. Kalau dah 33 tahun boleh tunggu, takkanlah dua, tiga bulan tak boleh tunggu. Saya nak jawab mudah *je*. Kalau rezeki itu, pintu rezeki itu dah dibuat, dah dibuka, Yang Amat Berhormat Ketua Majlis kata kita buat, buatlah.

Seorang Ahli: Buat.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Takkanlah ini pun kita nak tangguh? Bukan kita buat pindaan ini untuk eksekutif. Bukan pindaan ini supaya kita lebih berkuasa sebagai kerajaan tetapi pindaan ini ialah permulaan dengan langkah pertama iaitu autonomi kewangan dan pentadbiran kepada kedua-dua mereka sebagai Pengerusi Majlis Perkhidmatan Parlimen dan mereka yang duduk dalam Perkhidmatan Parlimen.

Sekali lagi, sebelum saya duduklah, saya jawab. Sikit *je* walaupun saya nak jawab nanti. Kita tengok akta pada tahun 1963 ya. Yang Berhormat semua kata, *"Oh, inilah akta terbaik".* Tapi tahun 1963, lapan seksyen sahaja fasal duit tak ada. Eksekutif duduk dalam Majlis dan tak ada pula disebut – pembangkang hanya satu. Kita tambah kepada dua dan kita tengok seksyen 8, seksyen ini tak sempurna dan yang kita buat pada Akta Perkhidmatan Parlimen ini lebih baik. Tetapi kita buka untuk semua Ahli Parlimen bahas lepas ini, buat keputusan apa bentuk yang kita nak sebab Akta Perkhidmatan Parlimen adalah untuk kita, kerana kita. Bukan untuk Eksekutif.

Akhir sekali Tan Sri Yang di-Pertua, saya nak cakap mudah *je* lah. Kita pun tak tahu kita selama mana akan memerintah. Jadi, kita nak kan Parlimen yang bebas. Itulah yang kita perlu bertanggungjawab sebagai Ahli Parlimen supaya bila Parlimen yang bebas, Tan Sri Yang di-Pertua, tak mudahlah Parlimen itu ditutup atas apa-apa alasan sekali pun. *[Tepuk]*

Dengan itu Tan Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang dari dua per tiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Seperti yang telah pun saya maklumkan pada 13 Mac 2023, loceng akan dibunyikan dan saya akan tempohkan Mesyuarat Dewan selama 10 minit dan saya juga ingin maklumkan

bahawa mikrofon Ahli-ahli Yang Berhormat akan ditutup semasa Dewan ditempohkan 10 minit bagi mengelakkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap. Sila bunyikan loceng sekarang.

[Loceng dibunyikan]

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 3.18 petang]

■1520

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.28 petang]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

■1530

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Saya akan bacakan nama-nama mereka yang terlibat.

Blok A— YB Papar sebagai penghitung undi; pemerhati Kubang Pasu.

Blok B— Kapit penghitung undi; pemerhati Indera Mahkota.

Blok C— Kulai penghitung undi; pemerhati Alor Setar.

Blok D— Selayang penghitung undi; pemerhati Jerai.

Blok E— Arau penghitung undi; pemerhati Sibuti.

Blok F— Sungai Besar penghitung undi; Limbang pemerhati.

Dan Blok G— Kota Bharu penghitung undi; pemerhati Alor Gajah.

Okey, undi dimulakan sekarang.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, sekarang saya bacakan keputusan. Jumlah Ahli Yang Berhormat ialah 222 orang. Yang tidak hadir 17. Yang tidak mengundi (*abstain*), 57. Yang bersetuju, 148. *[Tepuk].* Maka ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Reformasi. Reformasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Tidak jelas]* ...tak sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli Yang Bersetuju :

1. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Tambun)
2. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
3. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya)
4. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
5. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
6. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin (Kota Tinggi)
7. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)

8. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
9. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
10. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina binti Sidek (Nibong Tebal)
11. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
12. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan bin Mohd Ali (Papar)
13. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
14. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
15. Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
16. Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir (Johor Bahru)
17. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly bin Zahari (Alor Gajah)
18. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
19. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)
20. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
21. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
22. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
23. Menteri Ekonomi, Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli (Pandan)
24. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
25. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan (Rembau)
26. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
27. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
28. Menteri Komunikasi, Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
29. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
30. Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
31. Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
32. Menteri Belia dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
33. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha binti Mustafa (Sekijang)
34. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
35. Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
36. Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang (Kota Samarahan)
37. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
38. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Mohammad Yusof bin Apdal (Lahad Datu)
39. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
40. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu (Sepang)
41. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
42. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
43. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan (Batu Sapi)
44. Timbalan Menteri Komunikasi, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
45. Timbalan Menteri Kewangan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
46. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Adam Adli bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
47. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Sepanggar)
48. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
49. Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)

50. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad (Parit Sulong)
51. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
52. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
53. Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
54. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali (Pekan)
55. Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Sri Gading)
56. Ir. Ts. Zahir bin Hassan (Wangsa Maju)
57. Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj (Segamat)
58. Datuk Jonathan bin Yasin (Ranau)
59. Datuk Matbali bin Musah (Sipitang)
60. Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya (Putatan)
61. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
62. Tuan Ganabatirau a/l Veraman (Klang)
63. Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)
64. Puan Rodziah binti Ismail (Ampang)
65. Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib (Tenggara)
66. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
67. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
68. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
69. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa (Tampin)
70. Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
71. Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli (Jempol)
72. Datuk Suhaimi bin Nasir (Libaran)
73. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
74. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
75. Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy (Kalabakan)
76. Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)
77. Puan Syerleena binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
78. Datuk Lo Su Fui (Tawau)
79. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Hulu Langat)
80. Tuan Azli bin Yusof (Shah Alam)
81. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
82. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar (Batu Pahat)
83. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
84. Tuan Chong Zhemin (Kampar)
85. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
86. Dr. Mohammed Taufiq bin Johari (Sungai Petani)
87. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
88. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
89. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
90. Datuk Seri Saravanan a/l Murugan (Tapah)
91. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
92. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
93. Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun (Port Dickson)
94. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
95. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
96. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
97. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Gombak)
98. Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
99. Dato’ Indera Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
100. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
101. Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (Jelebu)
102. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
103. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
104. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
105. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)

106. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
107. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis (Kota Belud)
108. Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
109. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
110. Tuan Wong Chen (Subang)
111. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
112. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
113. Datuk Seri Panglima Dr. Gapari bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
114. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
115. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
116. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
117. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
118. Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching (Beaufort)
119. Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
120. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
121. Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad (Simpang Renggam)
122. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
123. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
124. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
125. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
126. Dato Anyi Ngau (Baram)
127. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
128. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
129. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
130. Tuan Suhaizan bin Kaiat (Pulai)
131. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
132. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
133. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
134. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
135. Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)
136. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
137. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
138. Tuan Riduan bin Rubin (Tenom)
139. Dato' Verdon bin Bahanda (Kudat)
140. Puan Rodiyah binti Sapiee (Batang Sadong)
141. Datuk Wetrom bin Bahanda (Kota Marudu)
142. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
143. Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
144. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
145. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
146. Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim (Gua Musang)
147. Tuan Zahari bin Kechik (Jeli)
148. Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan)

Ahli-Ahli Yang Tidak Mengundi:

1. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
2. Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal (Machang)
3. Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden (Alor Setar)
4. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
5. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
6. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah (Langkawi)
7. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
8. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
9. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
10. Tuan Haji Kamal bin Ashaari (Kuala Krau)
11. Dr. Siti Mastura binti Muhammad (Kepala Batas)
12. Kapten Azahari bin Hasan (Padang Rengas)
13. Dr. Haji Abd Ghani bin Haji Ahmad (Jerlun)

14. Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah (Rompin)
15. Tuan Zakri bin Hassan (Kangar)
16. Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar)
17. Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)
18. Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
19. Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib (Parit)
20. Tuan Kalam bin Salan (Sabak Bernam)
21. Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)
22. Tuan Jamaludin bin Yahya (Pasir Salak)
23. Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
24. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
25. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
26. Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
27. Datuk Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
28. Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
29. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
30. Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
31. Dato' Khlir bin Mohd Nor (Ketereh)
32. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh (Besut)
33. Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi (Tumpat)
34. Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki (Parit Buntar)
35. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Kuala Langat)
36. Tuan Zulkifli bin Ismail (Jasin)
37. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak (Kuala Nerus)
38. Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)
39. Tuan Fathul Huzir bin Ayob (Gerik)
40. Tuan Nurul Amin bin Hamid (Padang Terap)
41. Tuan Roslan bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
42. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
43. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
44. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
45. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
46. Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman (Bachok)
47. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
48. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)
49. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
50. Datuk Haji Awang bin Hashim (Pendang)
51. Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
52. Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan (Merbok)
53. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
54. Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
55. Dato' Azman bin Nasrudin (Padang Serai)
56. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut)
57. Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
2. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
3. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
4. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
5. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
6. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
7. Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin (Tangga Batu)
8. Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar (Kemaman)
9. Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Mohd. Yassin (Pagoh)
10. Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
11. Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
12. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)

13. Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
14. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
15. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
16. Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun (Hulu Selangor)
17. Tuan Hassan bin Saad (Baling)

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, penjelasan. Yang Berhormat sebut lebih dua pertiga. Undi 148. Jadi, 148 kata mencukupi dua pertiga. Bukan lebih. Tak lebih. Kalau lebih 149. *Shut up.* Kalau nak berkawan, buat cara berkawan. Kalau nak berperang, kita berperang. Tak ada masalah. Tiap-tiap orang akan aku sebut nama nanti. Macam ini cara nak ini. Sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Setiausaha.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalah, kalahlah Arau. Jangan marah. *[Ketawa]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[****Fasal-fasal 1 hingga 5*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Tan Sri Yang di-pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan pada Majlis sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga, daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46, saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya elakkan yang 10 minit tadi. Untuk itu penghitung dan juga sila ambilkan tempat. Teruskan.

[Dewan berbelah bahagi]

■1550

[Pengundian dijalankan]

3.56 ptg

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan belah bahagian yang telah pun dilakukan tadi. Yang bersetuju ialah 148, kekal. *[Tepuk]* Maka dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Bersetuju:

1. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim (Tambun)
2. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
3. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya)
4. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
5. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
6. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin (Kota Tinggi)
7. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
8. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
9. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Dato’ Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
10. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina binti Sidek (Nibong Tebal)
11. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
12. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan bin Mohd Ali (Papar)
13. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
14. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
15. Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
16. Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir (Johor Bahru)
17. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly bin Zahari (Alor Gajah)
18. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
19. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)
20. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
21. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor (Cameron Highlands)
22. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
23. Menteri Ekonomi, Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli (Pandan)
24. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
25. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan (Rembau)
26. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
27. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
28. Menteri Komunikasi, Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)

29. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
30. Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
31. Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
32. Menteri Belia dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
33. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha binti Mustafa (Sekijang)
34. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
35. Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
36. Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang (Kota Samarahan)
37. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
38. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Mohammad Yusof bin Apdal (Lahad Datu)
39. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
40. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu (Sepang)
41. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
42. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
43. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan (Batu Sapi)
44. Timbalan Menteri Komunikasi, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
45. Timbalan Menteri Kewangan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
46. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Adam Adli bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
47. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Sepanggar)
48. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
49. Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
50. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad (Parit Sulong)
51. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
52. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
53. Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
54. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali (Pekan)
55. Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Sri Gading)
56. Ir. Ts. Zahir bin Hassan (Wangsa Maju)
57. Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj (Segamat)
58. Datuk Jonathan bin Yasin (Ranau)
59. Datuk Matbali bin Musah (Sipitang)
60. Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya (Putatan)
61. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
62. Tuan Ganabatirau a/l Veraman (Klang)
63. Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)
64. Puan Rodziah binti Ismail (Ampang)
65. Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib (Tenggara)
66. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
67. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
68. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
69. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa (Tampin)
70. Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
71. Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli (Jempol)
72. Datuk Suhaimi bin Nasir (Libaran)
73. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
74. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
75. Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy (Kalabakan)
76. Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)

77. Puan Syerleena binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
78. Datuk Lo Su Fui (Tawau)
79. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Hulu Langat)
80. Tuan Azli bin Yusof (Shah Alam)
81. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
82. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar (Batu Pahat)
83. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
84. Tuan Chong Zhemin (Kampar)
85. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
86. Dr. Mohammed Taufiq bin Johari (Sungai Petani)
87. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
88. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
89. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
90. Datuk Seri Saravanan a/l Murugan (Tapah)
91. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
92. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
93. Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun (Port Dickson)
94. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
95. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
96. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
97. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Gombak)
98. Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
99. Dato’ Indera Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
100. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
101. Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (Jelebu)
102. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
103. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
104. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
105. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
106. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
107. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis (Kota Belud)
108. Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
109. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
110. Tuan Wong Chen (Subang)
111. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
112. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
113. Datuk Seri Panglima Dr. Gapari bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
114. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
115. Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
116. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
117. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
118. Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching (Beaufort)
119. Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
120. Dato’ Henry Sum Agong (Lawas)
121. Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad (Simpang Renggam)
122. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
123. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
124. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
125. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
126. Dato Anyi Ngau (Baram)
127. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
128. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
129. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
130. Tuan Suhaizan bin Kaiat (Pulai)
131. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
132. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
133. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
134. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
135. Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)

136. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
137. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
138. Tuan Riduan bin Rubin (Tenom)
139. Dato' Verdon bin Bahanda (Kudat)
140. Puan Rodiyah binti Sapiee (Batang Sadong)
141. Datuk Wetrom bin Bahanda (Kota Marudu)
142. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
143. Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
144. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
145. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
146. Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim (Gua Musang)
147. Tuan Zahari bin Kechik (Jeli)
148. Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan)

Ahli-Ahli Yang Tidak Mengundi:

1. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
2. Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal (Machang)
3. Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden (Alor Setar)
4. Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
5. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
6. Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah (Langkawi)
7. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
8. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
9. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
10. Tuan Haji Kamal bin Ashaari (Kuala Krau)
11. Dr. Siti Mastura binti Muhammad (Kepala Batas)
12. Kapten Azahari bin Hasan (Padang Rengas)
13. Dr. Haji Abd Ghani bin Haji Ahmad (Jerlun)
14. Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah (Rompin)
15. Tuan Zakri bin Hassan (Kangar)
16. Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar)
17. Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)
18. Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
19. Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib (Parit)
20. Tuan Kalam bin Salan (Sabak Bernam)
21. Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)
22. Tuan Jamaludin bin Yahya (Pasir Salak)
23. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
24. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
25. Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
26. Datuk Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
27. Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
28. Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
29. Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
30. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh (Besut)
31. Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi (Tumpat)
32. Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki (Parit Buntar)
33. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Kuala Langat)
34. Tuan Zulkifli bin Ismail (Jasin)
35. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak (Kuala Nerus)
36. Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)
37. Tuan Fathul Huzir bin Ayob (Gerik)
38. Tuan Nurul Amin bin Hamid (Padang Terap)
39. Tuan Roslan bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
40. Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
41. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
42. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
43. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)

44. Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman (Bachok)
45. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
46. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)
47. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
48. Datuk Haji Awang bin Hashim (Pendang)
49. Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
50. Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan (Merbok)
51. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
52. Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
53. Dato' Azman bin Nasrudin (Padang Serai)
54. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut)
55. Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
2. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
3. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
4. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
5. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
6. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
7. Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin (Tangga Batu)
8. Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
9. Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar (Kemaman)
10. Dato' Khlir bin Mohd Nor (Ketereh)
11. Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Mohd. Yassin (Pagoh)
12. Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
13. Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
14. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
15. Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
16. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
17. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
18. Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun (Hulu Selangor)
19. Tuan Hassan bin Saad (Baling)

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN PARLIMEN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Tan Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tan Sri Yang di-Pertua, hari ini kita menyaksikan detik bersejarah dalam institusi Parlimen. Perkhidmatan Parlimen bukan sahaja sesuatu baharu dalam sistem demokrasi di negara kita. Pertama kali diperkenalkan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita yang pertama, Allahyarham Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1963 tetapi kemudiannya, dimasyhurkan pada tahun 1992.

Kini setelah 62 tahun berlalu sejak ia diperkenalkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kesepuluh pula telah menggalas amanah reformasi ini dan meneruskan obor perubahan seperti yang kita saksikan sebentar tadi dengan pembentangan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025. Usaha ini membawa signifikan besar kepada demokrasi berparlimen dalam negara kita. Dengan kembalinya Perkhidmatan Parlimen, kita bukan sahaja mengembalikan autonomi institusi Parlimen tetapi juga memperkukuh prinsip pemisahan kuasa yang menjadi teras kepada sistem demokrasi berperlembagaan.

Dengan pengenalan kepada rang undang-undang ini, Parlimen akan dapat berfungsi dengan lebih bebas tanpa bergantung kepada cabang eksekutif sekali gus memastikan peranan legislatif dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berwibawa. Langkah ini juga mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuhkan institusi demokrasi dan membina sebuah sistem pentadbiran yang lebih tulus serta bertanggungjawab.

Parlimen akan mendapat menjalankan tugas pengawasan dan perundangan dengan lebih berdaya saing selaras dengan amalan terbaik negara demokrasi maju. Hari ini kita bukan sahaja memperkenalkan semula satu sistem pentadbiran tetapi kita juga mengorak langkah memperkasa demokrasi Malaysia untuk generasi kini yang akan datang.

Menyedari kepentingan ini, rang undang-undang ini bukanlah satu pindaan bersifat kecil, beberapa prinsip utama ataupun dengan izin, *sail and features* telah diketengahkan dalam rang undang-undang ini. Pertama, menetapkan perkhidmatan Parlimen sebagai suatu perkhidmatan yang asing daripada perkhidmatan awam sebagaimana ditulis dalam fasal 2 rang undang-undang ini. Untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat, Majlis Perkhidmatan Parlimen mempunyai kuasa penuh untuk menentukan hala tuju Parlimen berdasarkan fasal 4(a), (b), (c), dan (d). Ini kerana Ketua Pentadbir Parlimen di bawah fasal 11(4) dan 11(5) akan bertindak di bawah kuasa dan arahan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

MPP juga berkuasa penuh kepada seluruh pentadbiran perkhidmatan Parlimen. Tambahan pula, MPP turut boleh menstrukturkan semula organisasi perkhidmatan Parlimen dengan penambahan fungsi dan perjawatan di fasal-fasal 4(1) dan 4(2). Pada masa yang sama, fasal-fasal 4(1)(c) dan (d) memberi kuasa kepada MPP agar pengurusan perkhidmatan Parlimen memberikan bantuan profesional kepada Ahli-ahli Parlimen seperti khidmat penggubalan undang-undang dan menyediakan para penyelidik yang mencukupi bagi Ahli-ahli Parlimen barisan kerajaan dan juga pembangkang.

Kedua, menetapkan Majlis Perkhidmatan Parlimen sebagai badan bebas tertinggi yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran perkhidmatan Parlimen sebagaimana fasal 3 rang undang-undang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua orang Ahli Dewan Negara dan empat orang Ahli Dewan Rakyat, dua daripada kerajaan, dua daripada pembangkang di mana fasal 3(2)(e) dan fasal 3(2)(f) akan dipinda seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Ketua Majlis tadi dalam jawatankuasa dan akan memaklumkan terperinci tentang pindaan tersebut.

■1600

Ketiga, menetapkan obligasi kerajaan untuk menyalurkan dana yang mencukupi kepada Perkhidmatan Parlimen setiap tahun sebagaimana Fasal 12. Di bawah rang undang-undang ini Parlimen kini mempunyai autonomi untuk mengemukakan cadangan belanjawannya secara langsung kepada Kementerian Kewangan sebagai pemegang amanah kewangan negara tanpa memerlukan kelulusan daripada Jabatan Perdana Menteri yang merupakan prosedur yang sedia ada. Selepas itu, Kementerian Kewangan akan membentangkan belanjawan tahunan bagi pentadbiran negara termasuk bagi kelulusan kedua-dua Dewan Parlimen dan badan kehakiman.

Keempat, menetapkan kebebasan Majlis Perkhidmatan Parlimen untuk mewujudkan apa-apa Jawatankuasa sebagai Fasal 10 untuk membantu Majlis dalam melaksanakan fungsi.

Kelima, menetapkan peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai dengan izin, *custodian* kepada asas kebebasan Perkhidmatan Parlimen selaras dengan Fasal 3 Perkara 10 Perlembagaan Malaysia.

Keenam, menetapkan sistem hibrid bagi Perkhidmatan Parlimen agar laluan kerjaya pegawai-pegawai terjamin berdasarkan prinsip Perlembagaan, dengan izin *no less favorable*. Ini berdasarkan hasil kajian tinjauan oleh Parlimen pada 6 Februari 2024 menunjukkan bahawa hanya 33 peratus daripada pegawai tetap yang bertugas di Parlimen bersetuju untuk kekal dalam Skim Perkhidmatan Parlimen manakala 67 peratus hingga kembali kepada skim perkhidmatan asal.

Buat masa ini, 82 pegawai adalah di bawah Perkhidmatan Parlimen yang terdiri daripada Setiausaha Dewan Negara, Dewan Rakyat dan anggota Perkhidmatan Parlimen yang lain termasuklah Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Seksyen Perundangan dan Prosiding, Seksyen Penyata Rasmi, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan, Sekretariat Jawatankuasa Kira-Kira, Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Seksyen Bentara. Semua anggota Perkhidmatan Parlimen hendaklah memberikan sokongan profesional dan berkecuali serta adil kepada semua Ahli-ahli Parlimen.

Manakala, sebanyak 266 pegawai akan diletakkan di bawah Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia bagi melaksanakan fungsi pengurusan pentadbiran dan kewangan. Walau bagaimanapun, bilangan pegawai dalam Perkhidmatan Parlimen akan ditambah baik apabila Majlis diwujudkan kelak atas usaha penstrukturan yang antara lain akan melibatkan pelantikan penyelidik-penyelidik bagi membantu para Ahli Parlimen tanpa mengira blok pemerintahan ataupun tidak. Perkara ini juga akan diteliti oleh kumpulan-kumpulan nukleus dalam tempoh peralihan.

Tan Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan rang undang-undang ini mempunyai enam bahagian, 19 fasal sebagaimana dinyatakan dalam naskhah biru *(blue bill)* yang telah diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat pada 24 Februari. Objektif rang undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perkhidmatan

Parlimen dan Majlis Perkhidmatan Parlimen, Pentadbiran Perkhidmatan Parlimen dan perkara lain berkaitan dengannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian dan penjelasan lanjut mengenai fasal di bawah rang undang-undang ini sebagaimana yang dinyatakan dalam naskhah biru. Bahagian I Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta. Bahagian II Fasal 2, Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perkhidmatan Parlimen.

[Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Fasal 3 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Perkhidmatan Parlimen dan anggotanya. Fasal ini juga dijangka akan dipinda di peringkat Jawatankuasa bagi memastikan terdapat sekurang-kurangnya dua orang wakil dari pihak pembangkang dalam keanggotaan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan Mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Bahagian III pula ialah iaitu Fasal 6 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Fasal ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan kelayakan untuk pelantikan dan syarat perkhidmatan Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat selepas ini akan dirundingkan perjawatannya dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Bahagian IV Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen yang bertanggungjawab bagi kenaikan pangkat anggota Perkhidmatan Parlimen. Fasal ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen untuk mengadakan peruntukan bagi Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat anggota Perkhidmatan Parlimen.

Fasal 8 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Parlimen. Fasal ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen dan untuk mengadakan peruntukan bagi Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan kawalan tatatertib.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa

rayuan yang dikemukakan oleh seorang anggota Perkhidmatan Parlimen terhadap keputusan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat dan Jawatankuasa Tatatertib. Fasal ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Jawatankuasa Rayuan.

Fasal 10 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Majlis Perkhidmatan boleh menubuhkan apa-apa Jawatankuasa sebagaimana Majlis Perkhidmatan Parlimen fikirkan perlu atau sesuai yang bermanfaat untuk membantu Majlis dalam pelaksanaan fungsinya.

Bahagian IV Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pentadbir Parlimen dalam kalangan anggota Perkhidmatan Awam. Ketua Pentadbir Parlimen bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Parlimen dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Fasal 12 bertujuan untuk menghendaki kerajaan untuk memperuntukkan dana tahunan yang mencukupi bagi Perkhidmatan Parlimen dan membolehkan Majlis melaksanakan fungsinya.

Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi saraan dan faedah lain kepada anggota Perkhidmatan Parlimen.

Bahagian VI Fasal 14 bertujuan untuk memperkatakan obligasi kerahsiaan berhubungan apa-apa penzahiran maklumat atau dokumen di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan mana-mana anggota Majlis Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Rayuan. Mana-mana anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah akta ini yang dicadangkan atau mana-mana anggota Perkhidmatan Parlimen terhadap guaman dan prosiding undang-undang di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada mana-mana anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Rayuan, mana-mana anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah akta yang dicadangkan atau mana-mana anggota perkhidmatan.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Rayuan, mana-mana anggota Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah akta yang dicadangkan atau mana-mana anggota Perkhidmatan Parlimen hendaklah disifatkan sebagai Pekhidmat Awam menurut pengertian Kanun Keseksaan Akta 574 semasa menjalankan tugasnya.

Tan Sri Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berbahas dan kemudiannya memberikan sokongan dan juga cadangan terhadap rang undang-undang ini. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Saya mohon menyokong.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perkhidmatan Parlimen dan Majlis Perkhidmatan Parlimen, Pentadbiran Perkhidmatan Parlimen dan perkara lain yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya ada senarai pembahas. Senarai dia panjang. Tetapi, saya akan baca senarai ini sampai nombor 25. Jadi, kita cuba habiskan sampai 5.30 petang nombor 25 ini. Kalau tak, kita akan teruskan pada hari esoknya. Jadi, pertamanya YB Bukit Bendera, kemudian Jerlun, Selayang, Tasek Gelugor, Sri Aman, Besut, Bentong, Setiu, Gombak, Indera Mahkota, Jempol, Pangkalan Chepa, Batang Sadong, Sabak Bernam, Kluang, Parit Buntar, Tenggara, Padang Serai, Sri Gading, Machang, Petaling Jaya, Pasir Salak, Betong, Kuala Krai dan nombor 25 Sungai Petani.

Setiap pembahas diberikan masa selama lima minit. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera untuk memulakan perbahasan. Silakan YB.

4.09 ptg.

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen yang dihormati dan juga rakyat Malaysia yang dikasihi. Demokrasi perkataan yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu bermaksud rakyat *(demos)* dan juga *kratos* bermaksud pemerintahan. Jadi, merujuk kepada sistem pemerintahan di mana kuasa ditentukan oleh rakyat. Namun, demokrasi bukan sekadar hak untuk mengundi, ia juga melibatkan usaha memastikan institusi yang mewakili rakyat bebas daripada campur tangan luar dan juga menjamin kebebasan dan keadilan dalam proses pemerintahan.

Saya berdiri di sini bukan hanya sebagai Ahli Parlimen tetapi seorang yang percaya teguh terhadap keutuhan institusi ini dan juga menyuarakan sokongan penuh terhadap Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 yang saya yakin adalah satu inisiatif yang mampu mengembalikan autonomi Parlimen kita.

■1610

Jadi, RUU ini menandakan langkah yang penting dalam memperkukuh institusi Parlimen selaras dengan agenda reformasi institusi Kerajaan Madani. Selama ini, pentadbiran Parlimen ditentukan oleh kuasa di luar Dewan. Namun, rang undang-undang ini menetapkan duluan baharu iaitu mewujudkan perkhidmatan Parlimen, sebuah entiti berasingan yang membebaskan Parlimen daripada pengaruh luar, bebas daripada pengaruh retorik dan juga pengaruh politik, memastikan ia hanya bertanggungjawab kepada rakyat dan bukan kepada mana-mana kerajaan semasa.

Selain itu, penubuhan Majlis Perkhidmatan Parlimen adalah langkah penting ke hadapan diketuai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Majlis ini mengembalikan urus tadbir Parlimen kepada mereka yang dipilih untuk berkhidmat

di dalamnya. Jadi, ia bukan sekadar soal pentadbiran. Ia adalah tentang membangunkan semula kepercayaan terhadap demokrasi.

Namun, walaupun rang undang-undang ini adalah pencapaian yang besar, kita mesti jelas. Walaupun ia masih belum sempurna, ia merupakan sebuah akta hidup. Maka, terdapat beberapa penambahan baik utama yang perlu kita desak untuk memastikan ia menepati janjinya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rang undang-undang tidak menyatakan bagaimana empat Ahli Parlimen dalam MPP akan dipilih. Ia adalah kekurangan yang tidak boleh diabaikan. Kuasa memilih mesti terletak di tangan jawatankuasa pemilih bagi memastikan proses adil, telus dan juga berdasarkan merit. Jika perkara ini tidak diperjelaskan, kita berisiko membuka ruang untuk dengan izin, *cronyism* politik, sesuatu yang kita perlu elakkan.

Autonomi tanpa akauntabiliti adalah berbahaya. Ketika ini, tiada mekanisme pengawasan rasmi bagi Parlimen untuk memantau bagaimana MPP akan beroperasi setelah rang undang-undang diluluskan. Kita tidak boleh membiarkan Parlimen menjadi entiti tanpa kawalan walaupun dalam urusannya sendiri.

Jadi, solusinya adalah untuk menubuhkan jawatankuasa pengawasan bersama yang terdiri daripada anggota Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Jawatankuasa ini mesti memastikan bahawa MPP beroperasi dengan penuh ketelusan, mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa dan juga memastikan setiap Ahli Parlimen tanpa mengira parti ataupun kedudukan mampu bersuara, memberi suara dalam bagaimana Parlimen ditadbirkan.

Kerajaan bersilih ganti, pemimpin berubah. Tetapi, institusi Parlimen mesti kekal teguh. Oleh itu, kita memerlukan komitmen yang kukuh bahawa kerajaan masa depan akan menghormati dan juga menegakkan konvensyen Parlimen. Dewan Rakyat dan Dewan Negara mesti sentiasa terlibat dalam proses membuat keputusan utama. Di sini kita tidak boleh membiarkan mana-mana pentadbiran masa depan melemahkan autonomi Parlimen demi kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mewakili detik bersejarah bagi Malaysia. Walaupun belum sempurna penuh tetapi merupakan titik permulaan. Jadi, ia adalah peluang yang bagus untuk menyusun semula keseimbangan kuasa dan juga memastikan keberkesanan institusi dalam menjalankan fungsi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi, berbalik kepada persoalan tadi. Demokrasi bukan sekadar hak untuk mengundi tetapi ia juga melibatkan usaha memastikan institusi yang mewakili rakyat bebas dari campur tangan luar dan juga menjamin kebebasan dan keadilan dalam proses pemerintahan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menggulung, untuk *landing* sedikit.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Satu minit ya.

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]: Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, jangan sesekali kita lupa bahawa negara ini bukan sekadar tanah tempat kita

berpijak. Ia adalah warisan yang kita bina, masa depan kita perjuangkan dan juga harapannya mesti kita lindungi. Sebagai pemimpin dan juga wakil rakyat, kita berada di sini kerana rakyat telah memberi kepercayaan mereka, suara mereka, perjuangan mereka dan juga impian mereka.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul!

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]: Sebagai pemimpin dan wakil rakyat, kita berdiri di sini kerana rakyat telah memberikan kepercayaan mereka.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Reformasi!

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]: Tanggungjawab kita bukan kepada diri kita sendiri tetapi kepada rakyat. Jadi, di sini kita berhutang kepada mereka dan jika kita mahu memimpin, maka pimpinlah dengan wawasan dan juga tekad yang tidak tergoyah untuk menjadikan negara ini lebih kuat dari sebelumnya.

Demi Malaysia, kita harus menyokong RUU ini. Demi masa depan kita, demi masa depan anak-anak kita, kita harus menyokong RUU ini untuk mengukuh dan memperkasakan demokrasi. Hidup rakyat, hidup Malaysia! Dengan ini Bukit Bendera menyokong. Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Jerlun, lima minit.

4.15 ptg.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua, Jerlun juga mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025. Kita semua sedia maklum bahawa akta ini pernah diwujudkan sebelum ini iaitu *Parliamentary Services Act* (PSA) 1963 tetapi dimansuhkan pada tahun 1992 yang lalu. Ekoran pemansuhan tersebut, semua urusan Parlimen diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dipertanggungjawabkan kepada Menteri JPM (Hal Ehwal Parlimen). Kini, PSA dibentangkan semula pada hari ini untuk diluluskan dan diletakkan di bawah Parlimen sendiri.

Saya merujuk *Blue Bill,* fasal 2 – Perkhidmatan Parlimen. Fasal 2(2) dia menyebut perkataan *"Perkhidmatan Parlimen".* Tidak ada tafsiran tentang anggota perkhidmatan Parlimen. Lazimnya, setiap RUU mesti ada tafsiran. Seperti RUU PSA ini tak dinyatakan. Saya cadangkan dimasukkan tafsiran di bawah seksyen 2. Kedua, siapakah anggota Perkhidmatan Parlimen tersebut? Ketiga, adakah anggota Perkhidmatan Parlimen termasuk juga 222 orang Ahli Parlimen?

Merujuk fasal 3 – Majlis Perkhidmatan Parlimen. Fasal 3(2) menyebut tentang Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah terdiri daripada anggota yang seramai 11 orang itu. Baik. Persoalan saya di sini, apakah justifikasi diwujudkan jawatan pengerusi dan pengerusi bersama? Yang di-Pertua Dewan Negara, Pengerusi; Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Bersama. Tidak dinyatakan siapakah timbalan pengerusi.

Lazimnya, dalam mana-mana organisasi mempunyai timbalan pengerusi. Dewan Negara ada Yang di-Pertua Dewan Negara, ada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Dewan Rakyat ada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan ada dua Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tetapi, dalam RUU PSA 2025 ini tidak ada timbalan pengerusi diwujudkan jawatan pengerusi bersama.

Fasal 5 – Mesyuarat. Fasal 5(2) menyebut, *"Mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah dipengerusikan secara bersama oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat"*. Persoalan saya di sini, jika kedua-dua pengerusi dan pengerusi bersama hadir mesyuarat, siapakah yang akan mempengerusikan atau *lead* mesyuarat tersebut? Kedua, bolehkah pengerusi menyerahkan kepada pengerusi bersama yang hadir dan *lead* mesyuarat, sedangkan pengerusi hadir?

Fasal 5(3) disebut tentang kuorum Majlis Perkhidmatan Parlimen ialah tujuh orang. Tidak dinyatakan kehadiran pengerusi atau pengerusi bersama adalah wajib sedangkan fasal 5(1) menyebut, *"Mesyuarat perlu diadakan seberapa kerap yang perlu"*. Kalau tak disebut perkataan wajib, bagaimana nak laksanakan mesyuarat secara kerap? Kedua, jika kedua-dua pengerusi dan pengerusi bersama tidak boleh hadir mesyuarat, siapakah yang akan *lead* mesyuarat tersebut? Sebab tak ada timbalan pengerusi.

Fasal 3(2)(c) dan (d) ada Timbalan-timbalan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Tetapi, tak disebut secara nyata mereka boleh mempengerusikan mesyuarat jika pengerusi atau pengerusi bersama berhalangan hadir mesyuarat. Ini saya mohon penjelasan.

■1620

Satu perkara lagi, apakah matlamat RUU Perkhidmatan Parlimen ini dibentangkan? Tadi dibuat undi belah bahagi, ada yang bersetuju, ada yang tidak bersetuju. Tentu ada perkara yang berkaitan. Jika untuk pengasingan kuasa *(separation of powers),* dengan izin, dan kebebasan Parlimen, sepatutnya Fasal-fasal yang dimasukkan dalam RUU ini hendaklah juga menyentuh hak-hak Ahli Parlimen juga seperti keistimewaan dan peruntukan untuk semua Ahli Parlimen. Dalam RUU ini tidak disebut secara langsung, *specific*, dengan izin. Tidak ada di belakang *blue bill* ini senarai, tidak ada Jadual yang menyebut tentang peruntukan Ahli Parlimen. Oleh kerana RUU Perkhidmatan Parlimen ini hanya membincangkan perkhidmatan atau perjawatan pegawai dan kakitangan Parlimen sahaja, bukan Ahli Parlimen, saya mencadangkan RUU ini ditangguhkan dahulu sehingga hal ehwal berkaitan Ahli Parlimen dimasukkan secara nyata dan jelas. Barulah Jerlun boleh setuju dengan RUU ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Selayang, lima minit.

4.21 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada 148 Ahli Parlimen yang meluluskan pindaan Perlembagaan tadi, dengan itu memberikan ruang kepada kita untuk membahas RUU ini. Saya menyambut baik dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Speaker dan kerajaan yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025, yang mananya merupakan sebuah reformasi institut, penting bagi mengangkat nilai pemisahan kuasa yang merupakan asas bagi sebuah demokrasi yang sihat.

Ahli-ahli Parlimen sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara telah menunggu sekian lama bagi akta ini untuk dibentangkan semula sejak daripada pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1962 pada tahun 1992. Melalui RUU ini, saya percaya bahawa ianya akan mengangkat semula konsep pengasingan kuasa yang jelas di antara badan Legislatif dan badan Eksekutif. Di mana urusan perkhidmatan dan urus tadbir Parlimen serta kewangan akan dilaksanakan sendiri oleh Parlimen. Ini selanjutnya membolehkan Parlimen untuk bebas melaksanakan tugasnya sebagai satu badan semak dan imbang kepada badan Eksekutif serta bebas menyuarakan pandangannya terhadap dasar, program dan polisi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Kedua, melaksanakan tugasnya dengan lebih cekap dan telus sebagai wadah suara rakyat melalui Ahlinya yang dipilih oleh rakyat. Oleh yang demikian, saya ingin menyatakan sokongan yang penuh terhadap semua peruntukan di dalam RUU ini. Akan tetapi saya ingin bertanya beberapa soalan bagi penjelasan Yang Berhormat Menteri, agarnya dapat direkodkan dalam Penyata Rasmi bagi rujukan masa hadapan. Saya juga di sini ingin memberikan beberapa cadangan untuk dimasukkan ke dalam peraturan agaknya dapat memperkasakan dan menguatkan lagi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ingin saya bangkitkan boleh dibahagi kepada dua iaitu berkenaan keperluan Majlis Perkhidmatan Parlimen untuk memenuhi autonominya sendiri bagi mendefinisikan, melantik serta merancang keperluan dan kehendak kakitangan. Kedua, kebebasan Majlis Perkhidmatan Parlimen secara dasarnya yang perlu dibentuk oleh Parlimen dan seterusnya, membuat keputusan serta dasar bagi kebaikan dan kepentingan Parlimen itu sendiri.

Merujuk kepada Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen ke-13 (bil.1) 2016, terdapat kegusaran pada waktu itu bahawa pembentukan perkhidmatan tertutup Parlimen akan menjejaskan kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran Parlimen. Hal ini kerana kekangan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan boleh berlaku sekiranya pegawai dan kakitangan sedia ada tidak dikekalkan di Parlimen bagi membantu dalam pengurusan dan pentadbiran di Parlimen Malaysia. Oleh yang demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Parlimen yang akan memilih dalam sistem hybrid untuk masuk perkhidmatan Parlimen dengan memberikan penuh dedikasi kepada memastikan demokrasi Parlimen diamalkan dengan baik melalui

badan perundangan yang berautonomi. Ini menjadi satu misi kepada generasi kakitangan yang baru yang memberikan dedikasi mereka kepada amalan demokrasi tanpa memihak kepada parti politik dengan cara meningkatkan tahap demokrasi negara kita.

Oleh yang demikian, saya memahami langkah kerajaan untuk tidak memasukkan peruntukan yang jelas bagi mendefinisikan secara tepat apa yang dimaksudkan dengan Perkhidmatan Parlimen di seksyen 4(1). Saya meminta satu minit lagi, bahawa peraturan perlu diadakan untuk menetapkan dengan secara terperinci pelbagai perkhidmatan yang perlu diadakan di dalam perkhidmatan Parlimen, juga peraturan tentang mekanisme untuk cadangan dan juga belanjawan supaya kita dapat mengekalkan konsep bahawa Parlimen akan menjaga kewangan mereka dan akhirnya, untuk mengadakan laporan tahunan yang dibentangkan kepada Dewan ini supaya ini adalah *transparent* kepada semua. Sekian, terima kasih. Saya sokong dengan penuhnya.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tasek Gelugor. Lima minit Yang Berhormat.

4.27 ptg

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]: Terima kasih Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Hari ini kita membahaskan satu rang undang-undang yang dinamakan sebagai Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025. Ini ialah lanjutan daripada kelulusan yang diberikan kepada pindaan Perlembagaan sekejap tadi. PSA ini sedang cuba untuk dilabelkan sebagai satu reformasi yang besar yang dilakukan oleh kerajaan ini. Tetapi sebenarnya Yang di-Pertua, kalau kita fikir betul-betul, sebenarnya tidak ada apa-apa *reform* yang terlalu *significant* pun dalam akta ataupun rang undang-undang yang dibawa ini.

Kalau dikatakan bahawa rang undang-undang ini adalah satu perkara penting untuk memisahkan antara Legislatif dan Eksekutif. Kalau kita lihat dalam akta ini, ini adalah mengenai perkhidmatan dalam Parlimen. Ini bukan- tidak menjelaskan secara *detail* bagaimana fungsi-fungsi itu akan benar-benar dapat dibebaskan atau dipisahkan antara dua badan ini. Kalau kita lihat juga dari segi struktur yang disusun melalui rang undang-undang ini, sekarang ini masih didominasi oleh wakil-wakil daripada pihak kerajaan.

Pertama, kita lihat yang secara jelasnya, Ketua Pembangkang tidak dilibatkan secara rasmi dalam Majlis yang hendak dibentuk. Ini satu kelompongan yang perlu diperbetulkan segera kerana Ketua Pembangkang adalah ketua kepada kami yang duduk dalam barisan pembangkang ini dan kalau dalam tradisi *Westminster,* itu adalah *shadow Prime Minister*. Bagaimana mungkin satu jawatan yang sepenting itu tidak dimasukkan dalam Majlis yang dibentuk melalui rang undang-undang ini.

Begitu juga dalam rang undang-undang ini dan juga dalam Pindaan Perlembagaan sebentar tadi, tidak memperjelaskan bagaimana kita hendak memperkukuhkan peranan Parlimen sebagai badan semak imbang kepada kerajaan. Cuba kita lihat proses-proses yang ada dalam Parlimen. Pertama sekali, perbahasan kita hari ini. Yang di-Pertua, saya hendak

tanya betul-betullah pandangan Yang di-Pertua sekalipun, ada faedah ke kita bahaskan ini, Yang di-Pertua? Kalau disebut oleh Selayang tadi, saya dengar apa yang Selayang sebut. Bagus cadangannya. Berapa perkataan yang akan dipinda daripada rang undang-undang pada hari ini? Mana dia peranan Parlimen untuk benar-benar membantu proses-proses Legislatif dan menjadi semak imbang kepada kerajaan? Itu belum lagi kita sebut mengenai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (*Select Committee*) yang kita ada. *It reflects the composition of the* Dewan. Bagaimana mungkin sebuah badan yang mencerminkan komposisi Dewan boleh menjadi semak imbang yang baik kerana bilangan yang ada dalam Dewan sama dengan yang ada dalam JKPK.

■1630

Sepatutnya kalau nak jadi semak dan imbang, JKPK itu majoritinya mestilah daripada pembangkang. Tidak boleh mencerminkan komposisi dalam Dewan. Sebab, kalau mencerminkan komposisi Dewan, maksudnya cengkaman itu masih lagi daripada badan eksekutif.

Kita bercakap lagi — kalau kita nak ambil contoh, banyak. Saya tengok masa tinggal dua minit sahaja ini. Kalau kita nak sebut lagi mengenai prosedur-prosedur di Parlimen, prosedur-prosedur macam akta inilah contohnya, boleh *bulldoze* sebegitu sahaja. Ini tidak melambangkan reformasi sebenar yang kita hendak berlaku dalam Dewan sekiranya kita bercakap mengenai reformasi institusi.

Tadi Ahli Parlimen Bangi menyebut, dia memetik satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh gabungan NGO-NGO. Jadi, Bangi tak boleh nak jawab hari ini. Jadi, saya nak petik sepenuhnya *statement* tadi sebab Bangi tadi dia petik separuh sahaja. Dia petik bahagian atas yang mengatakan menyokong. Sebenarnya di bahagian bawah itu diberikan lima syarat kalau sekiranya rang undang-undang ini hendak disokong oleh Ahli-ahli Parlimen.

Lima syarat itu panjanglah kalau nak baca, tetapi *paragraph* terakhir yang gagal disebut oleh Ahli Parlimen Bangi tadi berbunyi...

> "*If the Prime Minister and the Law Minister are unable to give these clarifications and commitments on record, it is entirely appropriate and necessary for the MPs to push for the Parliamentary Service Bill 2025 to be referred to a specially set up parliamentary select committee on the consideration of the bill, so that the amendments to correct the gaps and weaknesses in the bill can be made*."

Maksudnya, *statement* tadi yang dipetik oleh Ahli Parlimen Bangi tadi untuk menyokong pindaan Perlembagaan dan rang undang-undang ini sebenarnya mengatakan bahawa rang undang-undang ini boleh disokong secara bersyarat. Syaratnya ialah Menteri dan Perdana Menteri mesti memberi komitmen ke atas lima prasyarat ditentukan oleh masyarakat sivil. Kalau tidak berikan komitmen, maka rang undang-undang ini mestilah dirujuk kepada satu jawatankuasa yang ditubuhkan secara khas untuk membincangkan rang undang-undang ini sahaja, bukan mana-mana JKPK. Dia mesti khusus untuk membincangkan rang undang-undang ini.

Sebab, proses libat urus yang dilakukan oleh kerajaan ada kelompongan yang amat besar. Kita Ahli-ahli Parlimen ini berapa kali dipanggil untuk libat urus dekat bawah, dekat Dewan Bankuet itu? Berapa kali kita dengar betul-betul libat urus? Biasanya dah *print* dah *booklet* ini baru panggil untuk taklimat. Bukannya libat urus. Libat urus sebelum dicetak. Kita kena panggil untuk libat urus, tanya pandangan, ambil pandangan, perbetulkan apa yang tak betul dan kemudian baru dicetak untuk dibentangkan.

Akan tetapi, yang dipanggil...

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Yang Berhormat, satu minit. Satu minit lagi ya. Tolong gulung.

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]: Ya. Yang dipanggil kita adalah semata-mata untuk sesi taklimat. Tidak ada libat urus yang baik. Dan *stakeholders* yang penting dalam akta-akta atau rang undang-undang seperti ini adalah parti-parti politik. Tidak ada parti politik di sebelah pembangkang, yang saya tahu, yang dipanggil untuk libat urus yang serius oleh pihak kerajaan. Di pihak kerajaan, saya tak pastilah betul ada dipanggil atau tidak. Tadi berdegar-degar menyokong. Saya tak pasti berapa orang yang betul-betul dipanggil untuk libat urus sampai berdegar-degar sokong sebegitu sekali.

Jadi, Yang di-Pertua, bagi saya, akta ini sebenarnya bukan reformasi yang dituntut oleh rakyat. Nak sokong, sokonglah, tetapi dia bukan perkara yang boleh dilabelkan sebagai *the mother of reform.* Ini adalah satu tanda bahawa kerajaan ini masih lagi meneruskan budaya kerajaan yang tak *perform* pun sebenarnya dalam nak meluluskan dan membawa akta-akta ke Dewan ini.

Saya harap supaya kita betul-betul fikir sebelum melabelkan sesuatu sebagai reformasi yang begitu besar. Kita fikir betul-betul, adakah ia melambangkan *reform* yang kita betul-betul hendak sebagai Ahli-ahli Parlimen muda, termasuklah juga Yang di-Pertua kita. Yang Ahli-ahli Parlimen muda yang hendakkan negara kita berubah ke arah yang lebih baik, *insya-Allah*.

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih, Yang Berhormat Tasek Gelugor. Banyak kali sebut Yang Berhormat Bangi. Dia tak ada dalam Dewan bawah itu... *[Ketawa]* Baiklah. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Sri Aman sebagai pembahas seterusnya.

4.34 ptg.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya amat teruja untuk membahaskan RUU ini kerana setelah hampir 33 tahun, Tuan Yang di-Pertua, iaitu selepas pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 pada tahun 1992, kita tidak ada undang-undang yang memberi kuasa mutlak kepada Parlimen untuk bebas dalam mengurus perkhidmatan institusi itu sendiri. Ini menampakkan sistem demokrasi negara ini semacam tidak lengkap, Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita mengamalkan sistem demokrasi Parlimen berperlembagaan di mana Parlimen itu menjadi institusi yang terpenting dan juga institusi yang membentuk kerajaan.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, pengasingan kuasa di antara perundangan, eksekutif dan kehakiman di negara kita selama ini semacam telur separuh masak ataupun telur setengah masak, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana perundangan ataupun Parlimen tidak ada kebebasan selama ini. Institusi Parlimen bergantung sepenuhnya kepada eksekutif seperti agensi kerajaan yang lain iaitu sebagai suatu perkhidmatan awam am persekutuan di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri.

Walhal, Tuan Yang di-Pertua, semua undang-undang di negara ini digubal di Parlimen. Tanpa proses penggubalan tersebut dan tanpa kelulusan oleh Parlimen, semua undang-undang di negara ini tidak akan ada dan ini juga termasuk kelulusan bajet seperti gaji, perbelanjaan, pembangunan negara dan sebagainya.

Parliament are the law makers, dengan izin, tetapi anehnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana institusi Parlimen itu sendiri tidak bertaring. Maksud saya, tidak bebas dalam menentukan perkhidmatan Parlimen itu sendiri. Semua ini memang pelik dan janggal, Tuan Yang di-Pertua.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, langkah mewujudkan RUU ini amat penting bagi mengukuhkan sistem demokrasi dan pentadbiran kerajaan sekali gus memberi autonomi kepada Parlimen dalam tata urus institusi perundangan tertinggi negara tanpa campur tangan eksekutif membolehkan Parlimen melaksanakan tugas dengan bebas dan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan yang diamalkan oleh negara kita adalah sistem yang cukup baik dengan pengasingan kuasa sebagai *check and balance*, menghalang mana-mana cabang kerajaan iaitu peringkat perundangan, eksekutif dan kehakiman daripada mempunyai kuasa yang berlebihan ataupun *accumulating excessive power*, Tuan Yang di-Pertua. Maka, harapan saya, dengan lulusnya RUU ini nanti akan melambangkan demokrasi di negara ini betul-betul sihat dan matang.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa RUU ini masih perlu diperhalusi dan ditambah baik. Tetapi, setidak-tidaknya kita *at least for a start*, Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang yang hidup memartabatkan Parlimen sebagai sebuah institusi bebas dan berautonomi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan RUU yang dibentangkan ini, saya cuma ada tiga perkara yang saya rasa penting untuk saya bangkitkan dalam perbahasan saya kali ini.

Pertama, berkenaan dengan keanggotaan Majlis Perkhidmatan Parlimen. Saya cadangkan supaya wakil dari Dewan Negara ditambah dari dua orang ke empat orang dan Ahli Dewan Rakyat dari empat orang ke enam orang, tidak kiralah dari sebelah sana ataupun sebelah sini. Cadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengambil kira Majlis Perkhidmatan Parlimen ini terdiri dari mereka-mereka yang memang sudah mempunyai tanggungjawab tersendiri seperti Speaker, Timbalan Speaker, SUDN, SUDR, Ahli Senat, Ahli Dewan Rakyat dan sebagainya. Dengan ditambah lagi tanggungjawab, fungsi dan kuasa sebagai Ahli Majlis MPP, akan bertambahlah dan berat lagilah tanggungjawab mereka.

Atas sebab-sebab tersebut Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Dewan Negara dan Dewan Rakyat harus ditambah bagi mengurangkan bebanan kerja Majlis Perkhidmatan Parlimen ini agar Majlis ini kelak boleh berfungsi dengan penuh kemantapan, efektif dan efisien.

Selain itu, sebagai sebuah institusi perundangan yang membuat keputusan kepada dasar-dasar negara, Parlimen juga wajar menjadi *role model*, seperti melaksanakan apa yang kita perjuangkan di Parlimen ini, mendukung 30 peratus penglibatan wanita dalam membuat keputusan. Maka, komposisi Majlis Perkhidmatan Parlimen harus mengambil kira semua ini iaitu penglibatan wanita. Semua ini akan melambangkan keadilan, kesaksamaan selari dengan suara lantang yang sering didengar menegakkan semua ini di Dewan yang mulia ini.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan kakitangan perkhidmatan Parlimen. RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 memperkenalkan modul hibrid dalam pentadbiran dan pengurusan keseluruhan Parlimen yang bertujuan untuk memastikan keseimbangan dan kepakaran khusus dalam pengurusan Parlimen dan kecekapan pentadbiran operasi.

Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat beberapa hari lalu menyatakan dalam sebuah sidang media, kalau tak silap saya, bahawa tinjauan telah diadakan di kalangan kakitangan Parlimen di mana, kata beliau, hanya 33 peratus kakitangan bersetuju untuk kekal dalam perkhidmatan Parlimen kerana laluan kerjaya dalam perkhidmatan Parlimen agak terhad.

Oleh yang demikian, wajar sekali kebajikan dan kemudahan kakitangan di bawah perkhidmatan Parlimen, tawaran gaji dan lain-lain dapat dikaji. Kalau boleh, tawarkan gred yang lebih tinggi kerana mereka adalah profesional dalam bidang khusus ini.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Yang Berhormat, satu minit ya. Satu minit lagi, Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Bagi saya sedikit masa, Yang Berhormat.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Ya, satu minit.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Bagi memotivasikan mereka yang setia dalam perkhidmatan Parlimen dan memastikan Parlimen tidak kehilangan tenaga kerja mahir.

■1640

Ketiga, Yang Berhormat — saya akan *landing* selepas ini. Dengan lulusnya RUU ini kelak, maka autonomi Parlimen akan dikembalikan khususnya dalam aspek pentadbiran. Pengurusan Sumber Manusia dan juga kewangan yang membolehkan Parlimen berfungsi sebagai institusi legislatif yang bebas tanpa bergantung kepada kelulusan kerajaan secara langsung.

Walau bagaimanapun, kuasa yang terlalu luas, Tuan Yang di-Pertua, tanpa mekanisme pemantauan boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa (*abuse of power*) terutama apabila melibatkan dana Parlimen tanpa kawalan yang telus yang – dan

ketelusan yang mencukupi. Keputusan pentadbiran yang tidak selari dengan kepentingan awam akan tetapi kepada kepentingan politik tertentu dan sebagainya.

Oleh yang demikian, amat perlu diadakan mekanisme pengauditan, Tuan Yang di-Pertua, termasuk mewajibkan laporan tahunan dibentangkan di Parlimen. Juga mengadakan kod etika dan tatakelakuan yang ketat bagi ahli-ahli Jawatankuasa Pentadbiran Parlimen termasuk kakitangan di bawah Perkhidmatan Parlimen untuk mengelakkan salah guna kuasa. Cadangan ini saya utarakan dengan harapan ianya dipertimbangkan agar institusi Parlimen betul-betul melambangkan kemuliaan, keadilan, integriti dan bermaruah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata itu, Sri Aman mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Besut. Lima minit, YB.

4.41 ptg.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 ini sebenarnya kerajaan hari ini telah mendakwa rang undang-undang ini sebenarnya mengukuh doktrin pemisahan kuasa antara legislatif dan juga eksekutif serta menjadikan Parlimen sebagai badan legislatif yang bebas. Namun, saya katakan bahawa RUU ini tidak lebih daripada satu percubaan untuk mengaburi mata rakyat dengan slogan reformasi sedangkan ia masih mengekalkan dominasi eksekutif ke atas Parlimen, okey.

Contohnya – jadi saya katakan bahawa akta perkhidmatan ini mampu membebaskan institusi Parlimen daripada kawalan eksekutif. Hakikat ini hanyalah saya rasakan hanya retorik politik semata-mata. Kita semua sedia maklum bahawa eksekutif masih memegang kuasa penuh dalam menentukan pelantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Jadi, selagi sistem ini tidak diubah, bagaimana Parlimen boleh dikatakan bebas dan tidak dipengaruhi oleh pihak kerajaan? Itu eksekutif. Jadi, lebih menyedihkan di bawah pemerintahan sekarang buat pertama kali dalam sejarah, seorang individu tanpa sebarang latar belakang perundangan dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan kesannya amat jelas dengan insiden-insiden yang mencabar perlembagaan dan juga Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Kita telah menyaksikan bagaimana tafsiran undang-undang dan juga keputusan dibuat tanpa asas yang kukuh dan kadangkala bercanggah dengan peraturan yang telah lama menjadi rujukan dalam institusi Parlimen. Ini membuktikan bahawa pelantikan berdasarkan kepentingan politik boleh menjejaskan kredibiliti serta integrasi institusi tertinggi negara ini.

Sekarang di bawah RUU Perkhidmatan Parlimen, kuasa pentadbiran dan juga pengurusan Parlimen diletakkan di bawah Yang di-Pertua Dewan yang dilantik oleh kerajaan eksekutif sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa RUU ini tidak membawa kebebasan sebenar kepada Parlimen sebaliknya hanya mengukuhkan cengkaman kerajaan terhadap institusi.

Oleh itu, kita – pihak kami mendesak supaya peruntukan khas diwujudkan bagi memastikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara hanya boleh dilantik daripada kalangan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan dan guaman seperti Tuan Speaker sekarang. *[Ketawa]* Malah, lebih wajar sekiranya kelayakan Yang di-Pertua Dewan juga setaraf dengan syarat pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan atau pun mantan Hakim Mahkamah Persekutuan yang telah dilantik sebelum ini dalam kerajaan 22 bulan. Boleh buat pula, ya. Tapi kenapa yang ini tak buat?

Jadi, memastikan Parlimen dipimpin oleh individu yang benar-benar memahami prinsip keadilan dan pematuhan kepada undang-undang negara. Jadi, justeru selagi reformasi yang sebenar tidak dilakukan, saya boleh katakan bahawa RUU ini tidak lain hanyalah helah politik untuk mengekalkan dominasi eksekutif terhadap Parlimen.

Saya juga ingin merujuk kepada peruntukan seksyen 23(3), seksyen 63 dan seksyen 78 di mana Yang di-Pertuan Agong diletakkan dalam situasi di mana baginda perlu berunding dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen (MPP) sebelum boleh membuat sebarang ketetapan. Jadi, persoalan saya, adakah ini bermakna kuasa eksekutif baginda dalam hal ehwal Parlimen kini dibatasi oleh satu badan yang dikawal oleh parti pemerintah? Ini seolah-olah menjadikan Yang di-Pertuan Agong sekadar dia – okey.

Jika benar RUU ini bertujuan untuk mengembalikan autonomi Parlimen, mengapa peranan Yang di-Pertuan Agong dikurangkan dan terikat dengan perundingan dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen? Bukan keputusan sendiri. Bukankah ini sebenarnya melemahkan doktrin Raja Berperlembagaan dan juga kedudukan institusi tertinggi negara?

Seterusnya, persoalan yang lebih membimbangkan adalah adakah draf rang undang-undang ini mampu mengekang amalan kronisme dan juga nepotisme? Sebagai contoh, telah berlaku di Dewan kita sendiri pelantikan anak sebagai anggota Perkhidmatan Parlimen. Ini adalah satu konflik kepentingan yang jelas tetapi tiada mekanisme dalam RUU ini yang boleh menyekat atau menghalang perbuatan sebegini daripada terus berlaku.

Lebih membimbangkan lagi, Yang di-Pertua, apakah yang boleh menghalang Majlis Perkhidmatan Parlimen ini daripada melantik ahli-ahli dan penyokong parti pemerintah sebagai anggota serta kakitangan Perkhidmatan Parlimen. Tanpa sebarang peruntukan yang tegas, yang jelas mengenai meritokrasi dan juga ketelusan dalam pelantikan, Parlimen berisiko menjadi pusat pemerkasaan politik satu pihak dan juga bukannya institusi yang bebas.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: YB, satu minit, ya. *Landing*, *landing.* Satu minit.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Saya melihat RUU ini juga memberikan kuasa besar kepada Yang di-Pertua Dewan namun gagal mewujudkan mekanisme semak dan imbang yang boleh menghalang sebarang penyalahgunaan kuasa. Tanpa kawalan yang jelas, apakah jaminan – soalan saya, jaminan bahawa Yang di-Pertua Dewan tidak akan menyalahgunakan kuasa ini untuk kepentingan politik. Dan saya ingin –

sedikit penting, ya. Saranan saya. Jadi, kemungkinan berlaku dengan peruntukan ini, RUU ini iaitu kemungkinan berlaku ketidakcekapan pengurusan.

Parlimen perlu membina kapasiti sendiri untuk mengurus tenaga kerja dan juga pentadbiran yang mungkin mengambil masa dan juga perlu ada sumber tambahan. *Transition period* maksud saya. Apa akan berlaku dalam masa tersebut selepas akta diperkenalkan? Dan ianya berpotensi meningkatkan beban kerja serta memerlukan sistem pentadbiran baru yang lebih kompleks.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana sabar mendengar. Ketidakseimbangan kuasa. Jika tidak dikawal dengan baik, sistem baru ini boleh menyebabkan cabang legislatif menjadi terlalu bebas sehingga mengurangkan mekanisme semak dan imbang. Itu pula yang ditakuti, ya. Jadi, akhir kata, saya minta supaya ditangguhkan sementara, rujuk kepada mana-mana jawatankuasa dan kita tengok apa-apa keperluan yang mendesak. Okey, terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih, Yang Berhormat Besut. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Bentong, lima minit.

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak]: Tuan Speaker, boleh bagi saya dulu tak?

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Oh. Sekejap.

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Bagi laluan ke Gombak dulu.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Sekejap. Bentong, kemudian YB Gombak boleh bagi *note* dekat saya. Lepas Gombak – Lepas Bentong baru Gombak.

4.49 ptg.

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: *Sorry* ya, Gombak. Baik. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berdiri di persimpangan penting dalam usaha memperkukuhkan demokrasi berparlimen di Malaysia. RUU Perkhidmatan Parlimen yang dicadangkan ini merupakan satu langkah yang besar dalam memastikan Parlimen dapat berperanan sebagai institusi yang bebas dan berkesan dalam menggubal undang-undang demi kebaikan rakyat dan negara.

Ianya akan menatijahkan konsep pengasingan kuasa yang lebih jelas dan kukuh sebagai salah satu elemen demokrasi yang penting. Sejak pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 pada tahun 1992, Parlimen Malaysia telah kehilangan autonominya dari segi pentadbiran dan kewangan menjadikannya lebih bergantung kepada Jabatan Perdana Menteri dalam aspek perkhidmatan dan sumber kewangan.

■1650

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta jalan, Bentong.

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Okey, boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, terima kasih Bentong. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen (PAC) telah melawat ke Indonesia dan kami pernah berjumpa dengan Badan Akauntabilitas Keuangan Negara, Badan Pemeriksa Keuangan

Republik Indonesia dan Komisi Pemberantasan Korupsi. Kami mendapati yang anggota suruhanjaya badan-badan berkanun ini dan juga, malah mereka punya Ketua Pengarah sebenarnya melalui – kerajaan membuka kepada publik untuk memohon dan lepas itu ditapis oleh ahli Parlimen.

Jadi, di Parlimen Indonesia, dia ada macam Jawatankuasa Pilihan Khas yang mana mereka tubuhkan, yang kesemua beberapa ratus permohonan itu, ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tapis dulu, lepas itu mereka juga melalui beberapa tapisan daripada pihak kerajaan, baru mereka dilantik. Saya hendak tanya Bentong sama ada setujukah sistem pemilihan jawatan penting yang tertinggi ini seharusnya ahli Parlimen juga diberi peranan.

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Seputeh. Boleh masukkan dalam ucapan saya. Baiklah, saya menyambung ucapan saya tadi. Akibatnya, mekanisme semak dan imbang terhadap eksekutif menjadi lemah. Oleh itu, pengenalan semula RUU Perkhidmatan Parlimen ini adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan MADANI yakni selari dengan amalan demokrasi yang lebih matang seperti yang diamalkan di negara-negara maju.

Malah, perwujudan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas yang melibatkan kesihatan, ekonomi, wanita dan kanak-kanak dan sebagainya serta mewujudkan *All-Party Parliamentary Group Malaysia* (APPGM) juga merupakan salah satu usaha untuk mengukuhkan fungsi Parlimen dalam menilai, membincang dan mengkaji permasalahan negara secara rentas parti.

Salah satu elemen penting di dalam RUU ini adalah dari sudut penstrukturan perjawatan Parlimen. Saya setuju agar ianya dapat ditambah baik, agar dapat melindungi pegawai Parlimen daripada campur tangan eksekutif yang boleh mengganggu gugat peranan Parlimen untuk bertindak secara neutral dan rentas parti. Malah, pengenalan semula perkhidmatan Parlimen ini secara model hibrid iaitu pengurusan sumber manusia, pentadbiran dan kewangan Parlimen yang akan dikendalikan oleh pegawai perkhidmatan awam.

Manakala pengurusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, termasuklah hal ehwal urusan Jawatankuasa Pilihan Khas akan dikendalikan oleh anggota perkhidmatan Parlimen merupakan satu usaha yang baik untuk mengatasi kebimbangan ramai pegawai Parlimen mengenai perjalanan kerjaya dan juga faedah-faedah lain dalam perjawatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan dasar dan undang-undang yang digubal adalah berdasarkan kajian yang kukuh, RUU ini membolehkan Majlis Perkhidmatan Parlimen memanggil pakar luar sebagai rujukan dalam membuat keputusan mengenai perjawatan, urusan Dewan, pentadbiran dan juga kewangan. Parlimen yang berkesan juga memerlukan bajet yang stabil dan mencukupi. Oleh itu, saya berharap agar ia ditetapkan dengan jelas di dalam RUU agar mengelakkan Parlimen daripada bergantung kepada budi bicara eksekutif dalam mendapatkan dana.

Misalnya, dalam seksyen 12 hanya menyatakan, "*Kerajaan hendaklah mengadakan dana yang mencukupi bagi perkhidmatan Parlimen setiap tahun untuk membolehkan Majlis*

Perkhidmatan Parlimen melaksanakan fungsinya di bawah akta ini." Ini sudah tentu tidak cukup untuk memberikan autonomi penuh kepada Parlimen bagi menentukan kewangan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Parlimen yang lain pun ada bangkitkan sebelum ini berkenaan keperluan untuk menambah bajet ataupun dana untuk jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas ini. Kita sangat memerlukan penambahan staf dan sokongan kajian yang mencukupi. Ini termasuklah kos-kos bagi lawatan-lawatan kerja dan koordinasi dengan pakar-pakar dalam bidang tertentu. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Satu minit, YB Bentong.

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Baik. Saya juga ingin menekankan bahawa keperluan ini untuk mewujudkan jawatankuasa bersama melibatkan kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mana keahliannya diwakili oleh kedua-dua pihak kerajaan pembangkang yang mana jumlah mengikut konvensyen Parlimen sedia ada. Ini bagi memastikan, semak dan imbang terhadap segala keputusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan kewangan.

Akhir sekali, saya ingin membangkitkan bahawa Bahagian Penyelidikan Parlimen juga memerlukan tambahan kewangan yang mencukupi untuk menambahkan jumlah staf dan kualiti penyelidikan. Setakat ini, jumlah penyelidik termasuk kakitangan perpustakaan hanyalah 15 orang sejak tahun 2005. Ini jumlah yang jauh beza sekiranya jika dibandingkan dengan Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat di Parlimen United Kingdom yang dibahagikan kepada dua perpustakaan Parlimen – di *House of Commons* dan di *House of Lords.*

Perpustakaan Parlimen di *House of Commons* sahaja punyai 80 orang penyelidik yang bertanggungjawab untuk mendukung peranan ahli-ahli Dewan. Manakala di Parlimen Australia pula, terdapat 75 orang penyelidik yang dibahagikan kepada tujuh seksyen yang berlainan seperti:

(i) Ekonomi;
(ii) Hal Ehwal Antarabangsa, Keselamatan dan Pertahanan;
(iii) Undang-undang dan Rang Undang-undang;
(iv) Politik dan Pentadbiran Awam;
(v) Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Sumber Polisi dan Sumber;
(vi) Polisi Sosial; dan
(vii) Statistik dan Pemetaan.

Jadi, setakat ini sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat menghantar *request* dengan izin, untuk mendapatkan analisa atau untuk mendapatkan maklumat tertentu, perlu menunggu sehingga tiga hari untuk mendapatkan maklum balas yang lengkap. Mungkin kerana, kekangan sumber tenaga dan juga bahan rujukan untuk membuat kajian.

Oleh itu, sekiranya mereka diperkasakan dengan kakitangan dan sumber kewangan yang mencukupi, ianya pasti akan dapat membantu Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan maklumat yang segera dalam masa kurang dari sehari. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, terima

kasih. Itu sahaja daripada Bentong. Dengan itu, Bentong menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Gombak.

4.56 ptg.

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak]: Terima kasih Speaker Dewan dan juga seluruh ahli Dewan sekalian. Gombak ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan dalam satu usaha rang undang-undang yang mampu membawa Malaysia ke hadapan dengan lebih progresif dan Parlimen kita akan dihormati selepas ini.

Apa pun, saya ingin mengimbas inilah antara butiran yang telah saya kemukakan pada 20 Februari 2023, apabila kali pertama saya berucap selaku ahli Parlimen, menggesa agar Parlimen mengemukakan satu Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen ataupun mengembalikan semula Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 sebagaimana sebelum tahun 1992 bagi memastikan ruang lingkup Parlimen ini dihormati dan kedudukan Parlimen sebagai satu badan pembuat dasar dan juga pembuat undang-undang negara terus mendapat tempatnya ataupun kedudukannya yang dihormati.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya banyak perkara dibangkitkan yang menjurus kepada kekurangan-kekurangan yang berlaku. Namun begitu, saya percaya ini adalah pembuka ruangan dan jalan yang besar kepada Parlimen Malaysia untuk menetapkan dasar dan hala tujunya sendiri.

Kita bermula dengan penubuhan yang dipanggil sebagai Majlis Perkhidmatan Parlimen dan Majlis ini sebagaimana komitmen yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan yang awal tadi, adalah untuk menetapkan adanya dwifungsi, adanya kewujudan daripada kedua-dua pihak walaupun daripada segi jumlah dan sebagainya masih lagi dipertikaikan oleh ahli-ahli pembangkang dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, ini adalah satu permulaan yang baik untuk kita memastikan perkhidmatan serta pengurusan Parlimen itu dikawal sepenuhnya oleh Speaker yang kemudiannya ada wakil *opposition* atau wakil daripada pembangkang untuk menetapkan dasar-dasar tersebut.

Dasar-dasar tentang pemilihan pakar, dasar-dasar tentang rujukan dan ahli-ahlinya yang tersendiri dan sekali gus kita bermula dengan pentadbiran dan pengurusan Parlimen yang komited serta yang dapat dikawal sepenuhnya oleh Speaker dalam pentadbiran dan pengurusan yang tidak hanya bergantung kepada peruntukan daripada eksekutif.

So, kita mulakan dengan mengeluarkan dana eksekutif ini ataupun kawalan eksekutif terhadap pemilihan pegawai-pegawai ini dan ini adalah satu permulaan yang baik. Malahan saya percaya, selepas ini ia boleh dikembangkan kepada peraturan-peraturan tetap. Ia boleh dikemukakan pula tadi yang disebut tentang kewangan, tentang penyelidik dan banyak perkara-perkara lain yang boleh dikembangkan.

Justeru, saya percaya ini satu permulaan yang baik. Walaupun begitu, saya harap kerajaan boleh menetapkan satu rangka waktu atau jangka waktu bila masa yang sesuai untuk kita pastikan berapakah kos minima untuk kita laksanakan perjalanan Parlimen. Sekarang kita tidak ada dana yang jelas ataupun tidak ada peruntukan yang dijelaskan dalam rang undang-undang ini. Apa yang secukupnya, bagaimana untuk mentadbir, mengurus, membawa ahli-ahli jawatankuasa ke luar negara, bertemu dengan perwakilan luar, bertemu dengan mesyuarat dan perwakilan pakar dan pelbagai pihak lagi.

Justeru, saya juga merujuk supaya majlis ini juga boleh menjemput, bukan hanya sebagai ahli tetapi menjemput sebagai pakar rujuk. Dengan ahli-ahli pendidikan ataupun bekas-bekas Speaker, ataupun bekas-bekas ahli Parlimen supaya dapat memastikan majlis ini dapat benar-benar bertindak dengan baik dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan dimulakan dengan *human resource*nya, Yang Berhormat iaitu di kalangan pegawai-pegawai dan petugas-petugas. Bukan bermaksud, petugas-petugas sekarang tidak baik.

■1700

Namun begitu mereka kadang-kadang boleh dialih daripada satu jabatan ke jabatan yang lain atas arahan daripada pegawai-pegawai tertentu. Tetapi kalau ia bermula di Parlimen, biarlah dia membesar di Parlimen, menghayati semangat Parlimen dan mereka memahami tentang konsep pengasingan kuasa yang begitu akrab dengan sistem *Westminster Democracy.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Ahli Yang Berhormat sekalian, selepas itu saya percaya Majlis ini boleh berkembang kepada satu pembuat dasar serta perancang perancangan untuk memastikan kebajikan serta kedudukan Ahli Parlimen dapat dijaga dan diperoleh. Ini adalah peraturan induk ataupun ini adalah akta induk. Akta ini kemudiannya boleh berkembang dalam jawatankuasa tetap, dalam beberapa peraturan-peraturan yang telah digariskan pada masa hari ini dan masa depan, termasuk dalam memastikan suara daripada negeri-negeri dapat dijaga.

Sebagai contoh, perwakilan Senator pada hari ini. Saya juga menyambut baik kalau Dewan Negara dilibatkan sama kerana prinsip senator adalah untuk menjamin apa yang dikatakan suara negeri didengari. Namun begitu, dalam konsep dan kerangka yang sedia ada pada hari ini, negeri hanya dapat mewakilkan dua nama. Setiap negeri hantar dua nama tapi Persekutuan ataupun *Federal* ataupun eksekutif boleh menamakan lebih banyak nama daripada perwakilan-perwakilan negeri.

Justeru, semangat *Federalism* ataupun semangat Persekutuan itu sedikit terganggu daripada kewujudan Senat ataupun Ahli Dewan Negara yang kita ada pada hari ini yang mungkin perbahasannya agak baik dan dibincangkan dengan rinci tetapi adakah ia benar-benar mewakili hasrat negeri dan niat negeri ketika negeri menghantar perwakilannya kerana

ia telah dinaungi ataupun dilimpahi dengan perwakilan-perwakilan suara yang dicadangkan oleh kerajaan sedia ada. Ini yang saya maksudkan dalam perwakilan *The Senate*.

Justeru, saya percaya ini satu permulaan yang baik. Namun banyak perkara yang boleh dikembangkan dan pengembangan-pengembangan ini harus dilakukan bersama oleh seluruh Ahli Dewan demi menjamin kemuliaan Dewan. Saya menyokong Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu.

5.02 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada Setiu untuk turut serta dalam membahaskan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 ini.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini diperkenalkan dengan naratif bahawa ia merupakan satu langkah besar ke arah pemisahan kuasa antara legislatif dan eksekutif kononnya untuk menjadikan Parlimen sebuah institusi yang benar-benar bebas. Namun, apabila diteliti secara mendalam, dakwaan ini tidak lebih daripada sekadar retorik politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tiga perkara utama yang menjadi kelemahan besar dalam RUU ini. Pertama dari segi sudut peluang kemajuan kerjaya kakitangan Parlimen yang semakin terhad. Selain satu kesan utama daripada RUU ini adalah perubahan sistem perjawatan daripada perkhidmatan terbuka (*open service*) kepada perkhidmatan tertutup (*close service*) dengan izin.

Pada masa ini, pegawai dan kakitangan Parlimen berada di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi peluang kepada mereka untuk berpindah ke kementerian, jabatan atau agensi kerajaan yang lain. Ini membuka ruang kepada kakitangan untuk meningkatkan kemahiran dan mencapai kenaikan pangkat secara lebih fleksibel.

Namun dengan perubahan yang dicadangkan dalam RUU ini, kakitangan Parlimen tidak lagi boleh berpindah ke jabatan kerajaan yang lain. Bukan itu sahaja, jumlah jawatan yang terhad iaitu sekadar 300 orang menjadikan peluang kenaikan pangkat amat terbatas. Ini menyebabkan kakitangan mungkin terperangkap dalam satu struktur yang tidak memberi banyak pilihan untuk kemajuan kerjaya mereka.

Persoalan yang lebih besar, adakah kakitangan Parlimen — sesi libat urus diadakan dengan kakitangan Parlimen sebelum RUU ini digubal? Jika majoriti pegawai yang berpengalaman memilih untuk menolak tawaran menyertai perkhidmatan ini kerana kekangan kerjaya, Parlimen bakal kehilangan tenaga mahir yang amat penting. Adakah kerajaan sudah membuat kajian menyeluruh terhadap kesan jangka panjang perubahan ini. Jika tidak, maka RUU ini akan memberi lebih banyak keburukan kepada kakitangan Parlimen berbanding kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya maklum bahawa kerajaan telah mengumumkan bahawa dua wakil daripada blok pembangkang akan menganggotai Majlis Perkhidmatan Parlimen ini. Ini adalah satu perkembangan yang baik tapi ia masih belum mencukupi untuk memastikan mekanisme semak dan imbang benar-benar berkesan.

Pertama, dua wakil pembangkang ini hanyalah menjadi minoriti dalam MPP ini. Mereka tetap tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk mempengaruhi keputusan jika majoriti dalam MPP berpihak kepada kerajaan. Apakah jaminan kerajaan bahawa pandangan mereka akan diberi perhatian atau keputusan MPP tidak akan dibuat secara berat sebelah. Kedua, pembabitan pembangkang dalam jawatankuasa penting masih tidak diperincikan. Sebagai contoh, adakah wakil pembangkang akan diberikan tempat dalam Jawatankuasa Kenaikan Pangkat dan Jawatankuasa Tatatertib bagi memastikan tiada amalan pilih kasih dalam pelantikan kakitangan Parlimen. Adakah mereka akan terlibat dalam Jawatankuasa Rayuan bagi memastikan keadilan dalam sebarang tindakan tatatertib atau kenaikan pangkat pegawai Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir RUU ini, RUU Perkhidmatan Parlimen ini langsung tidak menyentuh isu peruntukan Ahli Parlimen walhal perkara ini adalah faktor utama dalam memastikan Parlimen dapat berfungsi dengan bebas dan berkesan. Ahli Parlimen tidak kira dari blok mana sekalipun sama ada kerajaan atau pembangkang adalah wakil rakyat yang dipilih secara sah dan melalui proses demokrasi. Kita semua maklum bahawa, di bawah Kerajaan MADANI hari ini, Ahli Parlimen pembangkang langsung tidak diberikan peruntukan pembangunan kawasan. Ini jelas bertentangan dengan prinsip demokrasi kerana Ahli Parlimen bukan hanya berkhidmat kepada penyokong parti mereka sahaja tetapi kepada seluruh rakyat di kawasannya.

Jika kerajaan benar-benar ikhlas melaksanakan reformasi bukan *reformati* ataupun *reforbasi*, melalui RUU ini, peruntukan Ahli Parlimen seharusnya bukan lagi dikawal oleh kuasa eksekutif. Ini kerana ia jelas bercanggah dengan prinsip pemisahan kuasa yang kononnya ingin ditegakkan dalam RUU ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya jemput Yang Berhormat Jempol.

5.07 ptg.

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan *Ramadhan Kareem*, selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Jempol yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Jempol melihat penggubalan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 ini sebagai suatu titik bersejarah yang mana kebebasan institusi Parlimen menjadi realiti, sesuai dengan konsep pemisahan kuasa di antara cabang kerajaan berasaskan sistem *Westminster.*

Tuan Yang di-Pertua, Jempol hanya fokus kepada tiga perkara iaitu yang pertama Skim Perkhidmatan Parlimen. Dengan RUU ini, Perkhidmatan Parlimen akan direalisasikan

menjadi suatu skim perkhidmatan berasingan daripada perkhidmatan awam di bawah akta ini. Bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatan awam Parlimen, pilihan diberikan kepada pegawai lantikan tetap iaitu Parlimen dan guna sama untuk berkhidmat di Perkhidmatan Parlimen atau kembali kepada ketua perkhidmatan asal.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian tinjauan pada 6 Februari hanya 33 peratus pegawai bersetuju kekal di perkhidmatan Parlimen manakala baki iaitu 67 peratus pegawai ingin kembali ke perkhidmatan asal mereka. Persoalan Jempol, apakah sebab utama ramai pegawai kerajaan tidak memilih untuk berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Parlimen? Seterusnya, apakah insentif yang akan ditawarkan atau langkah kerajaan bagi menarik minat lebih ramai pegawai kerajaan yang berbakat dan berkebolehan tinggi untuk memilih Skim Perkhidmatan Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Jempol menyentuh perkara kedua iaitu model hibrid dan juga kesan perkhidmatan tertutup. Jempol difahamkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan model hibrid yang mana urusan pentadbiran dikendalikan oleh pegawai perkhidmatan awam manakala pengurusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan dikendalikan oleh anggota perkhidmatan Parlimen.

Jempol ingin menyentuh Skim Perkhidmatan Parlimen yang akan menjadi suatu skim tertutup, berbeza dengan perkhidmatan awam. Dari segi jangka masa panjang, bagaimana kita boleh mengekalkan institusi Parlimen ini bersifat dinamik dan inovatif dalam keadaan anggota Perkhidmatan Parlimen yang skim tertutup yang mana para penjawatnya tidak terdedah kepada pengalaman daripada kementerian ataupun agensi kerajaan yang lain.

■1710

Seterusnya yang terakhir yang ketiga iaitu dari segi dana dan pengurusan kewangan. Tuan Yang di-Pertua, fasal 12 RUU ini memperuntukkan kerajaan hendaklah mengadakan dana mencukupi bagi Perkhidmatan Parlimen setiap tahun dan Majlis Perkhidmatan Parlimen mempunyai kuasa autonomi berkaitan pengurusan kewangan. Persoalan Jempol, berapakah anggaran dana tambahan yang diperlukan oleh Perkhidmatan Parlimen di bawah skim baru ini berbanding dengan perbelanjaan yang sedia ada? Apakah bentuk pembaharuan yang akan dilaksanakan dengan pertambahan dana tersebut? Seterusnya, apakah faedah atau kemudahan tambahan kepada Ahli Parlimen rentetan daripada sistem pengurusan kewangan di bawah Majlis Perkhidmatan Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua, Jempol berpandangan bahawa RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 ini adalah bertepatan pada masanya bagi mengembalikan kebebasan Parlimen, sekali gus membuktikan agenda Kerajaan Madani untuk melaksanakan reformasi institusi dengan pengasingan kuasa antara eksekutif, legislatif dan juga kehakiman dapat dilaksanakan. Jempol mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batang Sadong.

5.11 ptg.

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 yang sedang kita bahaskan pada hari ini. Akta ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuhkan institusi Parlimen Malaysia dan menjamin keberkesanan tadbir urus negara.

RUU ini juga merupakan satu langkah strategik yang boleh membawa perubahan besar dalam konteks tadbir urus dan kecekapan kerajaan dengan pemisahan kuasa dan kedudukan Parlimen yang lebih bebas daripada desakan politik. Ia akan mengangkat martabat Parlimen sebagai institusi penting dalam pengurusan negara.

Namun, untuk memastikan akta ini benar-benar berkesan, terdapat beberapa cadangan yang perlu dipertimbangkan. Salah satu aspek kritikal dalam memastikan keberkesanan Parlimen adalah dengan memberi autonomi kepada institusi Parlimen untuk berfungsi sebagai *resource person* yang bebas dalam menyediakan output berkualiti bagi setiap persidangan Dewan Rakyat.

Selain pembangunan pusat sumber Parlimen seperti yang digunakan ataupun diamalkan di beberapa negara, kita juga perlu mewujudkan ruang formal bagi penglibatan golongan profesional, pakar akademik dan pemain industri dalam menyokong Ahli Parlimen semasa persidangan. Setiap perbahasan dasar yang kompleks termasuk ekonomi, kesihatan, pendidikan, tenaga, keselamatan dan pembangunan mampan memerlukan pandangan pakar berasaskan data dan pengalaman lapangan.

Penglibatan profesional dalam perbahasan memastikan keputusan dasar lebih komprehensif, berfakta dan memenuhi keperluan rakyat serta mengurangkan kebergantungan kepada naratif politik, membolehkan keputusan dibuat secara rasional dan berdasarkan kajian kukuh.

Seterusnya, penambahbaikan peruntukan kewangan kepada Ahli Parlimen adalah penting bagi memastikan institusi Parlimen berfungsi dengan cekap. Peruntukan sedia ada perlu ditambah baik, lebih strategik dan telus agar pusat khidmat Parlimen dapat beroperasi dengan lebih efektif dalam berkhidmat kepada rakyat.

Majlis Perkhidmatan Parlimen harus diberi autonomi penuh dengan menguruskan peruntukan ini secara bebas daripada pengaruh eksekutif kerajaan bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan tanpa gangguan politik serta menjamin kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan.

Sebagai penghubung utama antara rakyat dan kerajaan, pusat khidmat Parlimen perlu memiliki kapasiti yang mencukupi untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja, melaksanakan inisiatif kerajaan secara lebih dekat dengan rakyat serta mengoptimumkan sumber dan infrastruktur agar beroperasi secara sistematik dan profesional.

Selain itu, penambahbaikan peruntukan juga wajar meliputi jawatankuasa pilihan khas Parlimen yang berperanan dalam meneliti dasar-dasar utama kerajaan termasuk belanjawan tahunan dan dasar strategik yang lain. Peruntukan yang mencukupi akan

memperkukuh kapasiti jawatankuasa ini dalam menjalankan program serta analisis mendalam, sekali gus memastikan ia berfungsi dengan lebih berkesan. Ini membolehkan penilaian yang lebih konkrit diberikan terhadap dasar-dasar penting mempertingkatkan ketelusan serta keberkesanan sistem legislatif negara.

Kita harus sedar bahawa pelaksanaan akta ini juga menghadapi cabaran terutamanya dalam suasana politik yang dinamik di mana terdapat risiko autonomi Parlimen di manipulasi untuk kepentingan politik. Oleh itu, pengawasan yang ketat perlu dilaksanakan bagi memastikan autonomi yang diberikan benar-benar memperkukuhkan sistem demokrasi. Majlis Perkhidmatan Parlimen harus berperanan sebagai badan penyelia bebas yang memastikan ketelusan, akauntabiliti dan profesionalisme dalam operasi Parlimen, termasuk menetapkan garis panduan operasi, mengurus peruntukan secara adil serta menyediakan laporan berkala untuk meningkatkan kepercayaan rakyat.

Selain itu, ia juga bertanggungjawab menyemai kematangan politik, memastikan perbahasan berasaskan fakta dan kepentingan rakyat bukan sekadar agenda politik. Institusi Parlimen yang bebas dan berwibawa bukan sahaja memperkukuh sistem legislatif tetapi juga memberi budaya politik yang lebih matang, konstruktif dan selaras dengan prinsip demokrasi.

Sebagai kesimpulan, RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 ini merupakan satu langkah ke hadapan yang dapat memperkukuh sistem tadbir urus negara dan meningkatkan keberkesanan serta kualiti institusi Parlimen. Saya menyeru semua Ahli Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan penuh kepada RUU ini demi masa depan Malaysia yang lebih baik. Dengan ini, Batang Sadong mohon untuk menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Sabak Bernam.

5.18 ptg.

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Saya bangun sekali lagi di Dewan yang mulia ini untuk turut membahaskan RUU Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan sebelum ini, yang dikenali sebagai Akta Perkhidmatan Parlimen, seterusnya meletakkan pengurusan Parlimen di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Perkhidmatan Parlimen ini diharapkan akan dapat membuka lembaran baharu dalam memperkukuhkan institusi Parlimen serta komitmen reformasi institusi ini melalui pemisahan kuasa di antara kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman. Selepas ini akan berlaku penubuhan apa yang disebut sebagai Majlis Perkhidmatan Parlimen (MPP) yang akan dianggotai oleh individu tertentu termasuk Ahli Parlimen kerajaan dan juga pembangkang. Ahli Parlimen bebas tak ada menganggotai.

Majlis ini berfungsi mengawasi semua perkara kewangan berhubung Perkhidmatan Parlimen, pembangunan serta melaksanakan program dan latihan berkaitan Perkhidmatan Parlimen bagi memartabatkan institusi Parlimen dianggap sebagai langkah utama dalam

memperkenalkan reformasi institusi yang komprehensif, mempunyai kuasa autonomi untuk menentukan dasar dan tadbir urus Parlimen itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya RUU ini diluluskan, saya mengharapkan tradisi menafikan peruntukan kawasan untuk Ahli Parlimen pembangkang turut dihapuskan. Malah ia hendaklah disegerakan di bawah pemegang taruh yang sepatutnya iaitu semua Ahli Parlimen sama ada kerajaan ataupun pembangkang secara sama rata dan sama rasa.

■1720

Walhasil dengan mekanisme seperti ini sahaja, rakyat akan melihat reformasi ini benar-benar terjadi. Kerana semua kawasan Parlimen mempunyai kekuatan dana kewangan yang sama untuk diagihkan kepada mereka. Sebaliknya, jika RUU ini diluluskan tanpa mengembalikan peruntukan kawasan kepada setengah Ahli Parlimen, termasuk Ahli Parlimen pembangkang, walhasil saya beranggapan ia sekadar puing-puing kenangan lalu dan mimpi-mimpi indah yang semua itu terkubur bersama waktu kerana secara islah iaitu tidak memperbaiki, memulih kepada keadaan yang lebih baik.

Bagi saya, usaha tiwikrama seperti ini iaitu usaha yang besar ini, bersungguh-sungguh seperti ini untuk mengembalikan kepentingan kami, Ahli Parlimen pembangkang. Kerana kami juga wakil rakyat yang dipilih secara sah dalam PRU yang mendukung demokrasi berperlembagaan. Ketiadaan peruntukan kawasan membuatkan kesenjangan yang semakin membengkak di kawasan dan negeri-negeri yang diwakili oleh pembangkang dan dihadapi kesukaran ini oleh rakyat jelata.

Saya bukan melahirkan prasangka, jauh sekali buruk sangka. Sekiranya peruntukan kawasan diberikan sama rata di kalangan Ahli Parlimen, tataan atau susunan aturan yang baik ini bermanfaat kepada rakyat. Kerana mereka akan mendapat layanan perkhidmatan Ahli Parlimen mereka dengan kepercayaan yang sama, tak kira kerajaan ataupun pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kebhinekaan ataupun kepelbagaian ragam soalan rakyat yang datang kepada kami, peruntukan Ahli Parlimen lah yang paling popular. Ia datang daripada penjawat awam, guru besar, pengetua, kontraktor, ibu tunggal, ibu yang tak tunggal, ada suami pun masih juga jumpa, golongan B40 dan sekalian rakyat yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka mengundi ketika PRU.

Saya tidak menolak 100 peratus pandangan orang lain. Ada yang meminta saya membuat usaha-usaha sampingan, seperti Muar menjadi model untuk mendapatkan wang berjuta-juta dan disalurkan kepada rakyat. Tetapi masalahnya, saya dengan Muar jauh bezanya. Muar muda dan *handsome*. Jadi, dia buat model dapat juta-juta. Kalau saya ini dengan perut yang boroi, ini model apa agak-agak yang sesuai? *[Ketawa]* Tetapi saya masih lagi sedia mempertimbangkanlah kalau ada syarikat luar yang nak ambil saya jadi model. Contohnya, model nak raya ini.

Dato' Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin]: Rugi syarikat itu.

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam]: Model serbuk kari kah? Ataupun serbuk kunyit kah? Kunyit tak mahulah. Nak kari. Jadi, satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam]: Apakah matlamat RUU Perkhidmatan Parlimen ini dibentangkan sebenarnya? Jika untuk mengasingkan kuasa dan kebebasan Parlimen, sepatutnya fasal-fasal yang dimaksudkan dalam RUU ini hendaklah juga menyentuh hak-hak Ahli Parlimen, juga seperti keistimewaan dan peruntukan yang sama untuk kami.

Dalam RUU ini, tidak disebut secara langsung perkara peruntukan untuk Ahli Parlimen tersebut. Oleh kerana RUU Perkhidmatan Parlimen ini hanya membincangkan perkhidmatan atau perjawatan pegawai dan kakitangan Parlimen sahaja, bukan Ahli Parlimen, saya mencadangkan agar RUU ini ditangguhkan dahulu sehingga hal ehwal berkaitan Ahli Parlimen dimasukkan secara nyata dan jelas. Barulah Sabak Bernam boleh bersetuju dengan RUU ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya jemput Yang Berhormat Kluang.

5.24 ptg.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Puan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 atau lebih dikenali sebagai PSA, dengan izin. Satu rang undang-undang yang dinantikan semua pihak dan boleh saya sifatkan di sini bahawa paling banyak diperkatakan. Bukan sahaja di kalangan Ahli Parlimen, kakitangan Parlimen, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi juga parti politik sejak lebih tahun 2018. Mana tidak, semua manifesto parti politik yang bertanding dalam PRU meletakkan kebebasan Parlimen atau memberikan autonomi kepada Parlimen sebagai salah satu manifesto utama dalam kerangka reformasi institusi negara.

Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Perpaduan, Kerajaan MADANI, pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mengambil langkah permulaan untuk membebaskan Parlimen ini semula selepas ia diletakkan menjadi sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri apabila Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 telah dimansuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 yang berkuat kuasa pada 20 November 1993.

Terus terang saya katakan, amat sedih apabila selaku Ahli Parlimen, saya terpaksa menerangkan kepada masyarakat di luar sana, terutamanya di peringkat antarabangsa, bahawa Parlimen yang mulia ini, Dewan yang mulia ini hanyalah sebuah jabatan di bawah JPM. Lebih sedih apabila melihat laman web JPM yang menyenaraikan Parlimen Malaysia sama seperti jabatan-jabatan yang lain.

Sedangkan hakikatnya, Parlimen ialah cabang legislatif. Sama kedudukannya dengan kerajaan daripada cabang eksekutif dan juga kehakiman. Inilah yang perlu diperbetulkan semula. Langkah permulaan ini atau *baby step*, dengan izin, saya menyatakan di sini, ini *baby step* yang diambil Kerajaan Madani. Ini adalah untuk membetulkan semula

segala kekhilafan yang berlaku 32 tahun lalu dengan memperkenalkan semula Rang Undang-undang PSA.

Puan Yang di-Pertua, walaupun diakui bahawa *blue bill* ini, PSA 2025 ini tidak memperincikan secara jelas apa yang akan berlaku apabila PSA ini mula berkuat kuasa, kecuali yang berkaitan dengan sumber manusia Parlimen itu sendiri. Namun, jika setiap kita di sini meneliti roh RUU ini, kita selaku Ahli Parlimen seharusnya berfikiran lebih jauh dan dapat menangkap apa yang hendak disampaikan pada Bahagian II, Perkara 3(1) mengenai penubuhan Majlis Perkhidmatan Parlimen dan Perkara 4(1), fungsi dan kuasa Majlis Perkhidmatan Parlimen ini. Kedua-dua ini harus dibaca sekali.

Majlis Perkhidmatan Parlimen ini adalah Jemaah Menteri untuk Parlimen sama ada kakitangannya, pegawainya hinggalah kepada Ahli Parlimen. Maksudnya, segalanya akan ditentukan oleh Majlis ini dan inilah rupa dan bentuk kebebasan yang kita di sini idamkan iaitu bebas daripada telunjuk pihak Eksekutif. Lebih penting, RUU PSA ini ialah cara kita, acuan kita, bukan berlandaskan apa yang telah dipraktikkan di negara luar sama ada United Kingdom, Australia, New Zealand atau India. Penting untuk kita sedar bahawa sistem pemerintahan Malaysia adalah demokrasi Raja Berperlembagaan, di mana Parlimen terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai Perkara 11(1), Ketua Pentadbir Parlimen. Saya faham pada permulaan ini, akta ini berkuat kuasa sudah tentu jawatan Ketua Pentadbir Parlimen adalah dalam kalangan anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Tetapi seharusnya apabila urusan pentadbiran, sumber manusia serta kewangan Parlimen sudah matang, seharusnya Ketua Pentadbir Parlimen ini datang daripada pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Parlimen, bukan Perkhidmatan Awam Am.

Saya rasa agak janggal jika anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan berterusan memegang jawatan Ketua Pentadbir Parlimen kerana individu ini masih tertakluk atau menjawat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) sebagai Ketua Perkhidmatan Pentadbir Parlimen kerana beliau memakai dua topi iaitu sebagai anggota Perkhidmatan Parlimen ketika menjalankan tugas sebagai Setiausaha Majlis Perkhidmatan Parlimen dan anggota Perkhidmatan Am Persekutuan sebagai Ketua Pentadbir.

Saya bimbang, jika kerajaan terlalu *rigid* dengan meletakkan klausa pada Perkara 11(1) itu, sampai bila-bilalah anggota Perkhidmatan Am Persekutuan terus menjadi Ketua Pentadbir Parlimen. Sedangkan kita seharusnya *empowered*, dengan izin, anggota Perkhidmatan Parlimen untuk menjadi Ketua Pentadbir Parlimen kerana ia adalah jawatan paling tinggi dalam Perkhidmatan Parlimen.

Puan Yang di-Pertua, saya mohon izin satu minit lagi untuk bawa dua isu yang penting berkenaan dengan sumber manusia Parlimen. Saya dimaklumkan bahawa RUU ini hanya membabitkan pegawai dan kakitangan daripada pengurusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara sahaja, sama ada bertaraf tetap, kontrak atau *MyStep.*

■1730

Seharusnya semua pegawai dan kakitangan Parlimen ketika ini yang bertaraf kontrak dan *MyStep* perlu diterima dan diserap masuk dalam perkhidmatan Parlimen ini kerana mereka ini semua sudah berpengalaman dan berpengetahuan.

Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah pegawai dan kakitangan Parlimen yang sebenarnya terlibat dalam perkhidmatan Parlimen ini? Saya dimaklumkan ada staf yang berstatus kontrak sudah berkhidmat lebih 10 tahun dan sewajarnya mereka ini diberikan *fast track* untuk diserapkan kepada perkhidmatan Parlimen.

Di sini, saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya selepas ini, semua kementerian yang mempunyai Seksyen Parlimen dan pegawai tugas-tugas Parlimen kepada Yang Berhormat Menteri perlu diwajibkan mengambil pegawai dan anggota perkhidmatan Parlimen sama seperti amalan yang dilakukan untuk penasihat undang-undang, di mana ia diisi oleh pegawai dari Jabatan Peguam Negara, manakala pegawai daripada SPRM pula mengisi perjawatan di Bahagian Integriti di setiap kementerian.

Melalui cara ini, barulah kemajuan kerjaya untuk pegawai perkhidmatan Parlimen akan terjamin dan tidaklah mereka hanya bertugas di dalam Parlimen semata-mata, sedangkan kepakaran mereka dalam urusan Dewan atau Jawatankuasa diperlukan di peringkat kementerian atau sebagai PTTK Yang Berhormat Menteri. Saya harap perkara ini dapat dilaksanakan apabila RUU ini diperkuat kuasa kelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Masa sudah tamat.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Saya ingin sebut perkara yang terakhir. Mohon izin.

Berhubung dengan fasal 13, saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung satu saraan pegawai dan anggota perkhidmatan Parlimen ini. Adakah mereka berpencen atau mencarum? Kalau boleh, biar yang berkhidmat dengan perkhidmatan Parlimen mendapat saraan dan ganjaran lebih baik kerana mereka berkhidmat secara langsung di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Akhirnya, berkenaan dengan fasal 12 – dana. Hal ini adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Maaf. Isu kewangan bagi semua Ahli Parlimen dan juga Dewan yang mulia ini. Jadi, adakah dana yang akan disediakan oleh kerajaan untuk perkhidmatan Parlimen ini turut merangkumi peruntukan kawasan Ahli Parlimen? Kerana, ketika ini, peruntukan kawasan Ahli Parlimen dipohon melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM.

Jadi, cadangan terakhir berkenaan dengan dana ini, saya mencadangkan bahawa peruntukan ini, peruntukan untuk pengurusan Parlimen sekurang-kurangnya ditingkatkan kepada satu peratus berbanding dengan jumlah peruntukan setiap tahun satu negara ya, supaya kewangan Parlimen lebih stabil dan bebas daripada eksekutif berbanding dengan

tahun lalu hanya 0.03 peratus ke 0.04 peratus daripada jumlah belanjawan disalurkan kepada Parlimen sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Dengan ini, saya sokong sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Saya jemput Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Yang di-Pertua, saya fikir esok. Saya sudah tutup sudah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tak nak bahas?

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Esoklah, esok. Saya sudah tutup *laptop*... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 5 Mac 2025.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]